

Jilid I
Bil. 47



Hari Khamis
20hb Jun, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7121]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7201]

USUL-USUL:

**Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Baru—Y.A.B. Perdana Menteri [Ruangan 7202]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 7278]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Projek Polis DiRaja Malaysia di Kampung Chim Lee Kepong—Y.B. Dr Tan
Seng Giaw (Kepong) [Ruangan 7278]**

**Bayaran Perkhidmatan kepada Institut Kewangan—Y.B. Tuan Lim Guan
Eng (Kota Melaka) [Ruangan 7283]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasar Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 20hb Jun, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANKBSR DAN KBSM—KAJIAN
SEMULA

1. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah Dasar Pendidikan menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah berjaya mencapai hasrat; tujuan dan matlamat Pendidikan Kebangsaan; dan
- (b) dengan bertukarnya Menteri Pendidikan adakah Kementerian Pendidikan bercadang mengimplimentasikan dasar-dasar baru di bidang pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan daripada perakuan Jawatankuasa Kabinet dalam tahun 1979 supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula seluruh kurikulum rendah dan menengah, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan KBSR atau Kurikulum Baru Sekolah Rendah

mulai tahun 1982/83 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah mulai tahun 1988/1989. Dapatan-dapatan awal menunjukkan bahawa pencapaian murid di bawah Kurikulum Baru Sekolah Rendah terutamanya dari segi penguasaan asas 3M dan pembinaan sahsiah diri melebihi prestasi Kurikulum Lama Sekolah Rendah. Mereka terlibat dengan aktif dalam proses pengajaran-pembelajaran itu. Faktor ini penting dan berkait rapat dengan pembinaan daya fikir, pemupukan keyakinan diri dan peningkatan prestasi akademik.

Pelaksanaan KBSM baru memasuki tahun ketiga, oleh itu masalah terlalu awal untuk kita membuat penilaian terhadapnya. Kementerian Pendidikan yakin bahawa KBSR ini dan KBSM digubal adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan, mutu kehidupan dan mutu ketamadunan bagi mencapai hasrat, tujuan dan matlamat pendidikan kebangsaan.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan dasar-dasar yang sedia ada dan akan terus berusaha untuk memperbaiki program-program pendidikan bagi kita bersama memenuhi keperluan masyarakat masa kini dan masa hadapan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam usaha menerusi KBSR dan KBSM, untuk mencapai matlamat pendidikan nasional, apakah perkara-perkara tersebut seperti

Kemahiran Hidup membantu usaha ini? Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara Kemahiran Hidup ditentang oleh NUTP atau National Union of Teaching Profession, dengan izin, dan adakah pihak Kementerian mengkaji tentangan yang dibuat oleh NUTP kerana mereka berkata apa gunanya untuk mengajar murid-murid buat roti canai, menjahit dan menggunting rambut?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah perkara Kemahiran Hidup ini tidak dibenarkan diambil oleh pelajar-pelajar swasta di sekolah-sekolah swasta dan Sekolah-sekolah Menengah Cina?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin membetulkan satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat di sini kerana beliau menyatakan NUTP menentang program Kemahiran Hidup, sebenarnya tidak benar. Ia cuma tidak bersetuju dengan pelaksanaannya di peringkat Tingkatan 4 dan 5 dengan masa diperuntukkan untuk mengubahsuaikan program ini. Walau bagaimanapun, program ini telahpun diselesaikan dan persefahaman telah didapati di antara NUTP dan guru-guru terlibat dengan pihak Kementerian supaya kita dapat menjalankan dan melaksanakan program ini untuk mencapai tujuan asalnya.

Kemahiran Hidup ini memang kita percaya akan memberikan pendidikan yang menyeluruh kepada pelajar-pelajar kita walaupun ia tidak diwajibkan sebagai satu matapelajaran peperiksaan kerana ini adalah satu perkara yang kita percaya akan memberikan pengajaran atau pendidikan dari segi luar dari kursus akademik kita dan mungkin saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Kemahiran Hidup tidaklah termasuk seperti disebutkan menggunting rambut dan membuat roti

canai. Itu adalah anggapan keterlaluan oleh orang yang tidak melihat atau meneliti kurikulum Kemahiran Hidup itu.

Walaupun ini kita faham, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kemahiran Hidup adalah satu matapelajaran di mana perkara-perkara dalam kehidupan harian seseorang itu adalah diberi pendidikan dalam bilik darjah secara tambahan dalam pendidikan akademik termasuklah seperti keselamatan di rumah. Peningkat-peningkat keselamatan di rumah misalnya ada dalam satu pilihan, termasuklah mengenali warna-warna wayar elektrik dan juga suis-suis supaya ini bukan sahaja untuk mendidik sebagai electrician tetapi memahami bila kita tertemu keadaan di mana kita perlu mengenali wayar elektrik mana yang merbahaya. Jadi, mereka ini pun dapatlah ilmu-ilmu serba sedikit untuk mengelakkan kecederaan.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian menyedari hakikat bahawa banyak amalan-amalan pedagogi KBSR telah tidak lagi diamalkan banyak di peringkat sekolah di mana guru-guru telah kembali kepada kaedah pengajaran tradisional, umpamanya sistem pengelompokan murid-murid dalam kelas berdasarkan aras pencapaian. Sekian.

Dr Leo Michael Toyad: Ini tidaklah boleh dikatakan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu kembali kepada amalan kurikulum lama sekolah rendah tetapi ini adalah satu usaha dalam bilik darjah, khususnya di peringkat rendah di mana kita bukan sengaja mengelompok untuk membezakan pelajar-pelajar kita. Tetapi yang pentingnya ialah kelemahan-kelemahan murid itu dalam sekolah dan kita menambahkan program kita di sekolah rendah di mana kita ada guru pemulihan, di mana pelajar-pelajar yang boleh dikatakan lemah dalam pelajaran

bolehlah diberi asuhan yang lebih teliti. Masalah-masalah pembelajaran mereka ini dapat diteliti atau dipertimbangkan atau diselidik supaya kita dapat memberikan perkhidmatan pendidikan atau pendidikan kepada mereka ini dengan sepenuhnya untuk mencapai matlamat pendidikan mereka.

UNIVERSITI LUAR NEGERI— PEMBUKAAN CAWANGAN

2. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan pencapaian setakat ini dalam usaha Kementerian untuk menarik universiti-universiti terkenal di luar negeri supaya membuka cawangan mereka di Malaysia. Apakah standard serta syarat minimum yang mesti ditawarkan oleh universiti luar negeri sebelum dibenar membuka cawangan di Malaysia. Jika tidak ada, bagaimanakah Kementerian menentukan sama ada sesuatu universiti asing itu akan dibenar membuka cawangan di Malaysia atau tidak. Selain bertujuan memperluaskan peluang pelajar tempatan melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat ijazah, apakah lain-lain tujuan atau matlamat yang juga disasarkan, khususnya faktor-faktor yang tidak mungkin terlaksanakan dengan memperluaskan kemudahan universiti-universiti tempatan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih lagi mengkaji tentang cadangan-cadangan pembukaan cawangan universiti-universiti luar negeri di Malaysia. Sungguhpun begitu, perkara ini perlu dibuat kajian teliti sebelum dilaksanakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun program ini masih di peringkat kajian tetapi program yang dianjurkan oleh pihak swasta melalui program bersama yang dijalankan oleh institusi yang kita

difahamkan ada 11 buah sekarang ini. Saya ingin mengetahui daripada Kementerian dari segi bentuk pengawalannya ataupun mekanismenya bagi menentukan kolej-kolej dan institusi-institusi ini tidak menjalankan atau tidak bertentangan dengan dasar pendidikan negara, dan adakah Kerajaan bercadang supaya melantik wakil-wakil Kementerian supaya menduduki dalam Jemaah Lembaga Pengarah Institusi yang berkenaan bagi mengawal perjalanan kolej-kolej dimasukkan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkenaan dengan universiti-universiti di luar negeri, bukan yang dalam negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa pihak Kementerian mengambil masa yang begitu panjang untuk mengkaji hal yang begitu penting? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita tidak adakan jalan yang lain, termasuk mengadakan cawangan-cawangan universiti-universiti terkenal di luar negeri di negara ini, kita akan menghadapi lebih masalah mengenai kekurangan tempat di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia dan juga kekurangan peluang pendidikan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam tempoh 10 ataupun 15 tahun OPP2 ini, kos untuk menghantar pelajar ke luar negara akan meningkatkan satu kali ataupun dua kali ganda sama ada di Australia ataupun di USA atau UK? Adakah dia sedar bahawa sekarang terdapat lebih 52.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat memberi ucapan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Ia bukan ucapan, Tuan Yang di-Pertua, kerana.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya mengapa lama sangat. Itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana dia tidak jawab soalan itu begitu panjang tetapi jawapan itu begitu pendek. Itulah masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia berura-ura. Dia sedang berura-ura.

Dr Tan Seng Giaw: Itu masalah sebab itu saya hendak memastikan beliau akan menjawab semua. Itulah maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba tengok S.O.23 (h). 23 (h) itu berkata janganlah tanya benda-benda yang berura-ura.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Benda ini begitu serius sekali kerana, kita akan mencapai idaman-idaman yang dicita-citakan di dalam Wawasan 2020. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Apa Yang Berhormat hendak tanya, tanyalah.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah dia sedar kalau kita tidak adakan lebih banyak tempat di kolej-kolej dan universiti-universiti di negara ini seperti di cawangan-cawangan yang disebutkan tadi, maka wang negara akan hilang lebih banyak. Adakah dia sedar bahawa kita hilang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Kita hilang lebih.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan begitu memberi ucapan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw:.....\$4 bilion bagi tiap-tiap tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini bukan ucapan. Saya berharap dia dapat menjawab semua soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, jawab yang mana?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia ura-ura tadi ini. *(Ketawa)*

Dr Tan Seng Giaw: Banyakbanyak.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Cukuplah. Jangan panjang sangat. Kalau tidak, soalan kita tidak habis dalam masa sejam.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa lambat sangat, satu. Sedar atau tidak sedar mustahaknya. *(Ketawa)* Adakan kolej di luar negeri itu cawangan ada di sini supaya duit kita tidak keluar banyak. Ah! Itu dia.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *(Ketawa)* Mengapa begitu lama mengkaji perkara ini ialah sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang teramat penting mengenai negara kita perkembangan masyarakat kita, kemajuan pendidikan ini memberi peluang kepada masyarakat kita mendapat pendidikan. Jadi, kita perlulah meneliti dari segi dasar dan dari segi keperluan negara kita.

Mengenai kehilangan wang kita ke luar negeri, kita telah memberi peluang juga kepada pelajar-pelajar kita mendapat pendidikan di peringkat universiti. Selain daripada universiti tempatan ialah peluang belajar di luar

negeri dan kita ada program di mana kita memberikan peluang untuk mereka belajar 2-3 tahun untuk mengurangkan kos di negara kita ini. Dan keperluan ini memang relatif setiap tahun mungkin meningkatkan permohonan-permohonan dan kita memang sedar dan memberikan pandangan yang serius terhadap memperkembangkan dan memberikan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar itu. Itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Saya pun sudah faham. (*Ketawa*)

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

3. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Jabatan beliau telah menggubal satu dasar atau pelan induk bagi mengatasi masalah setinggan di Wilayah Persekutuan. Bagaimanakah bentuk dasar itu. Adakah dasar tersebut dapat 100% mengatasi masalah setinggan memandangkan, pertumbuhan-pertumbuhan baru koloni setinggan sekarang ini, terutama sekali dari kalangan pendatang tanpa izin; dan
- (b) adakah Jabatan beliau mempunyai pelan kontinjensi perumahan bagi menghadapi penduduk-penduduk setinggan yang kehilangan rumah akibat bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut atau tanah runtuh memandangkan kadangkala mereka terpaksa tinggal berbulan-bulan lamanya di penempatan sementara seperti di dewan-dewan dan sebagainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar dan strategi untuk mengatasi masalah setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:
 - (i) mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baru di atas tanah Kerajaan;
 - (ii) mengatur program pemindahan dan penempatan setinggan berperingkat-peringkat;
 - (iii) membangun kawasan setinggan dengan projek perumahan awam; dan
 - (iv) memberi kemudahan dan perkhidmatan asas kawasan-kawasan yang baru dipindahkan.

Pada keseluruhannya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berjaya mengawal pertumbuhan setinggan baru di Wilayah Persekutuan sama ada dari kalangan warganegara atau bukan warganegara. Kejayaan ini adalah melalui kawalan dan tindakan roboh serta-merta ke atas mana-mana setinggan baru yang didirikan.

Mengenai kejayaan dasar dan strategi setinggan sejak tahun 1975 hingga 1990 dianggarkan sebanyak 26.27% keluarga setinggan telah dipindahkan, iaitu melalui program pemindahan dan pembangunan kawasan setinggan. Jumlah penduduk setinggan pada tahun 1975 ialah 243,154 orang berbanding dengan jumlah sekarang iaitu 179,270 orang.

- (b) Pada dasarnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai pelan kontinjensi perumahan bagi penduduk

setinggian yang terlibat dalam bencana alam. Walau bagaimanapun, mereka yang terlibat akan diberi keutamaan untuk dipindahkan ke rumah pangsa atau rumah panjang sekiranya terdapat kekosongan. Di samping itu juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membenarkan mereka membina semula rumah di atas tapak asal sekiranya berkemampuan untuk berbuat demikian.

**TOL DI LEBUHRAYA
BUKIT RAJA—DAMANSARA
DAN LEBUHRAYA
KUALA LUMPUR—KLANG**

4. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah rayuan yang diterima oleh Kementerian berhubung dengan rayuan supaya kutipan tol dibatalkan di Lebuhraya Bukit Raja-Damansara;
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan lagi kadar bayaran tol di lebuhraya itu, jika tidak, mengapa; dan
- (c) berapakah kadar tol yang dicadangkan untuk dikenakan di Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur-Klang apabila projek enam laluan di lebuhraya itu disiapkan kelak.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pembukaan Lebuhraya baru Lembah Klang pada 7hb. Disember 1990 pihak Kerajaan belum ada lagi menerima sebarang rayuan secara rasmi bagi pembatalan kutipan tol. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada

menerima rayuan daripada Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia supaya kadar tersebut dikaji semula dan dikurangkan.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan kadar tol berkenaan oleh kerana kadar ini adalah ditetapkan mengikut perjanjian konsesi di antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat yang berkenaan.
- (c) Mengenai kadar tol yang dicadang untuk dikenakan di Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur-Klang selepas ianya dinaiktarafkan ialah mengikut sistem tol terbuka dan kutipan tol akan diadakan di kedua-dua hala lebuhraya tersebut iaitu di Batu 3 dan di Sungai Rasau.

Mengikut perjanjian konsesi jika kutipan tol bermula pada tahun 1963, kadar bayaran tol itu di kedua-dua tempat adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kenderaan</i>	<i>Batu 3</i>	<i>Sungai Rasau</i>
Kelas 1 (2 Gandar dan 3 atau 4 roda)	\$0.60	\$0.50
Kelas 2 (2 Gandar dan 5 atau 6 roda)	\$1.00	\$0.90
Kelas 3 (3 Gandar atau lebih)	\$1.20	\$1.10
Kelas 4 (Teksi)	\$0.30	\$0.30
Kelas 5 (Bas)	\$0.50	\$0.40

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat sedar atau tidak di Federal Highway jalannya ada banyak lubang dan ada banyak kemalangan dan baru-baru ini dua tiga orang sudah mati di persimpangan Shah Alam dekat situ. Kalau hendak kutip tol mestilah baiki jalan-jalan baik semua di Federal Highway. Kalau tidak akan ada kemalangan dan kerosakan kereta-kereta orang awam. Jadi, saya mahu tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak masalah ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar perkara-perkara ini dan kita sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki lubang-lubang yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kutipan tol hanya akan dilaksanakan selepas jalan-jalan ini dinaiktarafkan, bukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Mustafa.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembetulan di bahagian (b) apakah Kerajaan bercadang untuk "mengembalikan" semula wang, bukan "mengambilalih". Soalan yang kelima.

SKIM CEPAT KAYA

5. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orangkah pengusaha skim cepat kaya yang telah ditangkap dan akan diambil tindakan oleh pihak polis;
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk mengembalikan semula wang pelaburan orang ramai yang telah dirampas daripada pengusaha-pengusaha tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan-kegiatan skim cepat kaya ini.

36. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Kenapa kegiatan Skim Cepat Kaya yang mengakibatkan ramai rakyat khususnya orang Melayu menghilangkan wang simpanan mereka dibiarkan melemas sungguhpun perkara ini telah dibangkitkan untuk perhatian dalam Dewan Rakyat oleh Ahli

Parlimen Kawasan Bukit Mertajam pada mesyuarat yang lalu iaitu dalam Disember 1990;

- (b) apakah tindakan telah dan sedang diambil untuk menghapuskan kegiatan ini demi menjaga kepentingan orang ramai; dan
- (c) apakah bantuan diberi oleh Kerajaan kepada mangsa-mangsa yang kena tipu itu setakat ini.

25-6-91

16. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah cadangan untuk membuat peruntukan dalam undang-undang negara bagi merampas harta penganjur Skim Cepat Kaya.

26-6-91

Tuan Laur Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang Skim Cepat Kaya:

- (a) berapa sindiket dan pengusaha-pengusaha telah dikenalpasti oleh pihak Polis sekarang;
- (b) jumlah wang yang terlibat masing-masing;
- (c) berapa wang pelaburan atau peratusan dapat dipulangkan kepada pelabur oleh mereka;
- (d) berapa dividen telah ditunaikan kepada pelabur; dan
- (e) tindakan selanjutnya oleh pihak Polis.

12-7-91

55. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nilai pelaburan orang ramai dalam skim cepat kaya yang dibekukan oleh polis. Berapa ramaikah pengusaha skim cepat kaya yang ditahan dan yang didakwa di mahkamah;

- (b) berhubung dengan pembekuan harta milik tiga pengusaha skim cepat kaya yang ditahan di Perak pada April 1991, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya terhadap wang pelaburan orang ramai yang dibekukan itu;
- (c) sejauh manakah penyiasatan polis berhubung dengan semua operasi skim cepat kaya di negara ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap laporan mengenai penganjur skim cepat kaya yang menggunakan wang pelaburan untuk membeli harta di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini dengan empat soalan lain dari Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang sama. Soalan-soalan itu ialah daripada:

- (a) soalan hari ini nombor 36 Yang Berhormat dari Bukit Mertajam;
- (b) soalan Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 25-6-91;
- (c) soalan Yang Berhormat dari Ipoh pada 26-6-91; dan
- (d) soalan Yang Berhormat dari Nilam Puri pada 12-7-91.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung tahun 1990 beberapa laporan polis telah diterima terhadap penganjur-penganjur skim cepat kaya yang dibuat oleh pelabur-pelabur yang berunsurkan jenayah, penipuan dan pecah amanah setelah penganjur-penganjur tidak dapat dikesan ataupun yang memberi alasan janji pulangan dividen yang kosong. Akibat laporan-laporan polis itu, pihak polis mula bergiat menjalankan siasatan

yang berunsurkan jenayah, penipuan dan pecah amanah. Sebelum tempoh tersebut kegiatan skim cepat kaya dikendalikan oleh pihak Bank Negara Malaysia di bawah undang-undang Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Tumpuan siasatan pihak polis ialah atas kesalahan-kesalahan jenayah, penipuan dan pecah amanah terhadap penganjur-penganjur dengan tujuan untuk dihadapkan ke mahkamah. Di samping itu pihak polis juga telah menjalankan tindakan menyiasat di bawah undang-undang pencegahan iaitu Enakmen Kediaman Terhad Bab 39 dengan tujuan menyekat penglibatan penganjur-penganjur skim cepat kaya daripada menerus atau mengulangi kegiatan mereka.

Akibat siasatan polis itu, sehingga 24hb. Mei 1991 seramai 16 orang penganjur-penganjur skim cepat kaya telah dikeluarkan Waran Tangkap dan Tahan di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39 dengan tujuan membendung kegiatan mereka daripada diulangi serta menjauhkan diri mereka dengan masyarakat umum. Pihak polis terus berusaha meneruskan siasatan mereka untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap saki-baki orang-orang yang bertanggung-jawab secara langsung membantu perjalanan skim cepat kaya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah sindiket skim cepat kaya yang dikenalpasti ialah sebanyak tujuh jenis sindiket dan jumlah wang atau nilai pelaburan yang terlibat bagi tiap-tiap sindiket adalah seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Nilai Pelaburan</i>
Skim 350	\$70 juta
Skim 120	\$20 juta
Skim Permata Bakti	\$30 juta
Skim Permata Mahir	\$10 juta
Skim Sri Emas Enterprise	\$10 juta
Skim Tingcon Credit Development Sdn. Bhd	\$60 juta
Skim Pestama Bhd. (Pak Man Telo)	\$70 juta

Walaupun sindiket-sindiket itu telah dikenalpasti tetapi sehingga kini tidak ada rampasan dibuat dan yang demikian, tiada wang pelaburan dipulangkan semula kepada pelabur.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cara-cara yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan skim cepat kaya, saya ingin tahu kenapakah begitu lama untuk pihak yang berkenaan menangkap pengusaha-pengusaha skim cepat kaya oleh kerana begitu ramai yang menjadi mangsa melibatkan berpuluh-puluh juta wang yang terlibat?

Yang kedua, saya ingin tahu adakah mereka ini mempunyai lesen perniagaan yang sah ataupun trading licence?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telah mengambil langkah dengan cepat. Sepertimana telah saya beritahu Dewan tadi iaitu beberapa laporan polis hanya diterima pada tahun 1990, jadi dengan adanya laporan polis barulah dapat pihak polis bertindak. Setakat hari ini waran-waran tangkapan terhadap pengusaha-pengusaha telahpun dikeluarkan dan sebilangan daripada mereka itu telahpun di bawah tahanan.

Untuk soalan yang kedua, mereka ini adalah sindiket haram, maka tidak adalah lesen yang sah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu dari jumlah wang yang disebut tadi itu sama ada wang itu disimpan dalam bank-bank dalam negeri ataupun di bank-bank luar negeri. Kalau bank luar negeri, saya ingin tahu di negeri mana wang itu disimpan.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah langkah-langkah pihak Kementerian seterusnya untuk menahan, mencegah perbuatan ini supaya tidak berulang dan muncul lagi syarikat-syarikat baru pada masa hadapan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada wang tunai dirampas sepertimana telah saya katakan tadi. Walau bagaimanapun, siasatan polis telah menunjukkan bahawa sindiket ataupun pengusaha-pengusaha ini telah menggunakan sebahagian wang kutipan itu untuk memiliki rumah-rumah besar, kereta-kereta mewah dan sebagainya. Oleh kerana ini masih dalam proses siasatan, maka tidak dapat kita tentukan sama ada wang mereka kalau ada disimpan di dalam atau di luar negeri.

Untuk soalan yang kedua mengenai langkah-langkah, sepertimana telah saya terangkan tadi iaitu pihak polis telah bergiat mengambil tindakan sebaik sahaja terima laporan dan siasatan menunjukkan sebarang langkah untuk menahan mereka ini di bawah Enakmen Kediaman Terhadap terus polis bertindak. Jadi, dengan cara itu tidak ada seorang pengusaha pun kalau dikesan, dapat teruskan kegiatan mereka.

KEMALANGAN JALAN RAYA— PUNCA UTAMA

6. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di antara sebab-sebab kemalangan jalan raya ialah kecuaiian pemandu dan memandu melebihi had laju. Jika ya, menyatakan:

- (a) sama ada Menteri sedar bahawa ada terdapat had-had laju yang tidak munasabah dan terlalu ketat, tidak sesuai dengan keadaan kenderaan dan jalan masa kini. Keadaan ini juga mendorong pemandu memandu melebihi had;
- (b) sama ada Kementerian bercadang mengkaji semula had-had laju di seluruh negara; dan
- (c) sejauh mana penguatkuasaan undang-undang itu dapat dilaksanakan oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa punca utama kemalangan jalan raya di negara ini adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu. Di antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan termasuklah memandu laju, memandu pada jarak yang dekat, memandu secara merbahaya dan memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa.

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah menetapkan 3 jenis atau kategori had kelajuan yang perlu dipatuhi oleh pengguna-pengguna kenderaan motor di negara ini, iaitu:
- (i) Had Laju Nasional;
 - (ii) Had Laju Kenderaan; dan
 - (iii) Had Laju Tempatan.

Kerajaan perlu mengkaji dengan teliti faktor-faktor yang menentukan had laju kenderaan dan jalan sebelum membuat keputusan dalam menetapkan kelajuan maksimum bagi sesuatu kenderaan atau jalan. Had Laju Kebangsaan yang diwartakan di bawah Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 yang menetapkan 110 k.m. sejam bagi lebuh raya dan 90 k.m. sejam bagi jalan-jalan lain adalah sesuai dan munasabah. Begitu juga dengan had laju baru bagi kenderaan yang diwartakan sebagai Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Had Laju 1989.

Berhubung dengan had laju bagi kategori ketiga, iaitu Had Laju Tempatan, ianya adalah di luar bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, saya percaya pihak-pihak yang terlibat dengan penetapan Had Laju Tempatan seperti Jabatan Kerja Raya,

Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran dan Daerah, iaitu bergantung kepada jalan-jalanraya yang di bawah bidangkuasa masing-masing, kita sentiasa membuat kajian ke atas perkara ini.

- (b) Berdasarkan faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan belum lagi bercadang untuk mengkaji Had Laju Nasional dan Had Laju Bagi Kenderaan.
- (c) Kementerian Pengangkutan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak Polis sentiasa memberi perhatian terhadap penguatkuasaan undang-undang ini. Bagaimanapun, oleh kerana kekurangan kakitangan, maka penguatkuasaan itu tidak dapat dilaksanakan setiap masa dan di semua tempat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita memandu di lebuh raya Amerika Syarikat maka kita dapati had laju maksimumnya sama dengan kita dan ada juga had laju minimum iaitu 45 batu sejam. Apakah Kementerian itu bercadang untuk meletakkan juga kelajuan minimum sebab kalau orang memandu terlalu perlahan di lebuh raya, ia mengganggu traffic flow dan ia juga menyebabkan berlaku banyak kemalangan. Jadi, Kerajaan juga hendaklah menangkap mereka yang memandu terlalu perlahan di lebuh raya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya di lebuh raya Malaysia ini bukannya perlu minimum kerana mereka ini kita beri had laju 110 km sejam, dia hendak 140 km sejam. Jadi, minimum itu rasa saya tak perlu dihadkan kerana di lebuh raya tidak ada minimum dan mereka tak boleh lepas daripada 110 km

sejam. Tetapi di tempat-tempat lain macam saya kata tadi di bawah bidangkuasa Kerajaan Tempatan dan sebagainya memang mereka ini menetapkan had laju bolehlah di-anggapkan minimum kerana kadang-kadang ada yang 35, 40, 50 km sejam.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Morris Minor lari 30 batu sejam, jadi mengganggu kenderaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kita tidak bolehlah menghadkan pula Morris Minor itu tidak boleh menggunakan lebuhraya, tetapi kita juga boleh menentukan bahawa kalau satu-satu kenderaan itu—itu yang saya kata tadi had laju kenderaan iaitu tiap-tiap jenis kenderaan ada juga kita tetapkan had laju maksimum dan minimum dari segi dalam lebuhraya dia boleh lari misalnya 90 km sejam sahaja walaupun had laju kita di lebuhraya 110 km sejam, kenderaan-kenderaan tertentu hanya boleh sampai 90 km sejam sahaja. Ini ada lagi satu sekatan iaitu menentukan bahawa tidak semua kenderaan boleh melampaui had laju yang ditetapkan kepadanya. Misalnya saya ada beberapa contoh, kenderaan penumpang misalnya adalah biasa iaitu yang keadaannya baik dan telah ditentukan 'road worthiness'nya. Mengikut Had Laju Nasional iaitu 90 km sejam di jalan raya biasa dan 110 km sejam di lebuhraya tetapi kenderaan barangan kita tentukan bahawa 90 km sejam di lebuhraya dan 80 km sejam maksimumnya di jalan-jalan lain. Begitu juga ada kenderaan tiga roda misalnya macam motosikal yang ada kereta sampingan dihadkan juga iaitu di lebuhraya 70 km sejam sahaja dia boleh lari dan di jalan-jalan lain 60km sejam sahaja maksimumnya. Jadi, ada sekatan-sekatan ini. Dan Morris Minor termasuklah dalam kenderaan-kenderaan kegunaan yang lain, iaitu kepunyaan persendirian.

Dato' Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan perbandingan had laju di antara negara kita dengan negara-negara ASEAN dan kalau boleh dengan negara-negara maju yang lain.

Yang kedua, perbandingan kadar kemalangan jalan raya di antara negara kita dengan negara-negara ASEAN.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat lengkap pada saya di sini mengenai kadar kemalangan dan juga had laju ini tadi, tetapi yang saya ingat iaitu di Singapura had laju maksimum di lebuhraya adalah 90 km sejam sahaja dan di jalan-jalan lain kurang daripada itu. Di Australia had laju maksimum di lebuhraya ialah 110 km sejam samalah seperti di Malaysia dan jalan-jalan lain 100 km sejam. Kalau tak silap saya di Amerika Syarikat di lebuhraya 90 km sejam sahaja dan di jalan-jalan lain berbeza-beza di antara jalan-jalannya.

Dari segi kemalangan, memanglah tanggapan kita bahawa apabila kita lebih laju, risiko kita menghadapi kemalangan itu adalah lebih. Dibandingkan dari segi kemalangan, walaupun memang kita kata kemalangan di negara kita ini terlalu tinggi tetapi berbanding di dalam seluruh negara ASEAN, kita ini jatuh nombor empat. Adalah juga harapannya, tetapi saya masih tak puas hati, dan kita mintalah semua pihak supaya berhati-hati semasa berada di jalan raya.

SKIM CEPAT KAYA—KEGIATAN

7. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan supaya wang yang dirampas daripada penganjur-penganjur 'Skim Cepat Kaya' dijadikan suatu Yayasan Pelajaran untuk bumiputera supaya pelabur-pelabur skim ini yang kebanyakannya terdiri daripada bumiputera sekurang-

kurangnya tidak terjatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab tetapi menjadi suatu yayasan yang dapat membantu anak-anak bangsa mereka ke arah yang baik.

36. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kenapa kegiatan "Skim Cepat Kaya" yang mengakibatkan ramai rakyat, khasnya orang Melayu menghilangkan wang simpanan mereka dibiarkan berleluasa sungguhpun perkara ini telah dibangkitkan untuk perhatian dalam Dewan Rakyat oleh Ahli Parlimen kawasan Bukit Mertajam pada mesyuarat yang lalu iaitu dalam Disember 1990;
- (b) apakah tindakan telah dan sedang diambil untuk menghapuskan kegiatan ini demi menjaga kepentingan orang ramai; dan
- (c) apakah bantuan diberi oleh Kerajaan kepada mangsa-mangsa yang kena tipu itu setakat ini.

25-6-91

16. Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan adakah cadangan untuk membuat peruntukan dalam undang-undang negara bagi merampas harta penganjur Skim Cepat Kaya.

19-7-91

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kewangan berhubung dengan pertumbuhan pesat syarikat-syarikat Skim Cepat Kaya; dan

- (b) mungkinkah pihak Kementerian akan memberi pertimbangan kepada sesuatu bentuk perniagaan yang dijalankan oleh mana-mana syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang juga dijadualkan dijawab pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang dijadualkan dijawab pada 25hb Jun 1991 dan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 19hb Julai 1991, saya memohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan Skim Cepat Kaya di negara ini sentiasa diawasi dengan rapi oleh Kerajaan. Sebagaimana yang pernah dijelaskan di Dewan ini dalam mesyuarat yang lalu, penyiasatan ke atas penganjur-penganjur skim itu perlu dibuat dengan teliti kerana mereka tidak mempunyai rekod-rekod yang lengkap. Tambahan pula, ada di antara mereka berselindung di sebalik kegiatan perniagaan yang lain termasuk pembinaan dan juga perniagaan pinggan mangkuk.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini ada dua buah syarikat yang telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah menerima deposit tanpa lesen yang disah di bawah Seksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Syarikat-syarikat itu ialah Pestama Enterprise dan Sri Emas Enterprise. Pemilik Pestama Enterprise telah didenda \$250,000 pada 14hb Mac 1990 manakala pemilik Sri Emas Enterprise

telah dikenakan hukuman penjara 42 bulan dan denda \$500,000 atau 10 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda, pada 30hb Mei 1991.

Penyiasatan ke atas syarikat-syarikat ataupun individu lain yang disyaki terlibat dalam skim itu masih diteruskan dan tindakan undang-undang akan diambil setelah bukti-bukti lengkap mengenai kegiatan mereka. Dengan demikian, adalah tidak benar sekiranya ada pihak-pihak yang beranggapan bahawa kegiatan skim itu dibiarkan berleluasa oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai telah berulang kali dinasihatkan melalui akhbar-akhbar supaya jangan melabur wang mereka dalam skim-skim seumpama itu kerana mereka bukan sahaja menanggung risiko kehilangan wang mereka, malah mereka juga bersubahat dalam kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen yang sah. Dengan demikian, kesedaran dan kerjasama orang ramai juga adalah penting dalam usaha membanteras kegiatan skim tersebut kerana tanpa penyertaan mereka, Skim Cepat Kaya itu tidak akan berkembang dan akan lenyap dengan sendirinya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mengiktiraf kegiatan-kegiatan Skim Cepat Kaya itu atau mengikat jamin pendeposit-pendeposit skim-skim seumpama itu kerana Kerajaan tidak membenarkan sebarang kegiatan itu beroperasi secara haram. Dengan demikian, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab untuk membantu pendeposit-pendeposit yang menjadi mangsa kegiatan Skim Cepat Kaya itu kerana mereka juga bersubahat dalam kegiatan tersebut. Kerajaan juga tidak akan membenarkan skim seumpama itu beroperasi secara sah kerana ia bertentangan dengan amalan-amalan perniagaan dan terdedah kepada penipuan. Tambahan pula, institusi-institusi kewangan yang beroperasi

secara sah di negara ini mampu memberi perkhidmatan yang lengkap dan terjamin kepada semua rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang sedia ada adalah dirasakan mencukupi untuk mengendalikan kes-kes pengambilan deposit tanpa lesen yang sah. Dengan demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk membuat pindaan Undang-undang bagi membolehkan harta penganjur Skim Cepat Kaya dirampas atau dijadikan peruntukan untuk tabung-tabung yayasan-yayasan tertentu kerana mahkamah boleh menentukan dengan adilnya mengenai kedudukan wang atau apa-apa barang yang dirampas daripada penganjur skim berkenaan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada rekod yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada dua sabitan setakat ini yang terlibat dalam Skim Cepat Kaya ini. Soalannya, daripada sabitan yang pertama iaitu kes Pak Man Telo berlaku dalam tahun 1990 telah didenda di Mahkamah, kemudian selepas daripada itu kegiatan ini berterusan tanpa apa-apa campurtangan daripada pihak Kerajaan dan tindakan tidak diambil. Mengapa selepas suatu sabitan telah dibuat, suatu tindakan tegas tidak diambil oleh Kerajaan dan seolah-olah memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa skim ini tidak salah. Di dalam kes Pak Man Telo, pihak Bank Negara telah membuat satu kesilapan dengan tidak mengemukakan sabitan lalu Pak Man Telo yang telah terlibat di dalam kes pecah amanah sebelum ini. Ini sekali lagi memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa perbuatan ini tidak salah.

Yang kedua, dalam kes sabitan yang kedua di Mahkamah Majistret Jalan Duta, sebahagian besar daripada wang ini telahpun diperintah oleh Mahkamah di bawah Kanun Acara Jenayah supaya dihantar kepada Consolidated Fund.

Mengapa ini berlaku? Mengapa Kerajaan tidak menghebahkan sesiapa yang berminat, yang terlibat dengan wang ini supaya menuntut hak di Mahkamah supaya wang ini boleh dikembalikan kepada mereka. Sebaliknya wang ini telah diperintah untuk dimasukkan ke dalam Consolidated Fund kerana tidak ada penuntut dan barangkali pihak penyiasat tidak menghebahkan perkara ini kepada mereka yang terlibat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kes yang berlaku di peringkat mahkamah pada tahun 1990 sewajarnya dianggap sebagai satu pengajaran oleh semua pihak. Dalam hal ini, bukan sahaja melalui peruntukan Undang-undang dan tindakan polis bersama-sama pihak Bank Negara, bahkan perlu dibanteras melalui kerjasama daripada masyarakat umum bahawa jika mereka terlibat, besar kemungkinan mereka akan tertipu satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan daripada tindakan terhadap kes yang pertama merupakan pengajaran kepada semua pihak dan jika sekiranya itu tidak merupakan pengajaran, maka langkah-langkah seterusnya diambil oleh pihak polis dan juga Bank Negara. Tentang masalah pecah amanah, nama yang disebutkan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam siasatan dan besar kemungkinan akan dibawa ke peringkat mahkamah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, mengapa tidak dipulangkan dan mengapa tidak disebarkan kepada umum untuk menuntut, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini akan berlaku penipuan kemungkinan besar. Ada yang tidak ada kaitan langsung mungkin akan menyenaraikan namanya untuk menuntut kerana dalam siasatan yang dibuat hingga kini, terbukti tidak ada rekod-rekod yang sah untuk membuktikan pembayaran nilai siapa membayar, siapa tidak membayar. Jadi,

kalau sekiranya ada orang hendak menuntut, besar kemungkinan ada yang tidak sah, yang tidak sah akan juga menuntut pada jumlah yang tidak ada hadnya. Kita perlu merujuk kepada amalan Kerajaan, lebih daripada ini, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1986 ada juga lebih kurang 32 pemungut deposit yang haram di mana pendeposit tidak dipulangkan balik. Dalam hal yang lain, mereka yang menerima deposit secara halal pada tahun 1986, maka pendepositnya mendapat balik apa yang dideposit oleh mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu consistent, dengan izin, apa yang diamalkan pada tahun 1986 dan pada hari ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak tipu berlaku di atas tipu.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan oleh Timbalan Menteri bahawa Kerajaan tidak akan memberi bantuan kepada pelabur-pelabur. Jadi saya ingin tanya mengenai pendirian Kerajaan dalam perkara ini sama ada Kerajaan biarkan pelabur-pelabur sebegitu sahaja dan tidak mengambil apa-apa tindakan supaya melindungi kepentingan pelabur-pelabur ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah menerangkan tadi sebab-sebab mengapa ianya tidak boleh dibayar balik.

GURU BESAR SEKOLAH RENDAH DI KEDAH

8. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan Guru-Guru Besar dari semua sekolah rendah di negeri Kedah yang diturunkan status iaitu dari pangkat Guru Besar kepada guru biasa akibat implementasi gaji 2 skim.

Dr Leo Micheal Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada seorang pun guru besar sekolah rendah di negeri Kedah yang telah diturunkan status sebagai

guru besar. Walau bagaimanapun, terdapat dua orang guru besar yang telah dipersetujui permohonan mereka sendiri untuk menjadi guru biasa.

HUBUNGAN DINGIN MALAYSIA—AUSTRALIA

9. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan alasan-alasan bagi hubungan genting (strained relations) antara Kerajaan dengan Australia dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki hubungan dengan negara tersebut.

26-6-91

56. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah puncanya yang menyebabkan berlakunya hubungan dingin antara Malaysia-Australia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk berusaha memulihkan hubungan tersebut.

27-6-91

50. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan punca dan pendirian Malaysia terhadap kekurangan mesra antara Kuala Lumpur dengan Canberra, apakah langkah-langkah positif akan diambil oleh Kerajaan pada masa hadapan untuk memulih semula hubungan baik antara dua negara.

10-7-91

13. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah bermulanya dan bentuk kempen-kempen memburukkan Malaysia di Australia telah menjejaskan hubungan baik di antara Malaysia dan Australia. Apakah usaha Kerajaan menerusi Kementerian belia untuk mengatasi masalah tersebut.

16-7-91

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Australia terlibat dalam kempen memburuk-burukkan Malaysia di sana; dan
- (b) apakah pula tindakan Kerajaan Malaysia untuk menidakkan kebenaran kempen memburuk-burukkan Malaysia di Australia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya bercadang untuk menjawab sekaligus pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada hari ini, Yang Berhormat Ahli dari Machang pada 26-6-91, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 27-6-91, Yang Berhormat Ahli dari Lembah Pantai 10-7-91 dan Yang Berhormat Ahli dari Kuala Kedah pada 16-7-91 memandangkan bahawa semua perkara yang dibangkitkan berkisar kepada persoalan yang sama iaitu hubungan semasa antara Malaysia dengan Australia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan ini sedia maklum hubungan di antara Malaysia dengan Australia pada masa kini bukanlah, dengan izin, the best amongst friends. Saya suka menegaskan di sini bahawa suasana yang wujud kini bukanlah akibat daripada perbuatan kita.

Sebagai sebuah negara yang bermaruah dan bertanggungjawab, Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip antarabangsa di mana kita tidak mencampuri peri hal ehwal di dalam sesuatu negara di mana-mana sekalipun. Justeru itu Malaysia juga berharap negara-negara lain turut

menghormati prinsip ini dengan tidak pula mencampuri hal-hal di dalam negara kita.

Malangnya ada pihak-pihak tertentu di Australia yang mana golongan zionisme mungkin ikut terlibat, tidak senang melihat tahap pembangunan dan kemajuan yang tercapai oleh negara kita ini. Justeru itu dengan berselindung di sebalik prinsip, dengan izin, freedom of the press mereka mengambil kesempatan untuk menyuarakan kegelisahan mereka itu dengan cara yang tersendiri iaitu dengan menimbulkan isu-isu yang berpaut dengan hal-hal di dalam negara kita dan membuat tohmahan-tohmahan liar terhadap negara kita tanpa mengira kesahihan serta kebenaran kepada isu-isu yang diketengahkan itu. Golongan-golongan seumpama ini dengan sengaja tidak mahu mengetahui atau memahami, lebih-lebih lagi menghormati nilai-nilai masyarakat berbilang kaum di negara kita. Suasana begini tidak harus dibiarkan berterusan. Namun demikian, terpulanglah kepada pihak-pihak yang tertentu di Australia untuk membuat perhitungannya sendiri, untuk membaiki keadaan dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memulihkan hubungan seperti sedia kala antara kita dengan negara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Baru-baru ini iaitu minggu lalu, TV3 ada menayangkan beberapa siri untuk beberapa malam mengenai isu-isu atau keadaan di Australia. TV3 sungguhpun pemilikannya berbentuk swasta tetapi di dalam penguasaan Kerajaan. Adakah ini merupakan satu perang media yang dicituskan oleh kedua-dua negara? Adakah ini satu cara yang baik untuk menyelesaikan masalah antara Australia dan Malaysia?

Kedua, oleh kerana perjumpaan yang dijadual diadakan di antara Perdana Menteri kedua-dua negara pada awal Jun tidak dapat diadakan oleh kerana penangguhan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara-Negara Komanwel, maka bila-

kah mesyuarat antara Perdana Menteri kedua-dua negara akan diadakan untuk membincang dan mengatasi masalah ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, program-program yang ditunjukkan oleh TV3 khususnya adalah program-program yang ditentukan oleh TV3 itu sendiri. Bagi pihak Kerajaan ianya tidak langsung menggunakan TV3 untuk mencari jalan untuk menyelesaikan masalah perang dingin antara Malaysia dan Australia. Pihak kita menyerahkan kepada budi-bicara Kerajaan Australia itu sendiri untuk kalaupun hendak berbaik dengan kita, dan kita sanggup berbaik semula dengan mereka. Tetapi inisiatifnya perlulah datanginya daripada pihak Australia, sebab mereka yang memulakan sebabnya kita mempunyai perang dingin antara kita dengan mereka.

Keduanya, perjumpaan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Australia juga terpulang kepada budibicara Perdana Menteri Australia. Kalau Perdana Menteri yang berkenaan ingin bertemu dengan Perdana Menteri kita, saya kira pihak kita tidak ada halangan untuk bertemu dan berbincang dengan Perdana Menteri Australia.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jenis tohmahan ataupun tuduhan-tuduhan liar yang dikatakan dilemparkan oleh Australia terhadap negara kita? Adakah cukup untuk menyatakan itu dengan hanya satu program TV yang disebut "Slow Boat to Surabaya". Dan pihak manakah yang dikatakan, pihak tertentu di Australia yang memulakan perang dingin ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab yang mana hubungan dingin ini berlaku antara kita dengan

Australia dan pihak Australia sendiri pun sedia maklum, maka terpulang kepada mereka untuk hendak membetulkan keadaan.

Keduanya, ialah tentang siapa yang memulakannya. Pihak kita tidak pernah membuat apa-apa perkara yang boleh menyebabkan Kerajaan Australia menentang ataupun tidak menyenangi tentang berita-berita yang memburukkan Kerajaan ataupun rakyat di Australia. Sebaliknya terdapat, seperti saya katakan sebentar tadi perkara-perkara yang tidak menyenangkan kita. Maka seharusnya ini tidak sepatutnya kita biarkan, maka kita terpaksa membuat sesuatu agar pihak Australia dapat membetulkan keadaan mereka agar hubungan yang baik dapat diwujudkan seperti sedia kala.

PEMBINAAN 'RAMP' JEJAMBAT

10. **Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyatakan adakah di bawah kesedarannya bahawa satu "ramp" jejambat ("flyover") telah dibenarkan untuk pembinaan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terutamanya bagi projek kondominium yang dikenali sebagai De'Village:

- (a) menyatakan sebab bagi kebenaran "ramp" jejambat daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur walaupun De'Village Kondominium sudah ada jalan masuk ("access road") di sebelah pusat beli belah The Mall;
- (b) apakah sebab bagi Kerajaan Wilayah Persekutuan memberi kebenaran kepada Pemaju Navistar Sdn. Bhd. untuk menggunakan "air space" di Jalan Tun Ismail/Jalan Kuching dan tanah Kerajaan bagi pembinaan "ramp" jejambat dan adakah sebarang bayaran dikenakan ke atas syarikat ini. Kalau tidak ada apa-apa bayaran, sila kemukakan sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan "ramp" jejambat adalah merupakan salah satu syarat kelulusan perancangan yang dikenakan oleh Jawatan-kuasa Perancang Bandaraya Kuala Lumpur. Pembinaan "ramp" jejambat di samping jalan keluar/masuk dari Jalan Tun Ismail bersebelahan Pusat Beli Belah "The Mall", akan mewujudkan satu sistem jalan keluar/masuk dan peredaran lalulintas yang lebih sempurna bagi projek pembangunan tersebut.
- (b) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran untuk menggunakan "air space" dalam setiap pembinaan jejambat termasuklah jejambat yang dibina oleh pihak pemaju swasta.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak jawab soalan saya dengan terang seperti kelmarin. Dia selalu bohong di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "bohong" itu unparliamentary. Minta tarik balik.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Wee Choo Keong: Kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya tarik balik, saya tarik baliklah. Tetapi saya rasa dia sendiri tahu juga dengan apa dia cakap kelmarin itu seperti penswastaan sebidang tanah di Bukit Kiara itu...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, tanya soalan ini iaitu soalan yang dihadapan kita.

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak tanya Timbalan Menteri ini kelulusan pembinaan jejambat ini untuk kepentingan orang awam atau kepentingan projek De'Village.

Yang kedua, adakah Datuk Bandar Tan Sri Elyas Omar ada apa kepentingan atau interest di dalam projek ini?

Dato' Dr Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan "ramp" jejambat ini adalah untuk kepentingan semua pihak. Kita sebagai warga kota Kuala Lumpur sering merungut kerana terdapatnya lalulintas yang congested dan banyak suara-suara meminta supaya Kerajaan dapat menyelesaikan masalah lalulintas yang begitu rumit. Oleh kerana kerumitan lalulintas ini, usaha kita jalan disemua peringkat dan langkah diambil sama ada pengangkutan awam ataupun jalan-jalan keluar masuk di satu-satu tempat projek pembangunan.

Oleh kerana itu di dalam syarat kelulusan perancangan yang kita tetapkan iaitu sumbangan Tabung Pembaikan Perkhidmatan merupakan salah satu syarat sumbangan pihak swasta kepada pembangunan yang hendak dibuatkan dipersekitaran kawasan tersebut.

Jadi "ramp" ini adalah termasuk di dalam ISF, iaitu sumbangan Tabung Pembaikan Perkhidmatan di mana memudahkan lalulintas di kawasan yang sedang dibangun dengan pesatnya.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya bolehlah saya dengan tegas menyatakan bahawa Tan Sri Dato' Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak ada kepentingan sama sekali di dalam projek De'Village seperti yang didakwa oleh

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Setahu saya beliau tidak langsung mempunyai kepentingan.

Untuk jawapan kelmarin, saya rasa tidak perlulah saya jawab lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan tadi hendak mengurangkan kesesakan lalulintas, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Jalan Kuching sekarang ini adalah salah satu jalanraya yang paling sibuk. Dengan kesibukan ini, adakah dia sedar bahawa ada projek untuk memperluaskannya lagi. Dengan itu mengapa kita adakan satu "ramp" lagi di sebelah, kerana setahu saya di dalam jalanraya, kita tidak mahu jalan simpang macam ini, jalan lecongong macam ini kerana ini akan menjejaskan lalulintas?

Kalau Tan Sri Dato' Elyas Omar tidak mempunyai kepentingan ke atasnya, mengapa dia benarkan hal seperti ini berlaku yang menjejaskan lagi, menambahkan lagi kesesakan lalulintas? Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pun boleh sahkan hal ini. *(Ketawa)*

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kacamata Yang Berhormat dengan prespektif Dewan Bandaraya adalah berbeza. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kepong hanya memperlihat masalah yang terdapat di sepanjang Jalan Kuching, malah prespektif yang dibuat oleh Bandaraya meliputi jalan-jalan yang melingkari keluar-masuknya berhadapan dengan The Mall dan Hotel Pan Pacific. Jadi oleh kerana kesesakan yang timbul di kawasan yang disebut tadi akan lebih membebankan kawasan Jalan Kuching, jika sekiranya 'ramp' itu tidak dibuat dengan kos sendiri oleh pihak pemaju menerusi Jalan Kuching kepada projek De'Village.

SAHAM TERBITAN AWAM BAGI BUMIPUTERA

11. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan bahawa peruntukan bumiputera bagi terbitan saham-saham awam tidak lepas ke tangan golongan lain.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan sewajarnya sedang diambil oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengemaskini prosedur-prosedur permohonan saham terbitan awam yang sedia ada bagi mengelakkan penyelewengan dalam pembahagian saham kepada bumiputera.

Prosedur-prosedur yang sedang dikemaskini itu akan mewujudkan kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan peruntukan bumiputera tidak terjatuh ke tangan pihak lain. Prosedur baru ini dijangkakan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi dan oleh kerana ia masih lagi dalam peringkat perbincangan yang terakhir, maka adalah tidak wajar untuk diumumkan prosedur itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.12 hingga 49 adalah diberi di bawah ini)

KBSR DAN KBSM— PERLAKSANAAN

12. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang pelaksanaan KBSR dan KBSM dijalankan sebagai usaha mengganti kurikulum lama yang dikatakan tidak berkesan. Apakah langkah yang sudah,

sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan KBSR dan KBSM.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan KBSR mulai tahun 1982/83 dan KBSM mulai tahun 1988/89. Kedua-dua program ini digubal berikutan daripada perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) dan berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan sepadu.

KBSR telah dilaksanakan sepenuhnya di sekolah rendah dan kini sedang memasuki pusingan kedua. Perkembangannya adalah positif kerana telah menampakkan perubahan budaya belajar yang positif. Maklumbalik yang diterima dan kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Universiti Sains Malaysia menunjukkan bahawa murid KBSR belajar dengan lebih aktif, berani memberikan idea, keyakinan diri dan peka terhadap alam sekeliling.

Disamping itu Kementerian Pendidikan telah dapat mengesan beberapa kelemahan dan sedang berusaha untuk memperbaikinya. Langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan keiktisasan guru besar dan guru dalam mengendalikan program KBSR melalui kursus-kursus serta pembekalan pukat latihan dan bahan-bahan bimbingan.

KBSM telah memasuki tahun ketiga dan pihak Kementerian Pendidikan menjalankan pengesanan pada setiap tahun untuk menjamin kelancaran pelaksanaannya. Untuk menjamin keberkesanannya, semua guru yang terlibat, terutamanya pengetua diberikan kursus dan dibekalkan dengan pukat latihan.

Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk menilai secara menyeluruh pelaksanaan program KBSM, seperti yang telah dilakukan kepada KBSR.

**PROJEK HIDRO-ELEKTRIK
EMPANGAN PELAGUS
DI SARAWAK**

13. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) tarikh Kerajaan Pusat membina projek Hidro-Elektrik Empangan Pelagus di Belaga, Sarawak dan jumlah kawasan yang akan terlibat;
- (b) jumlah perbelanjaan projek tersebut dan jumlah keluarga yang akan dipindah;
- (c) bagaimana Kerajaan Pusat mengganti rugi keluarga-keluarga yang terlibat dan cara-cara menempatkan mereka di kawasan baru;
- (d) nama syarikat pembinaan projek dan bagaimana ia akan memberi faedah kepada rakyat khususnya rakyat di Bahagian 3, 4, 6 dan 7 di negeri Sarawak; dan
- (e) siapa yang akan menanggung kos pembinaan.

Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri atau lain.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Suka saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bertarikh 22-7-1991.

Rancangan untuk mengadakan projek-projek Janakuasa Hidro di negeri Sarawak dan kajiannya dimulakan dari

tahun 1982, tetapi kita tidak mengambil apa-apa keputusan berkenaan dengan projek tersebut. Pada 20-5-91 saya dan pegawai-pegawai Kementerian dan Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak telah melawat beberapa tempat yang berpotensi untuk mengadakan projek janakuasa hidro seperti berikut:

1. Murun
2. Pelaga
3. Bakun

Ketiga-tiga tempat yang telah dilawati merupakan tempat yang sesuai untuk diadakan projek hidro elektrik berkenaan. Pada masa kini, satu rombongan pakar-pakar sedang membuat kajian kemungkinan termasuk impak persekitaran dan kos. PPLS telah membuat kajian dengan menggunakan perunding-perunding dari luar negeri di Murun. Pada mulanya, hasrat Kerajaan bukanlah untuk menimbulkan masalah-masalah persekitaran atau ekologi tetapi untuk membawa air dari Murun melalui terowong ke satu paras 700 kaki tinggi untuk menjanakan kuasa sebanyak 800 mw.

Setakat ini, selepas kajian permulaan, kajian selanjutnya belum lagi dibuat. Semenjak lawatan saya ke Sarawak, Kerajaan telah mengambil sikap yang serius untuk menjana hidro elektrik di Murun. Kerajaan berpendapat Murun adalah satu tempat yang paling sesuai untuk projek ini kerana tidak akan timbul sebarang masalah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek Murun akan dirancang bagi implimentasi sesudah kajian lengkap telah dibuat. Dengan projek ini bekalan elektrik akan dibekalkan ke Sarawak dan Sabah. Butir-butir yang selanjutnya akan diberi setelah keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan bagi melaksanakan projek ini di Murun.

**LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA SUBANG—
SISTEM KESELAMATAN**

14. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan kelemahan-kelemahan sistem keselamatan yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang apabila berlakunya kejadian pada 26 Mac 1991 di mana pesawat SQ 117 yang membawa 129 penumpang dan anak kapal dirampas oleh 4 orang lelaki Pakistan, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil ekoran kejadian pesawat itu dirampas.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sistem keselamatan yang diamalkan di lapangan-lapangan terbang sekarang, adalah mematuhi dan sentiasa mengikuti segala kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Di antara peraturan-peraturan berkaitan yang dipatuhi ialah seperti Safeguarding International Civil Aviation Against Acts of Unlawful Interference (Annex 17) dan "Security Manual For Safeguarding Civil Aviation Against Acts of Unlawful Interference".

Oleh kerana peraturan-peraturan keselamatan di lapangan-lapangan terbang sentiasa dipatuhi selaras dengan kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh "ICAO", dengan ini tidak terdapat sebarang kelemahan dalam sistem keselamatan yang diamalkan di lapangan-lapangan terbang pada masa ini.

Tambahan pula, hasil siasatan perampasan pesawat Singapore International Airlines (SIA) SQ 117 pada 26 Mac 1991, menunjukkan, perampas-perampas tidak membawa barang-barang merbahaya semasa menaiki pesawat di lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Dalam kejadian tersebut, perampas-perampas telah

menggunakan barang-barang seperti pisau lipat berukuran 6 cm, pisau 'butter' dan bunga api. Di bawah peraturan yang diamalkan sekarang, membawa pisau yang tidak melebihi 6 cm adalah dibenarkan. Sementara pisau 'butter' sememangnya ada disediakan bagi tujuan 'penyajian'. Walau bagaimanapun, bunga api yang dibawa oleh perampas-perampas, tidak dapat dikesan melalui mana-mana alat pengesan yang ada, kerana tidak adanya unsur-unsur 'metal form' yang dilekatkan bersamasamanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan peristiwa perampasan tersebut, tindakan telah diambil untuk mempertingkatkan lagi langkah-langkah keselamatan di lapangan-lapangan terbang. Di antara beberapa langkah yang telah diambil adalah seperti:

- (i) mempertingkatkan pemeriksaan begasi dan beg tangan penumpang;
- (ii) mempertingkatkan pemeriksaan badan secara fizikal terhadap penumpang;
- (iii) mengadakan papan-papan tanda di seluruh lapangan terbang untuk memaklumkan kepada penumpang, barang-barang yang dilarang dibawa bersama ke dalam kabin pesawat;
- (iv) mengadakan kawalan ketat di setiap pintu masuk ke dalam kawasan 'airside' dan mempertingkatkan lagi kawalan bagi kawasan sasaran penting dan kawasan 'perimeter'.

Sebagai langkah jangka panjang, tindakan juga sedang diambil untuk menambah/mengganti alat-alat keselamatan yang sedia ada dengan alat-alat keselamatan yang lebih moden bagi menyesuaikan dengan perkembangan teknologi semasa.

PENDATANG TANPA IZIN DITANGKAP

15. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang tanpa izin yang telah ditangkap dan telah dihantar pulang ke negara mereka;
- (b) berapakah kos perbelanjaan bagi mengendalikan penghantaran pulang pendatang-pendatang tanpa izin tersebut;
- (c) jumlah warganegara Malaysia yang telah ditangkap dan didakwa di Mahkamah kerana bersubahat membawa masuk dan memberi perlindungan kepada golongan-golongan ini; dan
- (d) berapakah jumlah kes-kes jenayah yang telah dilakukan oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Jumlah pendatang tanpa izin (PTI) yang ditangkap (bagi tempoh 1989 - Mac 1991) ialah 75,672 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 70,640 orang telah diusir keluar. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengusir PTI dalam tempoh ini ialah sebanyak \$120,997.00.

Dalam tempoh yang sama juga seramai 1,102 orang warganegara Malaysia telah didakwa kerana memberi perlindungan kepada PTI.

Di segi jenayah, sebanyak 3,489 (2.6% daripada seluruh jenayah) kes dilaporkan telah dilakukan oleh PTI bagi tempoh 1989 - 1990.

PROGRAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN ISLAM

16. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah satu blue-print dakwah disediakan oleh Pusat Islam dan

Institut Dakwah Islamiah (INDAH) bagi meninggikan lagi fahaman bagi umat Islam dan mengenalkan Islam bagi masyarakat yang belum Islam di negara ini dan negara-negara yang berjiran dengan Malaysia. Jika ada, dapatkah dihuraikan rancangan yang hendak dilaksanakan dan jika tidak, mengapa;

- (b) sila sebutkan bilangan pendakwah rasmi di Pusat Islam dan INDAH. Berapa ramaikah pendakwah itu terdiri dari orang Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban dan lain-lain;
- (c) berapa ramai sudah orang bukan Islam memeluk agama Islam sejak Pusat Islam dan Indah diwujudkan di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak; dan
- (d) apakah masalah yang dihadapi oleh para pendakwah untuk menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam dan kepada orang Islam sendiri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):

- (a) Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri mempunyai dua bentuk perancangan di dalam menjalankan aktiviti dakwahnya. Rancangan tersebut ialah Rancangan Tahunan dan Rancangan Lima Tahun. Rancangan ini mencakupi peningkatan kefahaman Islam di kalangan orang-orang Islam dan memperkenalkan Islam kepada belum Islam. Program meningkatkan kefahaman Islam dilaksanakan melalui kursus dan latihan, ceramah umum serta penerangan, muzakarah dan bengkel, lawatan dan bimbingan.

Manakala program memperkenalkan Islam kepada belum Islam dilaksanakan melalui ceramah umum dan penerangan mengenai Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Berkaitan dengan program dakwah negara jiran Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada tahun ini menjadi Urusetia Perjumpaan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Melalui ceramah ini, banyak perkara yang dibincangkan untuk meningkatkan lagi perkembangan dakwah di rantau ini.

- (b) Terdapat 227 orang pendakwah yang berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- (c) Pusat Islam tidak mempunyai data-data tersebut kerana urusan memeluk Islam adalah di dalam tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.
- (d) Masalah yang dihadapi bagi mengenalkan Islam kepada yang bukan Islam ialah:
 - (i) Masalah Bahasa:
Tidak ramai pendakwah-pendakwah boleh menguasai bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Malaysia.
 - (ii) Kurang pengalaman dalam bidang tersebut.
- (b) bilakah kelulusan diberi oleh Jabatan Alam Sekitar;
- (c) apakah pertimbangan yang telah diberikan terhadap pemeliharaan kawasan hijau dan environment semulajadi Bukit Gasing;
- (d) di manakah letaknya jalan keluar lalulintas daripada kondominium dan kompleks perumahan di sekelilingnya; dan
- (e) bagaimanakah projek ini serta projek-projek kondominium lain selaras dengan polisi Kerajaan yang menggalakkan pembangunan kepadatan rendah di dalam bandaraya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):

- (a) Pelan bangunan dan pelan layout diluluskan dengan serentak pada 6 November 1990 oleh pihak berkaitan iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya.
- (b) Perkara ini tidak dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar kerana di bawah Undang-undang Alam Sekitar keperluan keluasan 50 hektar atau lebih tanah perumahan perlu dirujuk dengan "Environmental Impact Assessment". Projek ini hanya meliputi kawasan seluas 8 hektar.
- (c) Kawasan ini tidak termasuk di dalam kawasan hijau (Green Block) Bukit Gasing yang diwartakan pada tahun 1963. Kawasan ini telah diluluskan untuk perumahan dahulu.
- (d) Terdapat cadangan dua batang jalan masuk ke projek ini iaitu melalui Jalan 5/60 bagi fasa

PELAN BANGUNAN BAGI GASING HEIGHT

17. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah pelan lay-out dan pelan bangunan bagi Gasing Height di Petaling Jaya diluluskan;

pertama dan yang kedua melalui kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- (e) Di kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) polisi kepadatan berubah dari satu tempat ke satu tempat. Di kawasan ini kepadatan projek ini adalah kurang iaitu 187 orang seekar dari had maksimum iaitu 200 orang seekar.

PERUNTUKAN SEKOLAH LUAR BANDAR DI SARAWAK

18. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan untuk pembangunan sekolah di luar bandar Sarawak—pada 1991—diagihkan; dan
- (b) apakah peruntukan ini mengambil kira jumlah bilik darjah dan asrama-asrama untuk guru.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak \$19.4 juta untuk melaksanakan projek pembangunan sekolah-sekolah di Sarawak. Hampir semua projek yang dilaksanakan itu adalah terletak di luar bandar. Peruntukan tersebut dikhaskan bagi pembinaan 17 pusat sumber pendidikan, 18 buah sekolah menengah dan 17 buah sekolah rendah yang kesemuanya berjumlah 52 buah.
- (b) Dalam projek pembinaan 52 buah sekolah tersebut, terdapat 316 buah bilik darjah dan 183 buah rumah guru yang akan dibina.

GERAN MODAL UNTUK PEMBAIKAN SEKOLAH

19. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah geran modal untuk pembinaan dan pembaikan sekolah seperti yang telah dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan di Sarawak dan jumlah sebenar yang diberi bagi tahun 1986, 1987, 1988, 1989, 1990 dan 1991; dan
- (b) sama ada geran modal akan dinaikkan bagi pembinaan dan pembaikan sekolah di Sarawak untuk tahun yang mendatang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Geran modal untuk pembinaan dan pembaikan sekolah yang diluluskan untuk projek-projek pendidikan di Sarawak dalam RML ialah sebanyak \$3.3 juta. Pengagihan jumlah bantuan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan diluluskan</i>
1986	987,300
1987	1,661,015
1988	342,572
1989	137,128
1990	193,600
Jumlah	<u>\$3,321,615</u>

- (b) Kementerian Pendidikan bercadang menambahkan lagi peruntukan untuk pembinaan dan pembaikan sekolah-sekolah di negeri Sarawak bagi tahun-tahun akan datang dan akan membuat permohonan kepada agensi pusat. Bagi tahun 1991 sebanyak \$355,000 telahpun disalurkan untuk pengendalian projek-projek Sekolah Bantuan Modal di Sarawak.

**PEMBERIAN WAJIB KEPADA
KERAJAAN KELANTAN**

20. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah pemberian-pemberian wajib yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan; dan
- (b) berapakah jumlah pemberian tersebut bagi tahun 1991 dan adakah ianya telah dibayar.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Pemberian-pemberian wajib yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Kelantan adalah pemberian-pemberian yang ditetapkan di bawah Perlembagaan dan Undang-undang. Pemberian-pemberian di bawah Perlembagaan ialah:

- (i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant)
- (ii) Pemberian Untuk Menyenggara Jalan-jalan Negeri (road Grant)

Manakala pemberian yang ditetapkan di bawah peruntukan Undang-undang seperti:

- (i) Pemberian Pertambahan Hasil (Revenue Growth Grant)
 - (ii) Pemberian Tahunan kepada Penguasa-penguasa Tempatan.
- (b) Jumlah pemberian bagi Negeri Kelantan pada tahun 1991 adalah dianggarkan sebanyak \$81,987,795.00. Sehingga 1 Jun 1991, sebanyak \$17,353,618.77 telah dibuat pembayaran.

**HARGA RUNCIT
BARANG-BARANG PETROLEUM**

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilakah harga runcit untuk semua bahan bakaran minyak diturunkan, untuk menurunkan kos pengeluaran dalam semua bidang dalam sektor ekonomi negara kita.

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, harga runcit barang-barang petroleum di negara ini adalah diulangkaji setiap bulan di bawah formula mekanisme harga barang-barang petroleum. Paras harga runcit barang-barang petroleum pula adalah dipengaruhi oleh kedudukan-kedudukan kos barangan ini di pasaran antarabangsa, kos pengangkutan dan pertukaran matawang asing dan sebagainya. Kerajaan akan menimbangkan penurunan harga runcit barang-barang petroleum apabila kedudukan kos-kos berkenaan seperti dinyatakan menurun. Umpamanya baru-baru ini Kerajaan telah menurunkan paras harga runcit minyak tanah di seluruh negara sebanyak 5 sen seliter mulai 16hb April 1991. Walau bagaimanapun, paras harga minyak pembakar (fuel oil) adalah tidak dikawal oleh Kerajaan. Justeru itu paras harganya adalah dipengaruhi oleh kedudukan kos barangan ini di pasaran antarabangsa.

Kerajaan sentiasa memastikan supaya bekalan semua barangan petroleum di dalam negara adalah mudah diperolehi dan paras harganya pula adalah sentiasa munasabah dan berpatutan. Tambahan pula paras harga runcit di negara ini adalah masih rendah jika dibandingkan dengan harga di negara-negara jiran.

**PERPADUAN MUHIBBAH BAGI
ANAK-ANAK DI KAWASAN
PERUMAHAN**

22. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memelihara muhibbah dan perpaduan di kalangan anak-anak di kawasan-kawasan perumahan, terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Langkah-langkah yang sedang diusahakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah bertujuan untuk memupuk nilai-nilai yang penting di kalangan anak-anak kita dari segi perpaduan dan integrasi negara serta mewujudkan lebih banyak lagi peluang bagi mereka untuk bergaul dalam suasana yang berbilang kaum supaya nilai-nilai tersebut dapat dipraktikkan. Antara program yang sedang dijalankan ialah:

- (a) mengadakan Kelas-kelas Tabika Perpaduan di mana penekanan diberi terhadap perhubungan sosial dari segi hormat-menghormati, toleransi dan saling faham memahami di antara kanak-kanak berbilang keturunan;
- (b) menganjurkan khemah kerja kejiranan hujung minggu dan cuti penggal di mana golongan belia dari berbilang kaum diberi didikan terhadap kemahiran hidup bermasyarakat; dan
- (c) mengadakan skim Jiran Muda bagi membolehkan para belia berbilang kaum merancang aktiviti-aktiviti yang boleh memberi peluang untuk berinteraksi, bekerjasama dan saling faham memahami.

Buat masa ini kebanyakan program yang dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah tertumpu kepada kawasan-kawasan Rukun Tetangga.

**RIBA DALAM SISTEM
KEWANGAN NEGARA**

23. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan semasa pihak Kerajaan bercadang untuk menuju ke arah menghapuskan riba di dalam sistem kewangan negara memandangkan ahli-ahli ekonomi di negara-negara barat sendiri yang jauh lebih maju mengakui bahawa riba adalah punca atau akar umbi kepada segala kemungkaran, oleh kerana ianya bercirikan penindasan kepada golongan yang lemah, miskin dan tidak berkemampuan atau seterusnya bertentangan dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan masyarakat penyayang yang ingin diwujudkan melalui Belanjawan yang lalu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Bank Islam Malaysia Berhad dan Syarikat Takaful yang beroperasi atas lunas-lunas Islam. Dengan wujudnya institusi kewangan ini, orang ramai bolehlah memilih sistem kewangan yang mengamalkan prinsip Islam. Jika sistem ini mendapat sambutan dengan meluas, adalah dijangka bank-bank perdagangan yang lain akan menawarkan perkhidmatan yang sama. Malah sudah ada institusi kewangan lain yang telah memperkenalkan instrumen kewangan bercorak Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang dan peraturan yang sedia ada tidak menghalang bank-bank perdagangan menjalankan operasi berasaskan prinsip-prinsip Islam.

TEKSI DI SABAH— PENGUNAAN METER

24. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa sejak tahun 1983, teksi-teksi di Negeri Sabah telah diberikan peraturan untuk menggunakan meter. Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak dipatuhi oleh para pemandu teksi kerana penumpang-penumpang tidak setuju dengan peraturan tersebut. Para pemandu teksi di Sabah telah memberi cadangan agar peraturan menggunakan meter dihapuskan kerana penggunaan meter mendatangkan masalah bukan sahaja kepada para pemandu teksi, malah juga kepada para penumpang. Bolehkah Kementerian memberikan pertimbangan ke atas cadangan para pemandu teksi agar peraturan meter di Sabah dapat dihapuskan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Perusahaan Awam tidak bercadang untuk menghapuskan penguatkuasaan penggunaan meter ke atas teksi-teksi di negeri Sabah kerana ia adalah untuk kebaikan kedua-dua belah pihak iaitu pemandu/pengusaha dan penumpang teksi. Bagi penumpang, penguatkuasaan penggunaan meter dapat mengelakkan berlakunya penyalahgunaan oleh pemandu/pengusaha teksi melalui pengenaan kadar tambang yang berlebihan. Pada masa yang sama ia memudahkan pemandu/pengusaha teksi untuk mengenakan kadar tambang yang berpatutan dan seragam ke atas semua penumpang.

PEKERJA TIDAK MENCARUM KEPADA PERKESO DAN KWSP

25. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar dan tahu jumlah pekerja yang tinggi tidak mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kerana kecuaiannya majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab;

- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menentukan majikan atau syarikat mematuhi Undang-undang buruh supaya semua pekerja mereka berdaftar dengan KWSP dan PERKESO; dan
- (c) bagaimanakah Kerajaan akan menyelesaikan isu pekerja-pekerja yang sudah lama bekerja di syarikat-syarikat yang tidak membuat caruman kepada KWSP.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

- (a) Kerajaan sedar bahawa atas kecuaiannya majikan-majikan ada pekerja-pekerja yang tidak mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- (b) Bagi memastikan majikan-majikan mematuhi peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta KWSP 1991, langkah-langkah seperti berikut telah dan akan terus diambil:
- (i) menjalankan pemeriksaan dengan menyemak rekod majikan-majikan;
 - (ii) mengadakan pemeriksaan dan siasatan hasil daripada aduan-aduan yang diterima untuk mendakwa majikan-majikan yang tidak mematuhi undang-undang serta mengarahkan majikan mendaftar syarikat dengan pihak PERKESO dan KWSP sekiranya mereka belum berbuat demikian;

- (iii) mengadakan kempen untuk memberi kesedaran kepada kaum pekerja mengenai hak serta faedah-faedah yang mereka dapat menikmati di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta KWSP. Kempen ini dijalankan melalui kursus-kursus pendidikan serta menerusi iklan di media massa, risalah, rencana dan poster;
 - (iv) mengadakan dialog-dialog dengan majikan untuk membantu mereka menguruskan caruman;
 - (v) memperbaiki sistem maklumat melalui peningkatan penggunaan komputer untuk memproses pembayaran dan menerima maklumat mengenai penyata caruman di KWSP dan PERKESO;
 - (vi) memperbaiki perkhidmatan kaunter untuk kemudahan orang awam.
- (c) Berhubung dengan soalan (c) pula, KWSP akan terus menyasiat dan menaksirkan tunggakan bagi caruman pekerja dan menuntutnya dari majikan-majikan berkenaan. Majikan-majikan yang didapati telah sengaja gagal membuat caruman akan didakwa di Mahkamah.

RAWATAN PERGIGIAN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DI SARAWAK

26. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah yang menerima perkhidmatan rawatan pergigian di Sarawak;

(b) sama ada terdapat dan jumlah sekolah-sekolah di pendalaman yang menerima perkhidmatan rawatan pergigian; dan

(c) jika tidak, bilakah pihak Kementerian akan membekalkan perkhidmatan tersebut. Bagaimanakah mereka bercadang untuk melayan para pelajar di sekolah-sekolah tersebut sementara menunggu perkhidmatan tersebut dibekalkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):

- (a) Sebanyak 780 sekolah rendah dan 57 sekolah menengah sedang menerima rawatan pergigian di Sarawak.
- (b) & (c) Daripada jumlah tersebut, termasuk 664 sekolah-sekolah di pendalaman yang menerima perkhidmatan rawatan pergigian. Rawatan kepada sekolah yang lain sedang diusahakan dengan mengatasi masalah perjalanan seperti mengadakan Pasukan Pergigian Bergerak yang melawat sekolah-sekolah untuk memberi rawatan kepada murid-murid.

SEKOLAH BARU DI KAMPUNG GANA, KOTA MARUDU— PEMBINAAN

27. Tuan George Sangkin minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan permohonan untuk membina dan memulakan Sekolah Kebangsaan di Kampung Gana, Kota Marudu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan hal tersebut, Jabatan Pendidikan Sabah telah menerima permohonan untuk membina bangunan sekolah baru di Kampung Gana, Kota Marudu Sabah pada 12 April 1990. Kini

permohonan tersebut sedang dikaji oleh Jabatan Pendidikan Sabah dan sekiranya keperluan ini mendesak, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan untuk menubuhkan sekolah rendah di Kampung Gana Kota Marudu Sabah.

KAD PENGENALAN DAN SURAT BERANAK DI SARAWAK

28. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apa sebab Jabatan Pendaftaran Negara tidak menjalankan lawatan khas untuk menolong penduduk-penduduk kawasan pendalaman seperti kawasan P.179 Baram khususnya dan Negeri Sarawak amnya untuk membuat surat beranak dan Kad Pengenalan selepas tahun 1986;
- (b) bilakah Kementerian Dalam Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkoordinasikan rancangan-rancangan menolong penduduk-penduduk kawasan pendalaman di Sarawak membuat Kad Pengenalan dan Surat Beranak seperti yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa mesyuarat Parlimen yang lepas; dan
- (c) siapakah yang akan dilantik menjadi ahli dan apakah tanggungjawab Jawatankuasa Khas ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sebenarnya Pasukan Unit Bergerak Pejabat Pendaftaran Negara Negeri Sarawak telah mengadakan lawatan merangkumi seluruh Negeri Sarawak. Bagi kawasan-kawasan pendalaman seperti Baram, program lawatan ini masih lagi diteruskan. Pihak Jabatan juga akan mengaturkan gerakan

tertentu dalam masa 6 tahun pelaksanaan program Kad Pengenalan Bermutu Tinggi.

- (b) Pihak Kementerian pernah menyebut bahawa masalah surat beranak dan kad pengenalan bagi penduduk-penduduk pendalaman di Negeri Sarawak akan diatasi, antaranya melalui Pasukan Unit Bergerak khusus yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang telah diberikan latihan secukupnya bagi mengendalikan urusan-urusan tersebut.

PERKHIDMATAN BAS HARAM

29. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah dapat dikesan perkhidmatan bas haram terdiri dari bas kilang dan bas sekolah yang mengambil penumpang-penumpang dari perkhidmatan biasa stage dan express;

- (a) apakah tindakan dan penguatkuasaan yang telah dikenakan kepada bas-bas haram tersebut; dan
- (b) beberapa banyakkah aduan yang telah diterima oleh syarikat pengangkutan bas biasa stage dan express khususnya Syarikat Kenderaan Klang Banting.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Bas-bas kilang dan bas sekolah yang menjalankan perkhidmatan bas haram dengan mengambil penumpang dari perkhidmatan bas biasa stage dan express dapat dikesan melalui penguatkuasaan dan pemeriksaan biasa dan operasi khas oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dari masa ke semasa.

- (a) Bas-bas haram yang menjalankan perkhidmatan tidak mengikut syarat lesen boleh diambil tindakan saman dengan dikenakan kompaun atau

dihadapkan ke Mahkamah. Di samping itu tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 51 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan boleh juga diambil ke atas bas-bas haram tersebut di mana bas-bas terlibat akan ditahan selama satu bulan. Jika kegiatan dilakukan secara berulang kali, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan juga mempunyai kuasa di bawah Seksyen 17(2) Akta Pengangkutan Jalan untuk menggantung atau membatalkan lesen kereta motor (cukai jalan) bas berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 1990 JPJ telah menahan sebanyak 11 buah bas sekolah dan bas kilang selama satu bulan kerana kesalahan menjalankan perkhidmatan haram. Manakala bilangan bas yang diambil tindakan adalah 375 buah.

- (b) Dari Januari hingga Mei 1991, cuma dua aduan berhubung dengan perkara ini diterima daripada syarikat-syarikat bas di mana satu aduan adalah daripada syarikat Klang Banting.

LANTIKAN PENSYARAH DI UNIVERSITI MALAYA

30. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke dalam bekas Naib Cancellor Universiti Malaya, Profesor Syed Hussein Alatas, berhubung dengan perlantikan pensyarah-pensyarah ke jawatan-jawatan dan lain-lain perkara; dan sama ada BPR telah menyiasat mana-mana pensyarah tersebut dan jika ada, hasil siasatan tersebut.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Badan Pencegah Rasuah tidak ada menjalankan siasatan ke atas bekas Naib Cancellor Universiti Malaya,

Profesor Syed Hussein Alatas berhubung dengan perkara perlantikan pensyarah-pensyarah ke jawatan-jawatan kanan. Sehubungan dengan itu, BPR juga tidak ada menyiasat ke atas mana-mana pensyarah yang berkenaan.

Apa yang telah disiasat oleh BPR terhadap bekas Naib Cancellor Universiti tersebut ialah perkara berhubung dengan pembelian barang-barang kelengkapan rumah bagi rumah rasmi Naib Cancellor Universiti Malaya, dan tohmahan menyalahguna jawatannya untuk perlantikan anak beliau sebagai pensyarah di universiti tersebut.

Hasil siasatan BPR ke atas perkara pembelian barang-barang kelengkapan rumah mendapati tidak ada berlaku kesalahan jenayah; tetapi pelanggaran peraturan pejabat yang mana satu laporan BPR telah dikemukakan kepada Y.B. Menteri Pendidikan untuk tindakan sewajarnya. Berhubung dengan perlantikan anak beliau ke jawatan tersebut, tidak ada bukti berlakunya apa-apa kesalahan.

PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA—KURSUS

31. Dr T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jenis kursus-kursus yang dikendalikan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara. Adakah kursus-kursus yang dikendalikan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara. Adakah kursus-kursus ini terbuka kepada belia-belia lepasan sekolah khususnya latihan di bidang Industri Hotel.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Sebagai institusi produktiviti dan kualiti negara yang melaksanakan program pembangunan tenaga manusia di peringkat pengurusan, penyeliaan dan keusahawanan, NPC menyediakan pelbagai peluang latihan. Program-

program latihan tersebut dilaksanakan melalui seminar, bengkel, ceramah, kursus dan sebagainya tidak hanya terhad kepada pengurusan atasan, pengurus-pengurus, penyelia dan usahawan, malahan peluang latihan juga terbuka kepada para belia lepasan sekolah, khususnya untuk program bagi industri perhotelan.

Terdapat 153 jenis kursus yang dijalankan oleh NPC. Majoriti daripada kursus tersebut iaitu 119 dikenalpasti sebagai kursus-kursus yang secara langsung menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti. Kursus-kursus ini merangkumi tajuk seperti Penjualan dan Teknik-teknik Penjualan, Hubungan Pelanggan, QCC untuk Ketua Kumpulan, Pengurusan Pengeluaran dan Program Produktiviti melalui Kaji kerja. 34 jenis kursus yang lain ialah yang secara tidak langsung menyumbang ke arah peningkatan Produktiviti dan Kualiti, seperti Perhubungan Perusahaan dan Konvensyen QCC. Memandangkan senarai kursus-kursus ini adalah panjang, pihak Kementerian boleh memberikan senarai tersebut secara bertulis kepada Yang Berhormat sekiranya dikehendaki.

Kursus-kursus yang menyumbang secara langsung ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti ialah kursus di mana pendedahannya membawa kepada peningkatan fahaman, kemahiran, kecekapan dan keupayaan untuk membentuk dan meningkatkan amalan produktif dalam pengurusan.

Kursus-kursus yang secara tak langsung menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti ialah kursus di mana pendedahannya membawa kepada peningkatan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran yang boleh mendorong peserta melengkapkan diri dengan asas kemahiran yang diperlukan ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti.

Dari segi bidang pula, kursus yang dijalankan merangkumi semua aspek Peningkatan Produktiviti dan Kualiti, Pengurusan Pemasaran, Perakaunan dan Kewangan, Kemajuan Pengurusan, Perhubungan Perusahaan, Pengurusan Pengeluaran, Perhotelan, Automesyen Kos Rendah dan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Dari segi pencapaian kursus di antara tahun 1986 hingga 1990, NPC telah menjalankan 3,262 kursus melibatkan 77,899 peserta dalam bidang-bidang tertentu. Senarai kursus-kursus ini boleh diberikan secara bertulis sekiranya Yang Berhormat kehendaki.

Di peringkat belia khususnya untuk belia lepasan sekolah kursus yang terlibat kebanyakannya adalah dalam bidang perhotelan.

Sejak 1983, dengan beroperasinya sebuah hotel milik NPC yang menjadi sebahagian daripada Institut Pengurusan Perhotelan NPC, satu program perantisan perhotelan untuk belia lepasan sekolah telah dilancarkan. Program ini bertujuan untuk melatih dan melengkapkan diri para belia dengan asas untuk menceburi kerjaya di bidang perhotelan. Skim Sijil Latihan Perantisan Perhotelan ini melatih para belia di bidang Perkhidmatan Restoran, Front Office dan Asas Memasak. Sejak 1984 hingga 1990, seramai 467 belia lepasan sekolah telah berjaya dilatih di bawah skim ini. Enam puluh empat sedang mengikuti latihan dan 65 orang lagi akan memulakan latihan mulai Julai 1991 ini. Kursus ini memakan masa antara 1 hingga 2 tahun. Kelayakan minimum untuk menyertai kursus ini ialah kelulusan SRP. Mengikut rekod NPC, 70% daripada belia yang dilatih di bawah skim perantisan ini mendapat pekerjaan dan meneruskan kerjaya di dalam industri perhotelan.

Satu lagi program latihan di bidang perhotelan untuk belia kelepasan sekolah ialah Kursus Diploma In Hotel Management. Tempoh kursus ialah

selama dua setengah tahun meliputi lima semester sesi pengajian. Kursus ini telah dimulakan pada Julai 1990. Tiga puluh dua orang peserta sedang mengikuti kursus tersebut. Empat puluh satu orang peserta iaitu kumpulan kedua untuk kursus ini akan memulakan latihan mereka pada sesi Julai 1991 ini. Kelayakan minimum untuk menyertai kursus ini ialah kelulusan SPM/MCE/SPVM.

PELANCONG KE MALAYSIA

32. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong yang datang ke negara ini daripada 1.1.91 sehingga sekarang; dan
- (b) hasil yang diperolehi oleh negara kita daripada sektor pelancongan.

Memandangkan perangkaan lengkap untuk negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi tempoh bulan Januari hingga April 1991 masih belum lagi diperolehi daripada Jabatan Statistik negeri-negeri berkenaan, jawapan-jawapan berikut adalah hanya merujuk kepada Semenanjung Malaysia:

- (a) Berdasarkan maklumat terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen, dianggarkan bahawa Semenanjung Malaysia telah menerima seramai 1,673,701 orang pelancong asing dalam tempoh bulan Januari hingga April 1991 berbanding dengan seramai 2,504,606 orang dalam tempoh yang sama tahun 1990.
- (b) Hasil yang diperolehi oleh Semenanjung Malaysia daripada sektor pelancongan dalam tempoh bulan Januari hingga April 1991 adalah dianggarkan sebanyak 1.1 bilion ringgit berbanding dengan 1.5 bilion ringgit dalam tempoh yang sama tahun 1990.

KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN

33. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah penyelewengan yang mengakibatkan kebocoran soalan-soalan peperiksaan pada masa-masa yang lalu; dan
- (b) berapa ramaikah mereka yang terlibat telah didakwa di mahkamah atau dikenakan tindakan tatatertib dan apakah bentuk hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang telah sabit kesalahan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sejak tahun 1989, beberapa langkah telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan dan memperkemas lagi aspek-aspek keselamatan dalam peperiksaan dan sehingga kini belum ada kes-kes penyelewengan dikesan.
- (b) Sehingga kini seramai tiga orang yang didapati terlibat dalam kes kebocoran telah didakwa di Mahkamah.

Seorang yang terlibat dalam kes kebocoran tahun 1974 telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman ringan.

Dua orang lagi yang terlibat dalam kes kebocoran tahun 1989 telah didakwa di Mahkamah dan sehingga kini belum dibicarakan.

(Soalan No. 34, sila lihat jawapan No. 2 pada 18.6.91)

RUMAH GURU DI SEKOLAH KEBANGSAAN PADAS

35. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk membina rumah guru di S.K. Padas dan menambah bilangan rumah guru yang sedia ada di S.K. Luboh, Sandakan; dan
- (b) jika tidak mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan belum lagi mempunyai rancangan untuk membina rumah guru di Sekolah Kebangsaan Padas dan menambahkan bilangan rumah guru di Sekolah Kebangsaan Luboh, Sandakan.
- (b) Pembinaan rumah guru bagi kedua-dua sekolah tersebut tidak dapat dibina sekarang kerana memandangkan peruntukan kewangan untuk membina rumah-rumah guru adalah terhad. Pembinaan projek-projek pembangunan seperti ini dibuat mengikut keutamaan yang ditentukan oleh Jabatan Pendidikan.

(Soalan No. 36, Sila lihat jawapan No. 5)

ASRAMA, RUMAH GURU DAN BANGUNAN SEKOLAH DI SARAWAK—PEMBINAAN

37. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan peruntukan bagi pembinaan asrama, rumah guru dan bangunan sekolah bagi sekolah-sekolah di negeri Sarawak seperti berikut:

- (a) SRK Nanga Selangau di Daerah Mukah;

(b) SRK Sungai Dijih di Daerah Mukah;

(c) SRK Penyarai, Kakus, di Daerah Tatau;

(d) SRK Ulu Kakus, di Daerah Tatau;

(e) SRK Luar Bandar, Bt. 21, di Daerah Sibiu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan yang dirancang bagi beberapa buah sekolah rendah di negeri Sarawak seperti Yang Berhormat timbulkan itu adalah dianggarkan sebanyak \$216 ribu. Peruntukan itu ialah untuk membina bilik darjah di tiga buah sekolah iaitu SRK Nanga Selangau, SRK Sungai Dijih dan SRK Penyarai, Kakus. Buat masa ini tidak ada rancangan bagi membina bilik darjah tambahan, asrama atau rumah guru di SRK Ulu Kakus dan Di SRK Luar Bandar, Sibiu.

PROJEK PERINTIS HALA CARA BARU

38. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kejayaan projek-projek Perintis Pembangunan Hala Cara Baru seperti Mulong-Lating. Jika ianya berjaya adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan Konsep Pembangunan cara ini ke kampung-kampung lain seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Sehingga kini Kerajaan telah melaksanakan sebanyak 38 projek perintis Hala Cara Baru di seluruh negara. Beberapa projek ini telah mencapai kejayaan yang cemerlang manakala sebahagian yang lain pula kemajuannya adalah sederhana. Salah satu daripada projek yang berjaya ialah projek Mulong Lating di Kelantan. Dengan terlaksananya projek ini hasil

pengeluaran purata padi di Kampung Mu'long Lating telah meningkat kepada 5.8 metrik tan sehektar bagi musim 1, 1990 berbanding dengan hasil pengeluaran sebanyak 3 metrik tan sehektar sebelum projek ini dilaksanakan. Begitu juga pendapatan bersih purata telah bertambah daripada lebih kurang \$500.00 sehektar kepada \$1,739.70 sehektar. Memandangkan kejayaan projek-projek perintis ini kerajaan berhasrat untuk meluaskan konsep pembangunan Hala Cara Baru ini.

SISTEM SALLEH

39. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang perkembangan 'Sistem Salleh' di seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan semula 'Sistem Salleh' di seluruh negara. Pengwujudan semula sistem ini akan mengambil kira Sistem Polis Koban di Negeri Jepun dan juga Sistem Polis Neighbourhood Police Post di Singapura. Lawatan oleh Pegawai Kementerian Dalam Negeri dan Polis telahpun dijalankan ke negeri-negeri tersebut.

Buat permulaan, Sistem Polis Dan Masyarakat ini akan diperkenalkan di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang, iaitu:

- (a) Kawasan-kawasan taman perumahan yang seringkali berlaku jenayah di mana pondok-pondok polis akan dibina dan anggota polis serta keluarga dikehendaki tinggal di pondok tersebut.
- (b) Kawasan-kawasan bandar yang mempunyai bangunan-bangunan tinggi dengan pembinaan lebih banyak pondok polis untuk tujuan rondaan.

- (c) Kawasan-kawasan luar bandar di Lembah Kelang di mana pondok-pondok Polis akan didiami oleh anggota-anggota yang berkeluarga.

Untuk manampung pertambahan keanggotaan, anggota-anggota polis dari Briged Tengah Pasukan Polis Hutan Kuala Lumpur akan membantu Polis Kuala Lumpur dan Lembah Kelang dalam pengwujudan semula Sistem Polis dan Masyarakat ini.

Keberkesanan Sistem baru yang dijalankan di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang ini nanti akan dikaji untuk dijadikan panduan bagi pelaksanaan sistem ini di seluruh negara kelak.

KES MEMALI

40. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kehakiman menyatakan sebab-sebab yang jitu maka kes Memali dilambat-lambatkan. Adakah ia satu muslihat Kerajaan supaya kes memali itu tidak diadili bagi melindungi orang-orang tertentu dan jika tidak dapatkah Menteri berkenaan memberi jaminan bahawa kes itu akan disegerakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah umum dan tidak spesifik mengenai nombor dan jenis kes yang dimaksudkan. Walaupun demikian, sekiranya pertanyaan tersebut ditujukan kepada mana-mana kes yang sedang dibicarakan di Mahkamah maka ianya adalah tertakluk kepada sekatan yang diperuntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (g) dan (h).

GERAKAN PEMISAH DAN ANTI KERAJAAN

41. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung pergerakan pemisah (separatist movement) dan anti Kerajaan Persekutuan terutamanya di Sabah;
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk membendung pergerakan pemisah dan anti Kerajaan di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi; dan
- (c) sejauh mana keberkesanannya tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sentiasa memberi perhatian utama serta memandang berat sebarang bentuk kegiatan tidak kira di mana sahaja, termasuk di Institusi-institusi Pengajian Tinggi, sama ada dalam bentuk berkumpulan atau individu yang menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara. Ini termasuklah gerakan pemisah dan anti Kerajaan Persekutuan yang telah dikesan di negeri Sabah. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kepada kestabilan dan kesejahteraan hidup rakyat, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas demi memastikan keamanan negara tidak terganggu. Tindakan-tindakan tegas Kerajaan yang lalu jelas menunjukkan bahawa ianya amat berkesan dalam menjamin kestabilan negara.

AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

42. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah agensi Kerajaan yang diswastakan sehingga 31 Mei 1991;

- (b) jumlah agensi yang dicadangkan untuk diswastakan di masa-masa akan datang; dan
- (c) bagaimana cara penswastakan itu dilakukan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Sehingga 31 Mei 1991, sebanyak 40 entiti Kerajaan yang merangkumi agensi/syarikat Kerajaan dan projek-projek baru telah diswastakan.
- (b) Kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan sebanyak 23 entiti Kerajaan bagi tahun ini manakala bagi tahun hadapan sebanyak 14 entiti lagi akan diswastakan. Senarai entiti yang akan diswastakan tersebut telah dimasukkan dalam Pelan Tindakan Penswastakan yang diedarkan kepada orang ramai baru-baru ini.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak kaedah yang digunakan oleh Kerajaan dalam menswastakan ekuiti, penyenaaran di Bursa Saham Kuala Lumpur, pajakan Bina-Kendali-Pindah dan kontrak pengurusan. Pembelian syarikat oleh pihak pengurusan juga merupakan satu kaedah penswastakan yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan. Kaedah-kaedah ini boleh dibaca dalam Buku Pelan Tindakan Penswastakan yang telah diterbitkan untuk faedah orang-ramai.

DASAR PEMBANGUNAN BARU—RUMUSAN KAJIAN DEB

43. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan tentang rumusan daripada kajian DEB dan apakah dasar baru yang akan menjadi asas kepada pembentangan Dasar Pembangunan Baru.

Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman: Secara terperinci, rumusan berkenaan pencapaian matlamat DEB dan bentuk dasar baru bagi menggantikannya adalah dijelaskan dalam dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang telah dibentang di Dewan yang mulia ini pada 17 Jun 1991. Secara keseluruhannya, di bawah DEB semua kumpulan masyarakat dan wilayah telah mendapat faedah daripada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan besar dalam pendapatan dan taraf hidup. Walau bagaimanapun, oleh kerana masih terdapat kemiskinan di kalangan rakyat dan ketidakseimbangan di antara dan di dalam kumpulan etnik, Dasar Pembangunan Baru (DPB) akan terus melaksanakan strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat berasaskan prinsip pertumbuhan dan pengagihan yang saksama.

KILANG MARDEC DAN MYFEC—BUANGAN AIR

44. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah beliau tidak menunaikan janjinya menutup atau memindahkan kilang MARDEC/MYFEC di Durian Tunggal, Melaka kalau sesuatu kemalangan meracuni dan mencemari air Sungai Melaka mengulangi seperti mana yang berlaku pada 2hb April, 1991.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud Mansor): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buangan air oleh Kilang MARDEC dan MYFEC ke dalam Sungai Melaka ialah di sebelah hilir kawasan pengempaman Lembaga Air Melaka di Durian Tunggal iaitu bebas dari terlibat dengan pam air. Oleh itu, buangan air tersebut tidak menjejaskan atau mencemarkan bekalan air. Kejadian

pertumpahan lateks pekat ke dalam Sungai Melaka pada 2hb April 1991 telah berlaku di luar jangkaan semasa kerja-kerja membersihkan salah sebuah tangki lateks pekat di mana hujan lebat telah menyebabkan berlakunya limpahan ke Sungai Melaka. Namun demikian, bahan yang mengalir ke Sungai Melaka didapati tidak mengandungi bahan toksik seperti mana yang dinyatakan oleh Lembaga Air Melaka (mengikuti kenyataan akhbar The Star—bertarikh 4 April 1991).

Berikutan dengan insiden yang berlaku pada 2hb April 1991, pihak MARDEC telah mengambil beberapa langkah untuk mengadakan sistem kawalan buangan air supaya tidak timbul kemungkinan pencemaran air Sungai Melaka. Antaranya ialah mengubahsuai aliran parit dan anak sungai supaya air dari kilang tidak mengalir ke kawasan pengempaman air Lembaga Air Melaka serta mengubahsuai taliair di antara kawasan kilang dan Sungai Melaka untuk dijadikan benteng sekiranya berlaku sebarang limpahan yang tidak diduga. Setakat ini, pihak MARDEC telah membelanjakan sebanyak hampir \$1 juta bagi meningkatkan sistem kawalan buangan air tersebut dan MARDEC berkeyakinan bahawa ianya boleh mencegah kemungkinan berlakunya pengaliran ke kawasan pengempaman di masa hadapan.

MARDEC sentiasa mengambil langkah agar kualiti sisa-sisa air buangan dari kilang memenuhi spesifikasi Jabatan Alam Sekitar. Oleh itu, tidak timbul persoalan sama ada air tersebut selamat untuk diminum ataupun tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pembinaan kilang MARDEC dan MYPEC di tapak sekarang adalah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Melaka.

**AMANAH SAHAM NASIONAL—
PELABURAN TERKUMPUL**

45. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) berapakah jumlah pelaburan yang diterima dalam akaun Amanah Saham Nasional dan jumlah keuntungan yang diterima oleh penyimpan-penyimpan iaitu pada 1990;
- (b) apakah Kerajaan telah menerima jumlah penyimpan seperti yang ditarget dan apakah target bagi setiap negeri; dan
- (c) apakah benar tuduhan bahawa Kerajaan telah menyeleweng dari janjinya pada pemegang ASN itu bagi tiap-tiap ringgit pelaburan, keuntungan yang diberi adalah lebih kecil daripada dijanji waktu Amanah Saham Nasional dilancarkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):

- (a) Jumlah pelaburan terkumpul yang diterima dalam akaun Amanah Saham Nasional mulai tahun 1981 sehingga 1990 tidak termasuk 90 unit pendahuluan, dividen dan bonus adalah sebanyak \$5,055.6 juta. Jika diambilkira 90 unit pendahuluan, dividen dan bonus, jumlah pelaburan terkumpul adalah sebanyak \$8,511.4 juta. Keuntungan yang diperolehi oleh pelabur-pelabur dalam tempoh tersebut adalah dalam bentuk dividen dan bonus yang mana jumlah terkumpulnya adalah sebanyak \$4,079.4 juta. Selain dari itu, pelaburan yang dibuat

dalam tahun 1990 dan sebelumnya juga menikmati pulangan pelaburan:

- (i) Kenaikan modal sebanyak 8 sen bagi setiap unit saham;
 - (ii) Bonus Khas sebanyak 60% bernilai \$2,520 juta bagi pelabur yang menyimpan dalam tempoh lima tahun sebelumnya.
- (b) Matlamat Kerajaan mewujudkan skim ASN adalah untuk mendapatkan seberapa ramai pelabur-pelabur Bumiputera dari setiap negeri untuk melabur di dalam skim tersebut. Sehingga 31 Disember 1990, seramai 2,460,977 pelabur telah melabur di dalam skim ASN dan ini merupakan 48.6% daripada 5,055,600 orang Bumiputera yang layak melabur;
 - (c) Sebagai satu skim pelaburan ASN berusaha untuk mendapatkan pulangan maksima dari pelaburan-pelaburannya untuk faedah pelabur-pelabur. Dalam hubungan itu, bagi tempoh 1981 hingga 1990, ASN telah berjaya mengeluarkan dividen dan bonus pada kadar yang amat menggalakkan iaitu di antara 13% hingga 20% setahun. Pulangan ini adalah merupakan yang terbaik berbanding dengan pulangan ke atas lain-lain pelaburan dana terkumpul dan institusi simpanan dalam tempoh 10 tahun berdasarkan kajian bebas aktuari yang dilantik oleh PNB dalam bulan Disember 1990. Perangkaan ini jelas menyangkal dakwaan penyelewengan sebagaimana yang dikatakan.

**YURAN PENGAJIAN TINGGI—
PINJAMAN KEPADA
MAHASISWA**

46. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntuk oleh Kementerian untuk menyediakan pinjaman kepada mahasiswa-mahasiswa berikutan kenaikan dalam yuran. Jika masih tidak ada peruntukan sedemikian, mengapa. Bilakah peruntukan akan dibuat. Berapa banyakkah wang peruntukan dicadangkan sebagai permulaan. Bagaimanakah Kementerian bercadang memperbahagi-bahagikan sumber wang ini di antara universiti-universiti tempatan. Maka, berasaskan faktor-faktor yang dipertimbangkan Kementerian, apakah jumlah wang yang akan diterima oleh setiap universiti untuk menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar mereka. Jika Kementerian sendiri yang menguruskan hal pengeluaran pinjaman, apakah prosedur perlu bagi permohonan oleh mahasiswa, dan seterusnya ketetapan Kementerian untuk meluaskan permohonan serta jumlah pinjaman yang harus diberi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat dan harapan Kerajaan untuk menentukan pelajar-pelajar dapat meneruskan pelajaran mereka di universiti. Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian sewajarnya terhadap pelajar-pelajar yang kurang mampu supaya mereka dapat meneruskan pengajian berikutan dengan kenaikan yuran pengajian di institusi-institusi tempatan.

Pihak Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan tabung bantuan kewangan untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk membiayai pelajaran mereka berikutan kenaikan yuran pengajian.

**POLISI KEBANGSAAN
MENGENAI PEMBINAAN**

47. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kerajaan telah menyediakan polisi Kebangsaan mengenai sektor pembinaan. Jika ada, jelaskan ciri-ciri penting polisi tersebut terutama yang berkaitan dengan penglibatan kontraktor Bumiputera.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kerajaan pada masa ini berpendapat iaitu belum ada keperluan bagi menyediakan polisi kebangsaan mengenai sektor pembinaan. Namun demikian, sektor pembinaan telahpun dikenalpasti sebagai sektor yang berpotensi untuk pertumbuhan. Sektor ini memberi sumbangan kepada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.5% bagi tahun 1990 dan dijangka berterusan menyumbang sebanyak 3.5% bagi tahun 2000. Bagi tahun 1989 sektor ini hanya menyumbangkan 3.3% kepada jumlah KDNK.

Memandangkan kepada adanya potensi pertumbuhan dalam sektor ini maka Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan telah dan akan mengadakan program-program tertentu ke arah menggalakkan kontraktor-kontraktor Bumiputera mengambil bahagian yang cergas dalam sektor pembinaan. Bagi kontraktor-kontraktor yang hendak mengambil bahagian di dalam projek-projek pembinaan Kerajaan, mereka hendaklah mendaftarkan dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Setakat April 1991 sebanyak 21,331 kontraktor telah pun didaftarkan oleh PKK. PKK juga selain daripada membuat pendaftaran kontraktor mengadakan khidmat bimbingan dan kursus-kursus bagi meningkatkan keupayaan kontraktor-kontraktor yang berkenaan.

KELAHIRAN KANAK-KANAK ASING DI HOSPITAL

48. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian menyedari bahawa terdapat orang-orang asing yang melahirkan anak di Hospital Umum Tawau dengan menggunakan kad pengenalan palsu iaitu kad pengenalan biru untuk mendaftar dan anak yang dilahirkan akan secara automatik menjadi warganegara Malaysia dan memohon kad pengenalan biru apabila anak itu berusia 13 tahun. Untuk melindungi hak dan keutamaan warganegara Malaysia, adakah Kementerian akan mengambil tindakan menyaringkan kesemua sijil kelahiran yang dikeluarkan sejak 12 tahun yang lalu sebelum mengeluarkan kad pengenalan biru kepada pemohon baru; dan adakah Kementerian telah membuat cadangan untuk meninjau serta meneliti masalah ini, kerana masalah ini melibatkan hak dan keutamaan penduduk Malaysia khas Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian belum menerima aduan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, setiap kelahiran di negeri ini hendaklah didaftarkan tanpa mengira status ibu/bapa kanak-kanak tersebut. Sijil kelahiran hanyalah menerangkan perihal kelahiran kanak-kanak tersebut dan sijil itu bukanlah penentu utama taraf kerakyatan kanak-kanak berkenaan.

KILANG BERISIKO TINGGI

49. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kriteria operasi atau kegiatan perniagaan dalam Kuala Lumpur yang telah dikenalpasti sebagai kilang berisiko tinggi dan dasar terakhir Kerajaan

mengenainya. Bagaimana Kerajaan mengkategorinya sebagai kilang-kilang berisiko tinggi. Berapa jumlah yang sudah dilesenkan dan berapa yang haram;

- (b) bilangan kilang haram beroperasi dalam Kuala Lumpur dengan memberi pecahan angka dalam setiap tujuh kawasan parlimen. apakah langkah yang diambil untuk meleskannya, jika ya, bagaimana;
- (c) sama ada Kerajaan hendak memperkenalkan satu pelan induk untuk kilang-kilang bersaiz kecil dan sederhana dalam Kuala Lumpur; dan
- (d) jumlah kawasan industri yang telah dikenalpasti di seluruh Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, berapa banyak kawasan itu masih belum dimajukan sehingga ke hari ini. Apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak yang bertanggungjawab ke atas kawasan tersebut kerana masih belum memajukannya. Jika tidak, mengapa.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Pentakrifan bagi kilang-kilang yang berisiko tinggi (merbahaya) dibuat berasaskan kepada aktiviti penggunaan dan pengeluaran bahan-bahan yang mudah terbakar atau meletup sekiranya diproses atau disimpan dalam bentuk yang banyak walaupun memenuhi syarat-syarat keselamatan dari pihak Jabatan Bomba. Di samping itu kilang-kilang yang boleh menghasilkan pencemaran juga dikira sebagai kilang-kilang yang berisiko tinggi (merbahaya).

Jenis-jenis kilang yang dikategorikan sebagai merbahaya adalah:

- (i) Kilang kuari
- (ii) Kilang getah
- (iii) Kilang papan
- (iv) kilang memproses bahan-bahan petroleum/gas
- (v) Kilang memproses bahan-bahan daripada belerang
- (vi) Kilang memproses bahan-bahan kimia

Jumlah kilang-kilang berisiko tinggi di Kuala Lumpur ialah:

Berlesen:	135
Tidak berlesen:	29
Jumlah	<u>164</u>

(b) Bilangan kilang-kilang yang tidak berlesen (haram) di Kuala Lumpur mengikut pecahan kawasan Parlimen ialah:

(i) Sungai Besi	385
(ii) Titiwangsa	7
(iii) Batu	147
(iv) Seputih	169
(v) Kepong	263
(vi) Lembah Pantai	15
(vii) KL Bandar	31
Jumlah	<u>1071</u>

Bagi mengatasi masalah tersebut beberapa langkah telah diambil termasuk memindahkan dan menempatkan semula kilang-kilang tersebut di kawasan-kawasan yang lebih sesuai.

Di antara kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti bagi tujuan penempatan semula termasuklah:

- (i) Tapak bersebelahan Kuchai Corporation dan Supreme Enterprise/ sekitar Jalan Puchong;

- (ii) Tapak sistem Transit Ringan di Jalan Kuchai Lama dan Jalan Ipoh;
- (iii) Jalan Genting Kelang;
- (iv) Tanah bersebelahan Jalan Chan Sow Lin;
- (v) Jalan Air Panas;
- (vi) Kampung Selamat;
- (vii) Bukit Jalil; dan
- (viii) Tanah-tanah yang dikeluarkan perintah pembangunan seperti Kampung Pasir Wardieburn, Kampung Pakar dan Bandar Tun Razak.

(c) Satu konsep perancangan perkampungan industri telah diperkenalkan bagi menempatkan semula kilang-kilang kecil dan sederhana untuk diwujudkan satu kawasan perkilangan 'self contained' dan persekitaran yang bersih. Konsep ini juga membolehkan kilang-kilang diasingkan mengikut jenis tertentu. Misalnya kilang-kilang makanan ditempatkan di satu kawasan khas yang berasingan dan kilang-kilang perkhidmatan pula ditempatkan di satu kawasan berasingan yang lain. Setiap kawasan ini dipisahkan dengan zon pemisah atau 'buffer zone'.

(d) Setakat ini jumlah 6 projek telah diberi kelulusan perancangan termasuk Projek Rumah Tulin di Bandar Tun Razak, BK Realty di Kepong, Kampung Pakar di Sungai Besi, Kawasan Perusahaan Batu dan Perkampungan Industri Jalan Genting Kelang. Kawasan-kawasan lain yang telah dikenalpasti adalah dalam penyediaan pelan susunatur termasuk tapak-tapak di kawasan Puchong, Jalan Sungai Besi, Kepong Baru dan Sentul.

Buat masa ini tiga projek penswastaaan telah memulakan iaitu kerja-kerja tanah BH Realty, Kampung Pakar dan Rumah Tulin. Kawasan Batu dan Jalan Genting Kelang masih dalam peringkat penyediaan pelan bangunan.

Perlaksanaan projek-projek ini memakan masa disebabkan terdapat beberapa masalah seperti:

- (i) memindahkan setinggan sedia ada yang terdapat di atas tapak tersebut;
- (ii) membaiki pulih tanah bekas lombong; dan
- (iii) mendapatkan sumber kewangan.

Bagi mereka yang sengaja melambat-lambatkan projek tersebut langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- (i) menarik balik atau membatalkan kelulusan yang telah diberi;
- (ii) membatalkan surat perjanjian usahasama; dan
- (iii) membantu mengatasi masalah-masalah pemindahan rumah-rumah setinggan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUART

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN (PEMBUBARAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962, untuk membubarkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang ditubuhkan di bawah Akta itu, untuk memindahkan segala hartanya kepada Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN BARU

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-

ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Baru, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangkan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil.8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersamasama bersatu padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan. (19hb Jun, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung ya.

3.37 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah mengizinkan saya menyambung perbahasan ke atas Usul mengenai dengan RRJP2.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan menggunakan dasar ekonomi sahaja untuk mewujudkan perpaduan negara di kalangan masyarakat majmuk negara ini?

Perpaduan negara tidak bergantung semata-mata dari aspek ekonomi, sebaliknya ia merangkumi aspek-aspek lain seperti politik, sosial dan kebudayaan. Sekiranya Kerajaan mahu mewujudkan perpaduan negara, maka Kerajaan hendaklah bersikap lebih terbuka dalam segala dasar dan sentiasa sensitif kepada kehendak dan keperluan masyarakat majmuk dari berbagai lapisan di negara ini.

Amalan serta pendekatan mengikut landasan perkauman bagi melaksanakan sesuatu dasar ekonomi hendaklah dihapuskan. Jika dasar yang berlandaskan perkauman diteruskan, saya percaya ianya akan bertentangan dengan matlamat perpaduan negara yang sebenarnya.

Kita boleh lihat dengan begitu jelas bagaimana parti-parti komponen Barisan Nasional cuba hendak menarik sokongan rakyat jelata dan memainkan isu-isu perkauman berhubung dengan pembangunan ekonomi negara.

Pemimpin-pemimpin UMNO cuba hendak mengeliru dan menarik sokongan orang-orang Melayu dengan menggunakan bahawa UMNOlah yang memperjuangkan untuk kepentingan Melayu. Begitu juga tentang pemimpin-pemimpin MCA dan MIC. Apa yang kita lihat sekarang—Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tidak ada—apa yang diperjuangkan oleh MIC selama ini untuk orang-orang India pun tidak

sampai ke mana. Malahan beliau pernah mengatakan kalau NEP gagal untuk membantu meningkat taraf hidup orang-orang India di estet dan di berbagai-bagai tempat yang ketinggalan, beliau sanggup meletak jawatan sebagai Presiden MIC. Tetapi hari ini beliau masih lagi menjadi Presiden MIC. (Tepuk)

Kita perlu mempunyai komitmen politik yang kuat serta jujur untuk mewujudkan sama asas perpaduan yang kukuh antara rakyat dari berbagai keturunan di negara ini.

Asas yang saya maksudkan dan yang penting ini ialah mewujudkan satu identiti bangsa Malaysia. Kita banyak bercakap tentang hendak mewujudkan perpaduan dan sebuah bangsa, tetapi sebenarnya apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional adalah yang bertentangan dengan tujuan yang murni itu. Ini boleh dilakukan tanpa menunggu hasil RRJP2 mahupun Dasar Pembangunan Baru termasuk Wawasan Dr Mahathir 2020. Tidak perlu tunggu kalau kita jujur hendak wujud satu bangsa Malaysia. Hari ini pun Kerajaan boleh mengisytiharkan bahawa semua kita sekarang ini dikenali sebagai bangsa Malaysia. Tetapi Kerajaan tidak jujur selama ini untuk sebenar-benar mahu mewujudkan sebuah bangsa Malaysia. Identiti bangsa Malaysia ini akan dengan sendirinya akan melahirkan semangat perpaduan dan integrasi nasional. Kita tidak perlu mengenalkan diri kita mengikut kaum walaupun kita akui bahawa kita adalah keturunan dari berbagai kaum. Kita tidak boleh menolak sejarah dan warisan, tetapi kita kenal diri kita sebagai bangsa Malaysia kerana kita cintakan perpaduan, kerana kita mahukan integrasi nasional. Kita tidak mahu rakyat Sabah beranggapan bahawa rakyat Semenanjung adalah orang asing. Kita tidak mahu kita juga menganggap bahawa orang-orang Sabah dan Sarawak adalah orang asing dari Semenanjung Malaysia. Tetapi oleh sikap yang dibawa

oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telahpun memecah-belahkan rakyat di negara ini antara wilayah, lebih-lebih lagi antara kaum.

Penghalang utama kepada matlamat pencapaian perpaduan negara dari dahulu hingga sekarang sama ada di bawah Dasar Ekonomi Baru mahupun saya rasa di bawah RRJP2 ialah disebabkan politik perkauman yang tebal di negara ini. Politik sepertimana yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam Barisan Nasional. Mereka seringkali bermain isu sentimen kaum mahupun isu sentimen orang-orang Melayu semata-mata untuk tujuan mengekalkan kuasa politik mereka di negara ini, seolah tidak ada orang lain, orang Melayu lain yang boleh berjuang untuk kepentingan bangsa Melayu yang ada di negara ini. Saya rasa sudah sampai masanya corak politik perkauman ini dibuang dan digantikan dengan politik yang membawa suara semua bangsa Malaysia. Kita tidak mahu melihat seorang seperti Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, walaupun beliau memenangi kerusi Parlimen, duduk di Parlimen disokong oleh semua berbagai kaum di kawasan Parlimennya, tetapi bila beliau bercakap seolah-olah beliau adalah pejuang orang-orang India dan bukan sangat untuk kepentingan rakyat lain. Ini adalah satu contoh yang kita lihat amat jelas kita rasa tidak boleh terima dan perlu dihapuskan. Selagi politik perkauman bermaharajalela, selama itulah masalah polarisasi kaum akan wujud, akan terus wujud, malah integrasi nasional pun sukar dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara bukan boleh dibentuk melalui slogan mahupun laungan. Kita mendengar pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu bercakap memanggil, meminta rakyat bersatupadu memberi sokongan itu dan ini. Saya rasa semangat perpaduan wujud, jika sekiranya kena pada tempat dan kena pada masanya.

Seperti contoh, semasa kita hendak menuntut kemerdekaan, semua rakyat yang cintakan negara bersatupadu dengan secara tersendiri kerana kita hendak mencapai kemerdekaan. Kalau hari ini kita menganggap tidak ada perpaduan bukan kerana rakyat tidak boleh bersatupadu, tetapi ini adalah angkara perbuatan daripada Kerajaan ataupun pemimpin Kerajaan yang tidak bertanggungjawab, (*Tepuk*) tetapi dengan cara menjamin hak yang saksama dan keadilan untuk semua negara. Inilah perpaduan yang kita mahu.

Amalan diskriminasi terhadap mana-mana golongan tertentu yang tidak setuju dengan Kerajaan Barisan Nasional dari segi politik hendaklah dihentikan. Kita tidak boleh menganaktiri dan menekan sesiapa kerana mereka tidak sehaluan dengan kehendak dasar atau fahaman politik Barisan Nasional, kerana kita hidup dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Kita tidak boleh berpura-pura dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara. Pada ketika rakyat diseru bersatu padu untuk berusaha bagi mencapai matlamat RRJP2 dan DPB dalam masa yang sama kita juga kedengaran suara-suara yang sumbang yang bertujuan memecahbelah rakyat dan suara-suara ini saya percaya akan terus berlaku semasa pelaksanaan 10 tahun lagi RRJP2. Kerana itulah cara mereka yang mahu kekalkan kedudukan dan pangkat dan kuasa akan terpaksa memainkan isu-isu sentimen perkauman semata-mata untuk mengekalkan kuasa mereka di negara ini. Yang paling menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Kerajaan sendiri mengamalkan dasar pecah dan perintah dengan menggugat rakyat yang tidak memberi sokongan kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan pembangunan ekonomi walaupun rakyat berbelah-bahagi dari aspek fahaman atau ideologi politik, saya rasa sekalian rakyat tanpa kira keturunan tentu akan bersatu untuk

memaju ekonomi negara ini asalkan Kerajaan itu berlaku adil dalam pengagihan hasil dan kekayaan negara dengan saksama. Sebaliknya, rakyat pasti akan menentang segala amalan-amalan seperti amalan pilih kasih, penindasan dan apa jua penyelewengan dalam melaksanakan RRJP2 dan DEB. Maka itu DAP juga tidak akan ketinggalan untuk menjadi pemerhati, pemeriksa bagi pihak rakyat bagi menentukan bahawa tiada perbuatan-perbuatan yang menyeleweng daripada tujuan pelaksanaan atau matlamat tujuan RRJP2 dan Dasar Pembangunan Baru.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan supaya lebih berlaku adil kepada semua lapisan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan yang miskin tanpa mengambil kira yang menyokong ataupun yang tidak menyokong Barisan Nasional. Jika Kerajaan dapat melaksanakan program pembangunan ekonomi dengan lebih adil dan bersih, maka harapan kita untuk mencapai matlamat integrasi nasional dan perpaduan negara, insya Allah, akan berjaya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pengkalan Chepa.

3.47 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sekejap petang ini untuk sama-sama membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada hari Isnin 17hb Jun, 1991 baru-baru ini. Saya amat tertarik melihat warna buku DPB ini kerana rupa kulitnya jelas melambangkan warna daging (*Ketawa*) Barisan Nasional yang tidak pernah adil menimbangannya.

Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun berlalu DEB telah pergi meninggalkan kita dengan wajah yang begitu muram dan masam

kerana tidak dapat menghasilkan cita-cita dan menembusi sasaran yang ditunggu-tunggu, bahkan ia pergi dengan perasan yang amat kecewa atas kegagalan melaksanakan inspirasi rakyat dan rancangan-rancangan yang hanya merupakan propaganda semata-mata. Maka untuk menutup kelemahan-kelemahan dan kegagalan itu, Kerajaan hari ini telah membentang satu platform baru yang diberi nama DPB sebagai ganti nama DEB yang malang dan sial itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang memberi komen lebih jauh mengenai buku biru yang baru dikemuka oleh Perdana Menteri pada hari pertama sidang Parlimen ini berjalan.

Saya akan menyentuh secara umum sahaja dalam perbahasan ini kerana sahabat-sahabat saya kelmarin telah menyentuh secara detail tentang kedudukan ekonomi dan pengagihan kekayaan negara berpandukan kepada apa yang termuat dalam buku ini. Melihat perancangan-perancangan dan penyusunan-penyusunan yang termuat dalam buku ini patut diberi sokongan awal-awal lagi kerana ianya agak tersusun dan terisi padat bahkan bagi penyokong-penyokong Kerajaan tidak ada ruang untuk tawar menawar seperti yang telah kita dengar beberapa pandangan yang telah diberi oleh penyokong-penyokong Kerajaan pada hari-hari kelmarin.

Walau bagaimanapun suka juga saya menarik perhatian Dewan ini supaya kita sama-sama memahami dan menyedari tentang kelemahan-kelemahan dan kesilapan-kesilapan yang telah berlaku sepanjang DEB disanjung dan dipuja oleh Kerajaan sehingga berakhir dengan kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perhatian saya, matlamat DPB dengan matlamat DEB tidak begitu jauh berbeza kerana ia hanya berkisar di sekitar keperluan dan kepentingan lahiriah atau fizikal semata-mata. Tidak mendukung

falsafah hidup kemanusiaan dan kerohanian, sedangkan kegagalan DEB dahulu adalah berpunca semata-mata kelemahan nilai-nilai kerohanian dan spiritual. Kerajaan akan menerima nasib malang sekali lagi dengan buku ini dan Kerajaan akan kecewa serta rakyat akan hidup dengan angan-angan sepanjang Barisan berkuasa, kerana kejayaan satu-satu perancangan bukan terletak semata-mata kepada keindahan dan kecantikan rangka rancangan-rancangan itu dikemukakan tetapi ia berhubung rapat dengan kemampuan tenaga pelaksanaan dan kejujuran jentera Kerajaan itu sendiri. Buku ini hanya menyentuh lapan perkara sahaja dengan cara samar-samar di mukasurat 5 di bawah tajuk "Teras Pembangunan Dekad 1990an." "Ia tidak memperkenalkan matlamat unggul dan sasaran luhur dalam menegak keadilan sosial dan mengukuhkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, dalam isu perpaduan, Kerajaan telah ada Menteri Perpaduan Negara dan Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Negara untuk mengukuhkan integrasi nasional tetapi sampai ke hari ini parti-parti dalam Kerajaan tidak menerima konsep perpaduan. Contohnya, MCA telah merancang untuk mewujudkan Cina Town yang terang-terang bercanggah dengan matlamat perpaduan bahkan itulah kenyataan yang ketara menunjukkan MCA terlampau tebal semangat chauvinist, bukan DAP walaupun UMNO mengakui dan menyatakan MCA sederhana, tidak seperti DAP melampau dan sebagainya.

Baru-baru ini juga Presiden MCA telah memberi amaran keras kepada ahli-ahli parti di negeri Kelantan supaya jangan menerima sebarang jawatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Angkatan. Kalau diterima, MCA akan mengambil tindakan untuk memecatnya. Samalah dengan MIC, Presidennya telah memberi amaran kepada anak buahnya supaya jangan menerima jawatan-jawatan yang

diberikan oleh Kerajaan Angkatan di Kelantan. Bahkan UMNO sendiri sebagai juara yang mendukung konsep perpaduan dan penaja buku biru ini pun masih tidak menerima keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum 21 Oktober 1990 dahulu. Apakah ini semua, Tuan Yang di-Pertua? Dan mengapakah keadaan ini masih berlaku di kalangan Barisan Nasional dan hidup subur dalam parti-parti Kerajaan, sedangkan masa merdeka berlalu 30 tahun lebih dan DEB telah ditutup fail, apakah tidak cukup lagi masa sesuku abad mengajar kita. Apakah masih kita tidak mengenal mana yang hak dan mana yang batil. Apakah sebenar kita ini buta mata ataupun buta hati.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya tidak yakin keindahan Rangka Rancangan Jangka Panjang atau RRJP2 ini dapat berfungsi dan memainkan peranan yang positif sekiranya Kerajaan tidak memberi penekanan dan tidak mengambil kira secara serius tentang pembangunan rohani dan memperkenalkan secukup-cukupnya kepada jentera-jentera Kerajaan lebih-lebih lagi kepada pemimpin-pemimpin dalam parti Kerajaan sendiri yang masih ada sebahagiannya menjadi buaya-buaya dan lintah-lintah darat untuk menghisap darah-darah golongan mustadafin. Dan inilah yang menimbulkan kepincangan dan menggagalkan hasrat buku Rancangan DEB yang pertama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa kebakaran di Sungai Buluh baru-baru ini, menjadi contoh yang terdekat kepada kita kerana kesemua pihak yang berkenaan dengan Kerajaan telah mengaku bahawa kilang mercun itu haram dan berbelas-belas tahun hidup beroperasi dalam keadaan haram dan timbul berbagai-bagai pendapat yang bercanggah, bahkan ada Menteri yang mengaku tidak tahu menahu pun tetapi anehnya dalam keadaan sibuk-sibuk haram itulah ada pula cerita mengatakan bekas Menteri Kewangan telah melabur

dalam kilang itu dan beliau salah seorang daripada pelabur kilang haram itu. Aneh dan ajaib betul politik Barisan Nasional ini. Bukan Pak Man Telo yang menipu, bukan lawyer Che Man yang merompak Bank Negara, dan bukan Jalil Ibrahim yang melepaskan berjuta-juta duit BMF dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah Kerajaan masih tidak berani dan tidak mahu menekankan dalam buku RRJP2 ini tentang betapa perlunya falsafah kerohanian dan mengapakah ianya tidak boleh dijadikan dasar DPB sebagai matlamat yang terakhir pembangunan negara Malaysia. Mengapa Kerajaan tidak sanggup berterus terang memperkenalkan konsep ajaran Islam yang menjamin kejayaan ummah manusia dan dapat menyelesaikan segala masalah negara.

Tuan Yang di-Pertua, benarkah rakan-rakan kongsi politik Barisan Nasional tidak menerima atau tidak faham, atau kerana masyarakat Malaysia majmuk seperti yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin selama ini atau kerana UMNO sendiri masih jahil tidak berpijak di bumi nyata.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira untuk penyelesaian seluruh, lebih baik, lebih mudah dan lebih dekat kita kembali melihat kebenaran Islam itu sendiri daripada kita meluang masa 30 tahun lebih lagi untuk bercakar sesama kita dan untuk menunggu buah yang tidak akan gugur dalam jangka masa yang dicadangkan itu, bahkan kita akan habis semua ditelan zaman ketika itu.

Buku RRJP2 ini memang menarik jika dipandang dari sudut penyusunan dan perancangan-perancangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar perancang, bahkan ternampak kepada kita begitu dekat dan jelas untuk mendapat hasil seolah-olah belum menjelang tiba hari 2020 pun kita akan dapat mengecap nikmat dan hasilnya. Tetapi tahukah

Tuan Yang di-Pertua, apakah kurangnya perancangan dan penyusunan yang ada dalam buku DEB dahulu yang kita semua telah menerima sebulat suara tetapi ia pergi hanya meninggal angka 17% sahaja dalam tempoh 30 tahun. Mengapa gagal, apakah puncanya? Orang mukmin tidak akan terkena sengat dua kali dalam satu lubang.

Kita harus melihat dalam buku DPB ini dua perkara pokok. Pertama dasar DPB itu sendiri dan kedua, rancangan-rancangan RRJP2 yang dikemukakan di dalamnya. Saya boleh terima dan menyokong bahagian kedua RRJP2 ini tetapi saya tidak boleh menerima dan menyokong DPB kerana matlamatnya kabur, tidak nampak hala tuju pada akhirnya, bagaimanakah keadaan hidup rakyat Malaysia bila sampai kepada tahap angka 2020 nanti. Adakah mereka pada ketika itu nanti akan berada di atas takhta dan singgahsana yang terjamin dalam suasana hidup insan soleh, kamil, 'abid dan sebagainya sesuai dengan matlamat Dasar Pendidikan Negara. Atau pada masa itu mereka hanya kenyang-kenyang, kaya-kaya, mewah-mewah dan sebagainya tetapi mereka hilang pedoman hidup dan tidak tahu arah tuju sehingga mereka boleh bertindak dengan sekehendak mahu dan sesuka hati.

Kejadian rompak, samun, curi, bunuh, tipu, dera kanak-kanak, rasuah, maki ibu bapa dan sebagainya, bukanlah berlaku dalam negara yang lapar dan rakyat jahil. Di Amerika misalnya, di Jepun, di Russia, di mana-mana pun rakyat kenyang-kenyang dan masyarakat berilmu tetapi macam-macam berlaku dan terjadi kerana masyarakat telah kehilangan moral dan kekeringan nilai-nilai murni, bahkan rakyat fasik, tanpa arah tuju dan tanpa matlamat murni yang dipandu oleh Kerajaan yang memerintah, selain daripada pengisian bahan-bahan keperluan lahiriah dan pengagihan kekayaan hidup semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, apakah angka 2020 ini, angka sebenar, ia boleh meletak rakyat Malaysia bahagia, selamat dan terjamin akhlak dan moralnya pada ketika itu dan negara Malaysia benar-benar menjadi contoh utama dalam pembentukan insan soleh, kamil, 'abid dan sebagainya atau angka 2020 ini hanya satu angka yang paling cerah mengikut ramalan optic atau ilmu mata Perdana Menteri untuk melihat teka teki nasib hidup politik UMNO dan Barisan Nasional pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyahut kehendak isi buku ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan dalam melaksanakan RRJP2 ini, hendaklah seboleh-bolehnya menutup jurang antara kaum dengan kaum dan antara Wilayah dengan Wilayah atau antara negeri-negeri di seluruh negara. Tetapi hal ini tidak mungkin berlaku selagi sentimen politik kepartian Kerajaan masih wujud. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Angkatan yang dipimpin oleh PAS di Kelantan akan menjadi mangsa dan sekarang telah menerima berbagai-bagai tekanan dan ugutan sehingga pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong yang hendak ke Kelantan pun diburu dan disekat dan Kelantan sekarang sedang dikepung ekonomi. Seolah-olah rakyat Kelantan tidak membayar cukai kepada Kerajaan Pusat dan undi yang diberi oleh rakyat dalam pilihanraya umum dahulu tidak melalui saluran demokrasi yang sah dan halal. Bahkan seolah-olah Kelantan seperti Brunei yang berada di luar Malaysia. Bukan setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu laporan akhbar (bukan akhbar tempatan dan tidak disiarkan di sini), Kerajaan Malaysia sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengguling Kerajaan Angkatan di Kelantan dan kita harap ianya tidak akan berlaku dan cita-cita ini akan diinsafi kembali.

Sebenarnya dalam melaksanakan RRJP2 ini, Kelantan patut mendapat layanan yang istimewa dan diberi

keutamaan lebih kerana Kelantan termasuk dalam kategori negeri-negeri yang termiskin. Majoriti penduduknya bumiputera, pembangunannya pun masih tertinggal dan sebagainya dan ini berdasarkan kepada mukasurat 5, buku RRP2. Sila lihat dan rujuk kembali. Jika Kerajaan ikhlas dengan DPB ini, hendaklah ia menarik balik segala mainan politik kotor dan tidak bertanggungjawab itu terhadap Kerajaan Kelantan. Berilah peluang kepada Menteri Besar Kelantan untuk menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri dan serahlah apa sahaja tugas-tugas yang menjadi amalan-amalan biasa seperti negeri-negeri lain dan ubahlah cap Dacing pada guni-guni baja subsidi itu dengan cap-cap lain supaya tidak nampak terlalu sentimen dan cetek berfikir.

Kita tahu segala usaha yang dilakukan itu adalah semata-mata Kerajaan takut dan bimbang kalau-kalau parti Islam yang memimpin Angkatan itu boleh menghalang pengaruh Kerajaan Pusat dalam abad yang akan datang.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat-sahabat saya akan bercakap sama ada parti Pembangkang dan Kerajaan, saya tidak bercadang untuk hendak bercakap panjang dan sebagaimana saya kata, saya akan bercakap seberapa ringkas tetapi saya harap buku biru yang telah dibentangkan di hadapan kita tiga hari lepas ini biarlah benar-benar dapat dilaksanakan dengan lebih bertanggungjawab dan janganlah Kerajaan cuba mengambil peluang untuk mengisi keperluan masing-masing terutama sekali orang-orang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan sebagainya dan saya dengan sukacita mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

4.03 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan penghargaan kepada pihak Kerajaan yang telah berjaya merangka satu Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang rata-rata disokong oleh segenap lapisan masyarakat.

Kritikan-kritikan yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang di dalam perbahasan ini khususnya di dalam bidang ekonomi ternyata tidak berasas dan melulu. Kenyataan-kenyataan mereka, Tuan Yang di-Pertua, ternyata bercanggah di antara satu sama lain. Contohnya di satu pihak mereka mahukan alam sekitar dan ekologi dipelihara dan dijaga dengan mahukan Kerajaan memperbanyakkan transformasi daya guna tenaga dari sektor pertanian di desa kepada sektor perdagangan dan perindustrian di bandar dan sekitarnya, dan di satu pihak yang lain ada pula yang marah Kerajaan tidak membuka hutan lebih banyak untuk rancangan-rancangan FELDA. Malah yang disarankan kepada rancangan supaya anak-anak peneroka FELDA terus menjadi peneroka. Kerajaan diseru supaya menceburkan rakyat ke dalam bidang-bidang pertanian yang ternyata tidak menguntungkan seperti menanam padi. Alasannya ialah semata-mata untuk mencukupkan barang-barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini membayangkan kefahaman mengenai pembangunan ekonomi yang cetek dan mencerminkan kejahilan di dalam bidang percutian sumber di dalam sistem ekonomi di masa aman. Jikalau kita boleh menggunakan modal tenaga buruh dan tanah untuk mengeluarkan barang-barang yang lebih membawa laba dan mencukupkan makanan kita dengan import yang lebih murah di zaman aman, mengapa seharusnya kita lakukan di sebaliknya seperti yang disarankan?

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyarankan demikian mestilah memahami konsep kos melepasi ataupun yang dipanggil "opportunity cost" sebelum membuat kenyataan-kenyataan demikian. Tidaklah perlu saya panjangkan ucapan saya mengenai konsep-konsep asas mengenai ilmu ekonomi ini, nanti saya dituduh pula cuba memberi kuliah.

Tuan Yang di-pertua, di samping kefahaman yang tidak mendalam mengenai ilmu ekonomi ini, ada pula percubaan hendak memutar dan bermain-main dengan angka khususnya tahap peningkatan peratusan. Peratusan yang saya maksudkan ialah peningkatan peratusan pemegangan kaum bumiputera di dalam bidang corporate equity ataupun pemegangan ekuiti di dalam korporat.

Tuduhan mengatakan di bawah kepimpinan yang ada sekarang, peningkatan adalah lembab iaitu 5% di dalam masa 9 tahun berbanding dengan 18% dalam masa 11 tahun sebelumnya. Kepada orang-orang yang tidak mendalami ilmu matematik, saranan ini memang dapat meyakinkan bahawa tuduhan itu benar. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang memahami kaedah diminishing curve, dengan izin, akan sedar bahawa di dalam tiap-tiap pertambahan di dalam jangka masa yang progresif, peningkatan peratusan akan menurun disebabkan angka pembahagian ataupun denominator, dengan izin, menjadi lebih besar disebabkan pertambahan pelaburan itu sendiri dari setahun ke setahun. Apa lagi kalau pelaburan-pelaburan yang banyak datang dari sumber-sumber bukan bumiputera yang menjadi angka pembahagi itu. Justeru itu, peningkatan peratusan pelaburan bumiputera menurun walhal dari segi absolute ianya tidak menurun.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi salah faham mengenai konsep dan definisi yang ketara di dalam ucapan Ahli-ahli

Pembangking ialah mengenai perkataan ataupun pengertian kapitalis itu. Kerajaan dituduh menyerah peneroka dan pekerja-pekerja kepada eksploitasi kapitalis apabila skim FELDA dirancangkan ditempatkan di bawah pengurusan firma dan apabila lain-lain ladang Kerajaan diswastakan. Sebenarnya apabila Kerajaan melakukan ini bukanlah Kerajaan menyerahkan ataupun menjual kuasa kepada seseorang pemodal yang hanya accountable, dengan izin, kepada dirinya sahaja. Apa yang berlaku ialah Kerajaan menyerahkan kepada firma yang diuruskan melalui orang-orang yang dipilih oleh pemegang-pemegang saham yang termasuk peneroka-peneroka FELDA itu sendiri dan juga pekerja-pekerja di ladang yang tersebut. Segala buku akaun dan keputusan adalah terbuka kepada umum tiap-tiap penghujung tahun kewangan.

Ini bukanlah sistem kapitalis tulen malah ianya merupakan sistem korporat moden. Kefahaman terhadap takrif kapitalis di dalam konteks ini tidak boleh dirujuk kepada takrif kapitalis seperti di zaman Karl Marx, Engels dan Charles Dickens dahulu. Sistem korporat yang dianuti oleh Kerajaan ternyata berjaya di seluruh dunia bebas.

Kejayaannya terbukti lagi dengan kegagalan sistem yang merupakan anti-thesisnya iaitu sistem command ataupun centrally controlled economy, dengan izin. Satu lagi yang saya dengar ialah perjuangan rhetoric, egalitarianisme yang dilaungkan oleh Ahli dari Bayan Baru kelmarin dan hari ini. Dari falsafahnya memanglah ini adalah satu perjuangan yang murni. Pemimpin-pemimpin agama yang dicipta oleh manusia ini seperti Karl Marx hingga kepada Gorbachev bercakap berdegardegar mengenai hal ini semenjak 200 tahun dahulu. Tetapi pemimpin-pemimpin ini hanya bercakap sahaja kerana mereka sendiri hidup lebih bersifat bourgeoisie dari orang bourgeoisie dan lebih bersifat raja

daripada raja-raja yang mereka gulingkan. Apa tidak, kaum proletariat bertungkus-lumus di kilang-kilang yang keadaannya mengancam kesihatan, pada hal komisar-komisar hidup senang-lenang dengan dacanya sendiri dan kereta mewahnya. Ini adalah satu keadaan hypocritical tanpa bandingan di dalam sejarah manusia. Sebab itulah selepas 70 tahun agama buatan manusia ini hancur-lebur sekarang dan pemimpin-pemimpinnya sedang mengemis kepada orang-orang yang dahulunya mereka anggap syaitan ekonomi, iaitu golongan-golongan korporat di dalam sistem pasaran bebas.

Andainya orang-orang yang memperjuangkan falsafah egalitarianisme ini mengikuti jejak langkah Rasulullah Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Omar dengan mengorbankan harta benda mereka, maka barulah akan didengari hujah-hujahnya, tetapi di sebaliknya senada dengan ucapan yang berapi-api menuduh Kerajaan tidak adil di dalam pembahagian kekayaan mereka sendiri menerima gaji dari dana rakyat dan pekerja yang berjumlah \$6,000 ke atas sebulan. Dirwayatkan Saidina Omar hanya mempunyai sehelai jubah yang usang apabila Baginda menjadi Khalifah Empayar Islam. Kalau Ahli dari Bayan Baru mahu buat begini, iaitu mempunyai sehelai sahaja coat yang usang dan berbasikal buruk ke Parlimen, maka saya pasti kemungkinan besar orang-orang yang mendengar ucapan beliau akan terpengaruh dan tabik kepada Yang Berhormat. Kalau tidak, Yang Berhormat dari Bayan Baru adalah sama sahaja dengan orang-orang Yang Berhormat tuduh sebagai tidak adil dan tidak siuman dari dalam bidang ekonomi ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Saya kata kepada Bayan Baru, bukan kata kepada dia, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berilah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Bayan Baru memang rakan saya. Adakah Yang Berhormat dari Padang Terap itu mendengar ucapan kami? Kami tidak percaya kepada centrally controled economy kerana ini satu sistem yang tidak realistik yang tidak akan membawa manfaat kepada manusia dan kami juga tidak begitu minat kepada unfettered free economy kerana unfettered free economy, dengan izin, tidak juga akan membawa manfaat kepada rakyat jelata, cuma kepada segelintir orang sahaja. Itulah falsafah kami. Adakah faham Yang Berhormat ini? Cuma dengan mewujudkan suasana dan falsafah "bima-sakti" sahaja.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya balik Ahli dari Kepong adakah dia dengar ucapan saya tadi? Bukan saya mengatakan bahawa DAP hendak mewujudkan central command economy. Yang saya cakap ialah satu perbandingan perjuangan egalitarianisme yang dipelopori oleh golongan komunis dan sosialis. Yang diucapkan oleh Ahli dari Bayan Baru itu menampakkan ia mahukan egalitarianisme ini tetapi ianya tidak menunjukkan tauladan-tauladan seperti mana yang patut ditunjukkan oleh orang yang memperjuangkan falsafah itu. Jadi, bukan saya menuduh DAP ataupun sesiapa sahaja yang hendak mewujudkan central command economy ini, hanya sebagai perbandingan di dalam perjuangan egalitarianism ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap Yang Berhormat dari Padang Terap itu melakukan tidak adil sebagai command economy juga kerana Ahli dari Bayan Baru tidak ada di sini, jadi berilah peluang sedikit.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Itu bukan silap saya, dia yang keluar. Masa dia bersyarah kelmarin dan hari ini, saya tunggu. Mana dia sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan sahaja.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, wawasan yang dibawa oleh Rangka Rancangan Pembangunan 10 tahun ini adalah satu aliran yang logik mengikut pembangunan ekonomi yang ada. Terasnya ialah pertumbuhan ekonomi yang disertai oleh pembahagian kekayaan yang adil. Tidaklah benar tuduhan yang mengatakan bahawa Kerajaan hanya menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata. Bukti-bukti seperti pengagihan perbelanjaan yang banyak kepada sektor-sektor miskin dan hasil-hasil seperti pengurangan kadar kemiskinan serta peningkatan pendapatan di kalangan segmen-segmen bawahan di dalam kumpulan pendapatan rakyat di negara ini menunjukkan bahawa pengagihan yang pesat dilakukan di samping pertumbuhan yang pesat juga. Statistik-statistik ini terang menunjukkan skim pengagihan yang meluas. Andainya pengagihan tidak dilakukan sudah tentu kadar pertumbuhan akan mencapai 15% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita menuju ke arah Wawasan 2020, adalah sangat perlu kita menyediakan rakyat khususnya kumpulan sasar yang tertentu untuk memastikan satu transformasi struktur sosial dan ekonomi yang mencakup objektif-objektif pembasmian kemiskinan dan menyusun

semula masyarakat. Jikalau di masa kita mula membangunkan negara dahulu kita menekankan pembangunan pertanian dan perindustrian yang mengganti import di mana petani-petani dibimbing secara pesat dan tersusun. Kita adakan LPP, kita adakah MADA, kita adakan KADA di Kelantan, kita adakan Pihak Berkuasa Johor Barat dan lain-lain lagi. Agensi-agensi ini diberi tugas dan kuasa khas membangunkan ekonomi dan sosial kaum tani secara bersepadu. Segala fungsi-fungsi dan kuasa Jabatan-jabatan regulatory seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Perikanan dan lain-lain diambil oleh agensi-agensi ini. Hasilnya kita mencapai kadar pertumbuhan pertanian yang pesat dan membanggakan.

Di atas asas pembangunan pertanian inilah kita hendak membangunkan industri dan perdagangan kita dan seterusnya mengambil bahagian untuk memimpin dunia di dalam bidang-bidang ini. Dengan tujuan ini dan pengalaman yang kita alami di masa pembangunan pertanian dahulu, mengapakah harus Kerajaan teragak-agak menubuh satu agensi khas untuk membangunkan usahawan-usahawan, khususnya usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga kecil. Saya pasti bahawa dengan wujudnya golongan usahawan-usahawan kecil yang besar dan gigih, asas perindustrian dan perdagangan negara akan menjadi lebih kukuh. Pada masa ini usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga kecil dikawali oleh berbagai-bagai Jabatan seperti kaum tani sebelum tahun 60an dahulu. Mereka tidak mendapat pimpinan yang baik dan tersusun.

Oleh itu saya menyerulah pihak Kerajaan supaya satu usaha yang tersusun melalui penubuhan satu agensi khas di dalam membangunkan masyarakat perindustrian dan perdagangan yang lebih produktif dan mengetahui kaedah-kaedah ke-usahawanan dan perdagangan yang betul

dan yang sihat. Saya pasti dengan pembangunan seperti ini tidaklah akan wujud lagi golongan usahawan dan peniaga yang separuh masak seperti yang ada sekarang. Golongan-golongan ini mahukan keuntungan yang cepat dengan risiko yang kecil ataupun tanpa risiko langsung.

Hakikat ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan usul OPP ini yang mana bumiputera yang diberi kemudahan membeli saham korporat tidak menerimanya sebagai satu peluang pelaburan jangka panjang, malah peluang ini diambil untuk mendapat untung cepat melalui penjualan-penjualan saham ini apabila harga naik sedikit. Tetapi memandang dari satu segi ataupun dari satu sudut lagi tindakan sebegini tidak seharusnya disalahkan kepada kumpulan-kumpulan ini sahaja. Kerajaan harus menyusun dan menyemak semula pasaran saham kita dan perlakuan-perlakuan syarikat korporat kita yang memberi harapan palsu kepada pelabur-pelabur umum.

Saya berkata begini kerana apa yang berlaku sekarang adalah serupa seperti membina kota dengan pasir. Contohnya, kita membenarkan sesuatu syarikat menyusun semula dengan mencairkan asetnya dan menilai semula aset-aset ini yang tentu lebih tinggi. Selepas itu kita membiarkan syarikat ini memfloatkan, dengan izin, saham-saham yang di-barukan ini dengan aset yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini mengambil pinjaman dari bank dengan gearing ratio yang baik, 1:1 kadangkadangkang. Apabila difloat kepada umum, maka berpusing-pusulalah pihak umum membeli saham ini dan akan naiknya harga saham. Apabila naik, maka peneraju-peneraju syarikat itu menjual saham-saham mereka dengan keuntungan beratus-ratus juta ringgit.

Pihak pelabur umum akan menjadi mangsa apabila harga saham itu turun mendadak.

Di dalam keadaan begini, Tuan Yang di-Pertua, di mana pembesaran modal tidak menghasilkan pengeluaran barangan mahupun pengeluaran perkhidmatan, maka suatu asas ekonomi pembangunan perindustrian dan perdagangan yang kuat tidak akan wujud. Kita hanya mewujudkan harimau kertas. Oleh itu saya pohon satu penyemakan dasar dan prosedur di dalam pasaran saham korporat kita dibuat untuk memastikan bahawa segala wawasan di dalam Rangka Rancangan Pembangunan ini dan seterusnya di dalam Wawasan 2020 dapat berjalan di atas tanah yang kuat, bukan di atas awan yang tipis. Apa yang ada bukan sahaja tidak membantu penubuhan masyarakat perindustrian, ianya hanya mewujudkan segelintir jutawan-jutawan sahaja.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rangka Rancangan Pembangunan 10 Tahun ini yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lalu.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kimanis.

4.23 ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, tahun 1991 adalah tahun yang bersejarah bagi negara kita kerana ia merupakan bermulanya era baru dengan wujudnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Dengan adanya RRJP2 ini, maka rakyat sekali lagi akan dapat melihat serta bergerak ke hadapan dengan lebih yakin lagi kerana RRJP2 pada dasarnya banyak menjanjikan peluang-peluang serta kemudahan-kemudahan kepada rakyat khususnya mereka yang miskin.

Sebagai penyumbang kepada Dasar Ekonomi Baru yang tamat tempoh pada akhir tahun lalu, Dasar Pembangunan Baru atau DPB dalam RRJP2 ini menggariskan beberapa perkara yang akan diambil perhatian seperti isu rakyat termiskin, ketidakseimbangan pengagihan peluang-peluang perniagaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan di antara bumiputera dengan bumiputera sendiri. Penyusunan semula masyarakat akan terus dilaksanakan disamping mewujudkan budaya kerja cemerlang di antara masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mula menggerak langkah dalam perjalanan kita menuju ke tahun 2000, tentu banyak perkara-perkara yang ingin kita imbas kembali dalam DEB kalau-kalau ada lagi yang tertinggal atau belum sempurna kita selesaikan yang harus kita ambil perhatian. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kita kepada dua aspek DEB iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Walau pada hakikatnya kita telah mencapai kejayaan dalam dua aspek ini, namun kita masih belum memperbaiki pencapaian kita.

Kemiskinan adalah satu perkara yang bukan mudah diselesaikan atau diatasi. Bagi setengah-setengah masyarakat, kemiskinan sudah menjadi sebahagian dari kehidupan mereka dan apa juga usaha dan kemudahan-kemudahan yang ada tidak semestinya boleh memberi manfaat kepada mereka. Walaupun di Semenanjung Malaysia kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 17.1% pada tahun 1990 atau purata kekurangan 1.75% setahun merupakan satu pencapaian yang agak baik, kedudukan di Sabah dan Sarawak amat berlainan. Di Sabah, peratus yang dapat dikurangkan hingga tahun 1990 hanya 18.1% atau purata 0.9% setahun manakala di Sarawak pula, peratus yang dapat dikurangkan ialah 31.4% atau purata 1.05% setahun. Daripada angka-angka ini, jelas kepada kita bahawa kita

belum begitu berhasil mengurangkan kadar kemiskinan, apatah lagi membasminya sama sekali terutama sekali di Sabah dan Sarawak di mana kemiskinan masih merupakan masalah yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tinjau program kita dalam penyusunan semula masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru atau DEB tertumpu kepada soal-soal ekonomi dan penglibatan masyarakat bumiputera dalam bidang perusahaan dan ekuiti bumiputera serta pengagihan pekerja di bidang awam. Dalam aspek ini kita merasa amat kagum dengan pencapaian bumiputera. Dari hanya kira-kira 2% penyertaan bumiputera pada tahun 1970 kepada kira-kira 20% pada tahun 1990. Jumlah bumiputera yang berkhidmat di sektor awam dan swasta juga telah meningkat berikutan adanya berbagai-bagai kemudahan yang diwujudkan di bawah DEB. Dalam lain perkataan, walaupun kita masih lagi jauh dalam mencapai tujuan RRJP1, bolehlah kita anggap bahawa kita telah berada lebih separuh perjalanan.

Namun begitu, kita harus mengambil kira kelemahan dan pengajaran yang ada semasa kita sama-sama berusaha menjayakan DEB. Kita harus terus melangkah ke hadapan dengan penuh yakin lagi. Kejayaan yang membawa ke arah Wawasan 2020 banyak bergantung kepada sikap dan sejauh manakah Kerajaan sanggup dan bersedia membuat perubahan terutama sekali dari segi Dasar Pembangunan Negara. Pendekatan atau approach, dengan izin, terhadap keperluan-keperluan dalam penyusunan semula gunatenaga dan pembangunan sumber manusia, dasar pendidikan dan hubungan di antara Kerajaan Pusat dan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira aspek yang paling utama dalam apa juga Rancangan Pembangunan ialah dengan mewujudkan pembangunan sumber manusia yang sistematik dan teratur serta

kemudahan-kemudahan asas yang cukup dan menyeluruh. Kemudahan pendidikan yang baik serta kesanggupan rakyat untuk menerima rancangan ini. Walaupun dalam keadaan kurang selesa dan mencabar, semua perkara yang saya sebutkan tadi memainkan peranan yang penting untuk menjayakan DPB yang membawa kita kepada rancangan Wawasan 2020.

Dalam tempoh 20 tahun yang lalu, walaupun perkembangan pendidikan telah mencapai kejayaan, namun kita belum boleh berpuas hati dengan pencapaian itu. Ini adalah kerana masih lagi terdapat rakyat khususnya di luar bandar yang buta huruf. Di samping itu juga ada yang terpaksa meninggalkan bangku sekolah disebabkan kemiskinan. Setengah-setengah kawasan khususnya di pedalaman Sabah, tiada sekolah, kalau pun ada sekolah yang terletak begitu jauh berpuluh-puluh batu dari tempat mereka tinggal. Oleh sebab masalah kekurangan sekolah ini maka ramai ibu bapa tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah di mana anak-anak itu terpaksa berjalan kaki ke sekolah yang jauh dari rumah mereka. Ini ditambah lagi dengan ketiadaan jalan-jalan raya yang baik yang menghubungkan satu kawasan dengan satu kawasan yang lain.

Kalau kita kaji dengan teliti kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah, kesihatan dan lain-lain hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar atau bandar-bandar yang ada perhubungan jalanraya sahaja. Sementara kawasan-kawasan lain kurang mendapat perhatian. Keadaan ini banyak terdapat di Sabah meskipun tempoh DEB sudah tamat dan Sabah sudah merdeka menerusi Malaysia 28 tahun yang lalu.

Berdasarkan kepada masalah seperti yang saya sebutkan ini serta banyak lagi masalah termasuk kekurangan tenaga pengajar yang cukup serta terlatih maka perkembangan pendidikan dan taraf

pencapaian pelajar-pelajar di Sabah amat jauh ketinggalan di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan merupakan aspek yang paling utama untuk membentuk dan mewujudkan sumber tenaga manusia mahir dan terlatih. Di negara-negara yang sudah maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan lain-lain sistem pendidikan amat diutamakan kerana masyarakat yang berpelajaran merupakan satu aset yang boleh digunakan sepenuhnya ke arah pembangunan negara. Negara-negara ini boleh berbuat demikian kerana tenaga manusia merupakan satu sumber yang boleh didapati dengan banyak. Dan jika ia dapat dilatih dalam satu-satu bidang kemahiran maka ia bukan sahaja dapat memberi faedah yang berguna akan tetapi juga secara langsung telah mewujudkan satu budaya kerja cemerlang.

Di negara kita walaupun kita mempunyai sumber tenaga manusia yang banyak, dukacita dinyatakan ia belum boleh digunakan sepenuhnya. Ramai belia-belia dan beliawanis yang tidak mempunyai kerja, lepasan sekolah yang tidak menyambung persekolahan, mereka disebabkan kemiskinan atau yang ingin masuk ke universiti tetapi gagal mendapat tempat walaupun layak. Keadaan seperti ini saya agak bukan sahaja berlaku di Sabah dan di Sarawak tetapi juga di Semenanjung Malaysia. Dengan keadaan ini berlarutan, negara kita sendiri yang menanggung kerugian.

Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengambil beberapa langkah dalam usaha melahirkan masyarakat berpelajaran dan seterusnya guna-tenaga yang mahir dan terlatih.

- (1) Kerajaan mestilah memberi perhatian kepada masalah pendidikan di luar bandar.
- (2) Mengadakan sekolah-sekolah di setiap kawasan untuk memudahkan anak-anak kampung pergi ke

sekolah yang berhampiran. Untuk ini Kementerian Pendidikan hendaklah membuat kajian yang terperinci, khasnya di Sabah dan Sarawak.

- (3) Mengadakan kemudahan serta tenaga pengajar yang cukup baik di peringkat rendah dan menengah.
- (4) Mengadakan lebih banyak sekolah-sekolah vokasional dan jurusan-jurusan kemahiran lain.
- (5) Di peringkat tinggi pula saya ingin mencadangkan supaya setiap negeri mempunyai sebuah universiti, khasnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan sempurna adalah hak rakyat. Oleh itu, ia menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang cukup untuk semua lapisan masyarakat dan bukan untuk dinikmati oleh orang-orang di bandar atau yang mampu sahaja.

Oleh itu, Kerajaan haruslah peka terhadap hakikat bahawa masyarakat terpelajar adalah masyarakat yang maju. Bukankah ini matlamat DEB dan kini DPB. Malangnya, hari ini berpuluh-puluh ribu pelajar-pelajar kita di hantar ke luar negeri dan Kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun membiayai pelajaran mereka. Ramai lagi khasnya di Sabah yang layak tetapi gagal mendapat tempat di universiti tempatan dan tidak diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri terpaksa menganggur.

Kemampuan universiti-universiti tempatan untuk mengambil lebih ramai murid-murid adalah terhad. Kepada mereka yang mampu menghantar anak-anak mereka ke luar negeri dengan wang sendiri dan ramai mereka ini tidak akan

kembali ke tanahair setelah tamat pengajian. Bukankah ini satu perkara yang merugikan kepada negara kita?

Sudah tiba masanya bagi Kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, England dan lain-lain; pendidikan merupakan perkara yang amat mudah diperolehi kerana kemudahan sekolah yang cukup. Negara kita juga boleh dengan syarat Kerajaan mengubah sikap dan dasar yang ada sekarang.

Permintaan Kerajaan Negeri Sabah supaya sebuah universiti di adakan di Sabah bagi menampung permintaan yang bertambah haruslah dikaji semula dan diluluskan. Faedahnya banyak dan akan dapat membantu Kerajaan dalam usaha mewujudkan guna-tenaga yang terlatih. Bukan sekadar itu sahaja, Kerajaan juga boleh menjimatkan sejumlah wang yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai Wawasan 2020 kita mestilah bersedia dari sekarang. Saya berpendapat negara kita memerlukan sekurang-kurangnya 5 buah universiti lagi termasuk sebuah di Sabah dan sebuah lagi di Sarawak. Dengan bertambahnya institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita tidak lagi perlu membelanjakan wang yang banyak menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri. Di samping itu lebih ramai pelajar-pelajar kita berpeluang belajar di tempat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengambil perhatian yang lebih serius terhadap pembangunan sumber tenaga manusia (human resources development) dengan mengambil kira peranan pendidikan dan institusi pengajian tinggi, pembangunan asas seperti jalanraya, kemudahan bekalan elektrik, air, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan dalam bidang telekomunikasi serta sebaran am adalah sama-sama penting.

Masyarakat luar bandar hanya akan dapat mengubah sikap atau cara hidup mereka jika kemudahan-kemudahan asas seperti saya sebutkan tadi terdapat di kawasan-kawasan mereka. Tidak ada faedah Kerajaan menasihatkan supaya mereka mengubah cara hidup kalau keadaan di kawasan-kawasan mereka masih belum berubah sekalipun. Kita sudah merdeka lebih 28 tahun bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Program serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat belum terjamin kejayaannya jika terdapat masih banyak kawasan yang mundur dan penduduk di kawasan berkenaan miskin.

Di bidang ekonomi pula usaha-usaha yang ada hendaklah diteruskan iaitu memberi keutamaan kepada kaum bumiputera. Malangnya, terdapat setengah-setengah bumiputera sendiri yang mencabuli hak keistimewaan ini yang telah sedikit sebanyak menjejaskan perkembangan sosio-ekonomi mereka dan menjejaskan nama baik bumiputera lain.

Saya inginlah mencadangkan supaya Kerajaan mengambil sikap yang tegas terhadap mereka yang gagal menyempurnakan tanggungjawab mereka supaya nama baik kaum bumiputera sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga rancangan Kerajaan, sebaran am memainkan peranan yang amat penting. Hanya menerusi alat-alat sebaran am seperti media cetak dan elektronik, rakyat akan mendapat segala maklumat dengan lebih jelas dan berkesan. Oleh itu, RTM sebagai alat sebaran am Kerajaan mestilah memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menyebarkan segala maklumat-maklumat dengan luasnya termasuklah perkembangan yang berlaku di negeri Sabah dan Sarawak.

Di negara-negara maju, radio dan televisyen merupakan kemudahan awam yang paling luas digunakan dan disediakan, termasuklah yang diusahakan oleh pihak-pihak swasta. Lain pula halnya di negara kita di mana radio dan televisyen dikuasai dengan begitu cara, hanya program-program atau siaran yang mendatangkan faedah kepada pihak-pihak tertentu sahaja sentiasa muncul di kaca-kaca TV.

Suara daripada pihak-pihak tertentu, khasnya dari Sabah, jarang-jarang kali dapat dilihat atau didengar walaupun rakyat Sabah berhak menikmati segala kemudahan dan liputan yang sama dengan negeri-negeri lain. Saya berharap penggubal dasar akan sedar hakikat bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan rakyat di Sabah adalah juga rakyat Malaysia yang berhak dan patut menerima segala kemudahan pembangunannya. Adalah tidak adil bagi Sabah dianaktirikan semata-mata kerana Sabah ditadbir oleh parti yang di luar Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, demi mencapai kejayaan DPB dan Wawasan 2020, Kerajaan mestilah bersedia, bersedia untuk melonggarkan dasar-dasar yang selama ini menjadi batu penghalang ke arah beberapa program pembangunan seperti pendidikan dan siberan am. Jika kita benar-benar hendak menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, kita terpaksa memberi jalan kepada perkara-perkara yang saya sentuh tadi. Kita tidak akan maju dengan mempunyai banyak sekatan dan syarat semata-mata untuk mempertahankan kedudukan pihak-pihak tertentu. Bagi pihak-pihak yang saya maksudkan ini, mereka mestilah sanggup bersaing dengan pencabar-pencabar mereka dan jangan hanya berselindung di belakang dasar atau undang-undang yang digubal khas bagi kepentingan mereka.

Di negara-negara maju, rakyat mereka sentiasa sahaja bersaing untuk mendapatkan sesuatu. Dengan terpaksa bersaing antara satu sama dengan lain, mereka ada menjadi lebih produktif, lebih maju, lebih berkesan, dan yang penting sekali mereka lebih bebas atau independent dan tidak mengharapkan atau bergantung kepada Kerajaan untuk mencorak bentuk penghidupan mereka. Kita telah biasa dengan bantuan Kerajaan atau tajaan oleh Kerajaan hinggakan untuk mendapat kontrak kita terpaksa bersandar kepada bantuan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Perkhidmatan Awam juga adalah amat penting dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020. Oleh itu, jentera Perkhidmatan Awam hendaklah dikaji semula. Saya difahamkan masih banyak jawatan-jawatan kosong dalam semua kategori belum diisi. Jika ini benar, ini adalah satu perkara yang amat menyedihkan. Sementara kita cuba mengatasi masalah pengangguran, terdapat pula Jabatan-jabatan Kerajaan yang masih lagi kekurangan kakitangan dan jawatan-jawatan yang tidak diisi. Tidak syak lagi kekurangan kakitangan ini telah menjadi penghalang kepada kemajuan dan pentadbiran Kerajaan kita. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji seluruh gunatenaga dalam Perkhidmatan Awam dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengisi semua jawatan kosong yang belum diisi, termasuk pihak Polis dan Tentera.

Dalam soal kenaikan pangkat pula, saya juga difahamkan bahawa terdapat kes-kes di mana beberapa orang pegawai yang telah berkhidmat sekian lama dan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang cukup tidak dinaikkan pangkat, manakala pegawai yang lebih junior, dengan izin, baru sahaja berkhidmat beberapa tahun dan belum mempunyai pengalaman yang cukup, telah dinaikkan

pangkat. Perkara ini berlaku di beberapa Jabatan di Sabah dan jika ia terus berlaku, saya percaya moral dan taraf perkhidmatan pegawai-pegawai berkenaan akan terganggu. Ini sudah tentu menjejaskan pentadbiran Jabatan-jabatan berkenaan. Saya berharap pihak berkenaan akan bersikap lebih adil di masa-masa akan datang supaya jentera pentadbiran Kerajaan dapat berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, lumrah kejayaan sesuatu rancangan itu terletak kepada kesanggupan kita untuk bekerjasama, saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan perpaduan yang padu diantara kita. Oleh itu, setiap individu mempunyai peranan yang penting ke arah RRJP2 ini.

Tahun 2020 ataupun Wawasan 2020 adalah sasaran kita bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Menjelang tahun 2020 adalah misi kita. Peranan kita pula ialah berusaha lebih gigih demi mencapai matlamat kita. Walaupun ramai di antara kita mungkin tidak berada dalam Dewan ini dalam tahun 2020, tetapi kita harus merasa bangga kerana kita telah berjaya menyumbang ke arah menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maju.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sibü.

4.44 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 17hb Jun, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya RRJP2 dan DPB telah diterima dengan baiknya oleh rakyat kerana ia cuba mengimbangkan cita-cita semua kaum. Amatlah mengembirakan juga apabila RRJP2 dan DPB mengutamakan pembasmian kemiskinan yang meliputi semua kaum dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 juga memperakui kekurangan RRJP1 dan DEB yang mana telah tamat pada akhir tahun 1990 dan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikannya. RRJP2 mengutamakan kepentingan pembangunan sumber manusia di mana ianya akan menjadi faktor utama untuk mendorong Malaysia membangun menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa harapan semua kaum di Malaysia adalah untuk mendapat peluang yang sama rata, iaitu dari segi semua aspek kehidupan seperti pembangunan, peluang pendidikan yang lebih tinggi, peluang pekerjaan, hakmilik ekuiti, pembangunan kebudayaan dan kepercayaan agama serta pembangunannya. Kita tidak dapat menafikan juga bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB), selama 20 tahun ini telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 dan DPB adalah sambungan kepada proses atau pengganti kepada RRJP1 dan DEB tetapi dengan cara yang lebih berguna demi untuk mengurangkan faktor diskriminasi atau hak ditarik balik secara tidak adil, serta dasar yang seimbang. RRJP2 dan DPB juga akan cuba mencapai pembangunan di kalangan berbilang kaum dan negeri-negeri dengan cara yang berikut:

- (a) mengutamakan tentang kepentingan untuk mengendalikan hakmilik ekuiti;

- (b) menghapuskan masa terhadap bumiputera mencapai 30% hak milik ekuiti;
- (c) menjamin terhadap peningkatan bukan bumiputera kepada perkhidmatan Kerajaan; dan
- (d) langkah untuk membangun infrastruktur dalam negeri yang kaya dengan sumber asli seperti Sabah dan Sarawak yang mempunyai tahap kemiskinan yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 dan DPB telah mengambil langkah untuk membasmikan kemiskinan untuk semua rakyat Malaysia dengan meningkatkan taraf ekonomi supaya semua rakyat boleh mendapat bahagian dengan secukupnya. Ianya juga adalah prinsip yang logik di mana ekonomi yang cukup besar untuk semua dengan sendirinya juga akan menempatkan semua rakyat Malaysia walaupun tanpa sistem kuota. RRJP2 dan DPB juga harus bermurah hati dengan memberi insentif untuk menggalakkan pelabur-pelabur untuk mendirikan industri-industri di kawasan luar bandar serta negeri yang kurang membangun terutama sekali Sarawak yang kaya dengan sumber asli, tanah dan potensi tenaga yang besar seperti berikut:

- (a) pelepasan cukai;
- (b) tanah yang lebih murah;
- (c) infrastruktur yang lebih baik;
- (d) peraturan pekerja asing yang lebih fleksibel; serta
- (e) hak milik yang fleksibel.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus menggalakkan perniagaan bersama yang sejati di antara bumiputera dan bukan bumiputera di dalam segala bidang perniagaan bersama dengan mempergunakan sepenuhnya program interaksi sosial budaya dan pendidikan supaya dapat memupukkan semangat persahabatan dan tali persaudaraan yang

mana akan membentuk satu asas yang kuat dan menghubungkan bagi perniagaan bersama berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat tersebut segala bentuk perkauman harus dijauhi. Contohnya, pengambilan pelajar-pelajar daripada satu kaum tertentu untuk memasuki institusi pengajian tinggi ataupun sekolah berasrama penuh, pengambilan ahli daripada satu kaum sahaja untuk menyertai kelab-kelab atau persatuan-persatuan dalam bidang sukan, sosial dan kebudayaan. Jika ianya kawasan atau kampung-kampung yang dihuni oleh satu kaum sahaja, pengambilan kakitangan-kakitangan di jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu sahaja dan badan-badan berkanun tidak harus digalakkan. Seperti yang kita sedia maklum di samping pertalian darah di antara ahli keluarga persaudaraan terbina dengan belajar, bekerja, hidup dan main bersama juga sama pentingnya untuk mewujudkan kaum yang bekerjasama dan bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pencapaian DEB begitu menggalakkan kita tidak harus mengabaikan kekurangan dan saya rasa gembira melihat RRJP2 dan DPB telah membaiki kekurangan-kekurangan tersebut. Keseimbangan utama RRJP2 dan DPB untuk bumiputera sama ada dengan bantuan dan insentif daripada Kerajaan dengan cara kuota akan diteruskan. Jika begitu, setakat mana?

Di samping itu golongan bukan bumiputera juga berasa bimbang mengenai sistem kuota yang akan berterusan menyukarkan mereka untuk mendapatkan peluang yang sama rata. Saya juga percaya bahawa sistem kuota yang diperkenalkan oleh DEB telah memberi keyakinan kepada kejayaan DPB, tetapi ianya juga menjadi penghalang kepada perpaduan negara. Saya amat berbangga melihat di bawah RRJP2 dan DPB sistem kuota hanya akan menguntungkan kaum bumiputera yang sejati dan boleh dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan agar di dalam bidang ekonomi di mana kaum bumiputera telah mencapai ekuiti hak milik 30% sistem kuota tersebut haruslah dilonggarkan atau lebih bertolak-ansur kepada semua kaum supaya semua berpeluang untuk melibatkan diri. Saya amat berbesar hati melihat RRJP2 dan DPB akan membaiki ketidakadilan yang dibawa oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dalam era DEB. Contohnya, pengambilan yang rendah terhadap kaum bukan bumiputera di dalam perkhidmatan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di atas tujuan yang mendalam terhadap penekanan pembangunan sumber manusia supaya Wawasan dan matlamat RRJP2 dan DPB pada tahun 2020 dapat dicapai. Saya menyokong sepenuhnya peningkatan peluang kemasukan ke universiti ataupun institusi pengajian tinggi tempatan supaya kita tidak bergantung sepenuhnya kepada universiti dan institusi pengajian tinggi luar negara untuk melatih pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengisi kekosongan yang mencukupi di universiti dan maktab-maktab tempatan maka peluang pendidikan yang sama rata bagi semua rakyat Malaysia akan diperolehi dengan sendirinya. Saya juga memerlukan penekanan terhadap peningkatan taraf bahasa Inggeris sambil kita memelihara usaha untuk menguatkan lagi pembelajaran dan penggunaan Bahasa Malaysia. Saya juga mengesyorkan Kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran bahasa Cina demi untuk berurusan dengan negara China dan Taiwan. Kerajaan juga harus memandang dengan berat tentang masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah Cina, masalah kewangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah menengah bebas Cina, menimbangkan mengenai pengiktirafan ijazah dari

universiti-universiti Taiwan dan sijil Senior Middle Three, dengan izin, dari sekolah menengah bebas Cina. Kita juga harus memberi perhatian kepada bahasa asing seperti bahasa Jepun dan Korea kerana mereka adalah rakan niaga kita yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, konsep universiti terbuka adalah satu langkah positif ke hadapan di dalam sistem pendidikan kita.

Saya dengan tulus ikhlas memohon kepada Kerajaan untuk menentukan agar kekurangan yang terdapat dalam DEB tidak akan berlaku di dalam DPB. Kerana TV boleh mewujudkan perpaduan nasional kita, saya memohon kepada Kerajaan supaya RTM 2 dan TV3 tidak memberhentikan program Cina selepas pukul 6 petang supaya tidak menghampakan penonton program Cina dari menonton rancangan TV Cina pada waktu malam dan menghalang kaum Cina dari merasakan hak mereka tidak diendahkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada seluruh rakyat Malaysia supaya menyokong dan mengambil berat terhadap RRJP2 dan DPB supaya mereka mencapai Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian dan bersatupadu pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

5.01 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang dan Tanjong, saya menyokong desakan supaya satu Suruhanjaya Hisbah ataupun Suruhanjaya Di-Raja dibentuk untuk mengawasi pelaksanaan RRJP2 dan dasar-dasar Kerajaan.

Pengawasan ini perlu dibentuk bagi mewujudkan satu mekanisma yang berkesan dengan objektif untuk mencegah dan membasmikan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan kepincangan-kepincangan dalam pengurusan dan pelaksanaan dasar-dasar negara.

Tuntutan kepada perlunya penubuhan Suruhanjaya ini makin dirasai apabila kita melihat sebagaimana dalam tempoh pelaksanaan DEB selama dua dekad yang lalu. Meskipun digembar-gemburkan sebagai kemajuan telah dicapai, namun satu hakikat dan kenyataan yang tidak boleh luput ialah betapa negara Malaysia digegarkan dengan berbagai skandal, yang melibatkan wang negara dan menjejaskan kepentingan rakyat. Di sebalik objektifnya untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat ternyata era DEB selama 20 tahun itu yang bermula dengan dasarnya yang luhur dan murni kemudiannya berakhir dengan gegaran dan bencana, penyelewengan, kepincangan-kepincangan dan penyalahgunaan kuasa akibat daripada tangan-tangan politik yang menguasai pemerintahan negara.

Era DEB bukan sahaja berjaya melahirkan korporat-korporat ekonomi bumiputera yang merebut peluang hasil daripada keutamaan dan kuasa penguasaan 30% kekayaan ekonomi negara, tetapi DEB juga berjaya melahirkan keparat-keparat yang menjerumuskan negara kepada kehancuran dan kehinaan yang tidak dapat diluputkan sama sekali dari ingatan kita.

Kita melihat bagaimana skandal demi skandal menjadi norma yang mendapat perlindungan daripada golongan politik yang berkuasa. Bukankah ketika berlaku skandal BMF, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya menyifatkan ianya sebagai satu kesalahan moral

sahaja dan bukannya satu kesalahan undang-undang. Tidakkah pemberian tender projek Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM merupakan satu bentuk percanggahan kepentingan yang melibatkan pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa. Kredibiliti para pemimpin Kerajaan masih dipersoalkan dalam isu-isu yang terungkit dalam era DEB yang sudah berakhir seperti MAMINCO, MAKUWASA-EPF, BMF, PLUS dan sebagainya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan usul RRJP2 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kejayaan yang besar telah dicapai dalam pertumbuhan ekonomi serta pengagihan yang saksama dalam proses pembangunan. Katanya lagi "kejayaan ini telah menjadikan Malaysia sebagai satu model yang unik di kalangan negara-negara membangun". Di dalam hal ini saya amat bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betapa Malaysia kini menjadi sebuah model yang unik dalam kategori negara-negara dunia ketiga. Sememangnya Malaysia ini unik, bukan sahaja unik tetapi juga kronik, unik dan kronik kerana di sebalik gegaran berbagai skandal, penyelewengan, kepincangan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berleluasa, Kerajaan masih mampu bertahan dari sudut politik dan berbangga dengan dakwaan pencapaian pertumbuhan ekonomi negara.

Keunikan dan kekronikan ini pasti akan berterusan dalam era baru yang sedang kita bahaskan sekarang iaitu RRJP2. Walau apa pun hujah Kerajaan tidak dapat dinafikan malapetaka dan bencana penyelewengan akan terus berlanjutan melanda negara ini. Ini adalah kerana para pemimpin Kerajaan tidak berupaya melepaskan diri daripada amalan dasar perlindungan politik ataupun dengan izin, political protectionism, terhadap kepincangan dalam pengurusan ekonomi dan kewangan negara.

Jika negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dikutuk kerana amalan dan sentimen perlindungan ekonomi, atau dengan izin, economic protectionism sehinggakan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara membangun seperti Malaysia. Apakah sentimen, dengan izin, political protectionism yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin negara terhadap berbagai kepincangan yang berlaku tidak menjejaskan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara kita. Inilah yang dikatakan kuman di seberang laut Barisan Nasional nampak, tetapi gajah di depan mata sendiri Barisan Nasional tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua, kita melangkah ke dalam era DPB bagi menggantikan era DEB. Peristiwa-peristiwa pahit yang melanda negara kita dalam era DEB dahulu sepatutnya menjadi pengajaran dan membawa kesedaran kepada semua pihak, lebih-lebih lagi kepada pihak Kerajaan tentang betapa perlunya kita kepada pengawasan dan pengawalan yang efektif terhadap sistem ekonomi negara dan kewangan yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara.

Segala rupa bentuk penyelewengan dan kepincangan yang berlaku terutamanya yang melibatkan institusi kewangan, yang merupakan salah satu tunggak yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara harus dicegah ataupun dibanteraskan terus.

Apakah jaminan yang kukuh dapat diberikan oleh Kerajaan agar kepincangan, apatah lagi jenayah perdagangan yang melibatkan institusi-institusi kewangan tidak berulang lagi, sehinggakan pihak Polis negara terpaksa memperbanyakkan pegawai-pegawai mereka di peringkat atasan kerana untuk menghadapi jenayah perdagangan yang paling serius di Malaysia sekarang ini.

Imej negara dan kepentingan orang ramai begitu hebat terjejas berikutan dengan peristiwa dan pemalsuan yang

melibatkan institusi-institusi kewangan dan bank-bank perdagangan seperti United Asian Bank, Perwira Habib Bank, Co-operative Central Bank, Bank Bumiputra di samping berbagai bentuk jenayah perdagangan yang melibatkan koperasi-koperasi sehingga perlu dilakukan, dengan izin, rescue operation oleh Bank Negara Malaysia.

Amat malang sekali betapa wang rakyat dan negara ini dengan sewenang-wenangnya boleh digelap dan dilesapkan tanpa sebarang unsur pencegahan dan pengawalan yang berkesan. Bila mana teguran dan kritikan membina diberi oleh pihak Pembangkang begitu pantas pula pihak Kerajaan membuat penafian seolah-olah tidak wujud sebarang masalah sehinggalah mayat bergelimpangan seperti berlaku dalam skandal BMF di Hong Kong. Kerajaan harus bersikap jujur dan peka dengan teguran dan kritikan membina pihak Pembangkang, bukan menunggu mayat bergelimpangan lagi di sana-sini, barulah penyiasatan akan bermula.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada element terpenting dalam kesuburan sistem demokrasi ialah, dengan izin, Parliamentary accountability. Dalam mengharungi era baru RRJP2 ini yang diharapkan oleh Kerajaan akan membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dalam rangka Wawasan 2020, Kerajaan harus bersikap terbuka dan bukannya berselindung di sebalik tirai besi kuasa yang ada dan penafian yang memalukan di kemudian hari.

Sebagai membuka tirai baru dalam era RRJP2 ini, saya ingin Kerajaan menyatakan dalam Dewan yang mulia ini akan kesediaan Kerajaan untuk menghentikan amalan, dengan izin political protectionism dalam usaha membantulas penyelewengan, kepincangan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa sekalipun melibatkan kepentingan politik dan peribadi pemimpin-

pemimpin Barisan Nasional. Sebaliknya menyuburkan kembali dengan izin, Parliamentary accountability secara jujur dan terbuka.

Dalam langkah pertama ini, saya ingin Kerajaan bersikap jujur dan terbuka untuk memberi penjelasan terhadap beberapa kepincangan dalam permasalahan yang sedang melanda salah satu daripada tunggak terpenting dalam usaha membasmi kemiskinan seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khasnya melibatkan para petani iaitu Bank Pertanian Malaysia. Tanpa sebarang prejudis terhadap mana-mana Ahli Yang Berhormat, saya mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa Bank Pertanian Malaysia (BPM) sedang dilanda kepincangan yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah bank tersebut sejak ianya ditubuhkan di bawah Akta Parlimen Bil. 9/69.

Sebagai sebuah Badan Berkanun yang berada di bawah penyeliaan Kementerian Pertanian Malaysia, Bank Pertanian Malaysia dianggap salah sebuah agensi Kerajaan yang mempunyai peranan penting untuk menjayakan matlamat DPB (Dasar Pembangunan Baru).

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan ini, saya ingin Kerajaan menjelaskan beberapa persoalan yang bersangkutan dengan Bank itu sekarang. Dasar Ekonomi Baru ditutup dengan skandal Bank Bumiputra. Dasar DPB dimulakan dengan satu skandal yang besar iaitu Skandal Bank Pertanian yang sedang melanda bank itu sekarang ini.

Persoalan yang ingin dikemukakan, apakah benar Bank Pertanian Malaysia telah menanggung kerugian yang amat besar iaitu sebanyak \$258.9 juta dalam tahun 1989 atau meningkat lebih lima kali ganda dari kerugian tahun 1988 yang berjumlah \$46.4 juta? Apakah penjelasan terhadap kerugian tersebut?

Persoalan yang kedua, apakah benar kedudukan kewangan Bank Pertanian Malaysia sehingga pada 31hb Disember, 1989 menunjukkan kekurangan modal melebihi \$149 juta?

Persoalan yang ketiga, apakah benar pihak Bank Pertanian mengadakan rundingan dengan Kementerian Pertanian, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan tambahan sokongan kewangan bagi menampung semula permasalahan kewangan yang dihadapi sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan pada 15hb April, 1991. Sekiranya rundingan tersebut gagal untuk mendapatkan sokongan kewangan yang berterusan dan yang cukup untuk memenuhi komitmen semasa bank, adakah ianya akan menghadapi masalah besar bagi meneruskan operasinya? Berapakah jumlah tambahan sokongan kewangan yang dipohon oleh Bank Pertanian Malaysia daripada Bank Negara Malaysia? Adakah permohonan itu diluluskan dan, jika diluluskan, adakah ini satu bentuk usaha operasi penyelamat Kerajaan terhadap Bank Bumiputra Malaysia seperti operasi penyelamat yang dijalankan untuk menghidupkan Bank Bumiputra yang hampir mati.

Persoalan yang keempat, apakah benar Bank Dunia pernah mencadangkan kepada Kerajaan supaya Bank Pertanian Malaysia memberhentikan operasinya? Apakah asas-asas cadangan Bank Dunia itu diterima oleh Kerajaan dan, kalau tidak diterima, kenapa ianya ditolak?

Yang kelima, apakah benar permasalahan yang dihadapi oleh Bank Pertanian Malaysia berpunca dari prestasi peminjam yang kurang memuaskan dan kerana hasil kutipan yang bertambah lembab berikutan dengan kegagalan para peminjam membayar balik hutang mereka? Selain dari kalangan petani dan nelayan kecil, sejauh manakah pemimpin-pemimpin

politik atau syarikat-syarikat yang mereka mempunyai kepentingan gagal membayar balik hutang pinjaman mereka?

Persoalan yang keenam, apakah benar Bank Pertanian Malaysia terpaksa menyediakan peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih besar dan menggantungkan pendapatan faedah dari peminjam tidak berbayar? Berapakah jumlah hutang lapuk dan ragu sehingga penghujung tahun 1989 atau 1990?

Persoalan yang ketujuh, adakah benar bahawa terdapat amalan pinjaman yang mencurigakan berlaku dalam Bank Pertanian Malaysia di mana dasar dan aturcaranya terhadap pengurusan kredit telah tidak dipatuhi? Apakah benar bahawa pinjaman yang tidak mematuhi dasar dan aturcara bank itu turut melibatkan peminjam yang kini bertaraf seorang Menteri Kerajaan Persekutuan yang kita mendapat tahu beliau tidak membayar hutang sedangkan bank ini bank untuk rakyat jelata, bank untuk orang-orang miskin, tetapi seorang Menteri tidak membayar hutang yang menyebabkan bank ini hampir bankrap sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu adalah daripada Sabah. Krisis kewangan dan permasalahan yang melanda Bank Pertanian Malaysia sudah tentunya akan membawa padah dan bencana yang amat membimbangkan. Pada ketika ini Bank Pertanian hampir boleh disifatkan berada dalam keadaan tenat sebagaimana yang pernah dialami oleh Bank Bumiputra dahulu yang terpaksa diselamatkan melalui PETRONAS. Apakah kekayaan minyak negara sekali lagi akan digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra yang kita dapat tahu peminjam-peminjamnya adalah Menteri dan orang-orang yang rapat dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan, bukan orang-orang miskin, petani, pemelihara ternakan dan orang-

orang kampung yang berada jauh di desa. Amatlah jelas sekali bahawa kelemahan dan kepincangan kewangan yang dialami oleh Bank Pertanian Malaysia yang berada di bawah penyeliaan Kementerian Pertanian meyakinkan kita mengenai betapa perlunya pengawasan dan pengawalan yang lebih berkesan dilakukan segera bagi mencegah krisis ini berlarutan menjadi skandal atau jenayah canggih yang menjejaskan kepentingan rakyat dan negara ini. Ianya merupakan batu petanda awal dalam era RRJP2 ini bahawa kemusnahan dan kehancuran sistem nilai masyarakat kita adalah satu yang pasti berlarutan melainkan satu usaha yang bersungguh-sungguh dan penuh keikhlasan oleh pihak Kerajaan ke arah membentuk suruhanjaya Hisbah yang bertanggungjawab untuk membetulkan segala keadaan yang tersebut.

Bank ini hendaklah diselamatkan segera dan juga pembetulannya yang paling penting dalam mewujudkan suruhanjaya Hisbah yang bertanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen Malaysia bagi tujuan mengawasi perjalanan pentadbiran Kerajaan agar ianya benar-benar bebas dari penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kepincangan. Segala projek ataupun segala wawasan yang begitu baik akan menjadi pincang di tengah jalan apabila segala bentuk penyelewengan dibiarkan berlaku ataupun ia terus dipejam mata bila ia dilakukan oleh Menteri ataupun orang yang berada dalam Kabinet, maka Bank itu sendiri tidak dipedulikan ke arah mana hendak bankrap ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita harap Wawasan ini akan menjadi kenyataan apabila kita melihat suasana yang ada seperti ini perlu diperbaiki. Kalau tidak, kita boleh mengemukakan berbagai rancangan, tetapi dasar dan juga kesinambungannya tidak pergi ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, kepekaan masyarakat juga hendaklah ditingkatkan. Kita melihat sekarang ini memang menuju kepada kejayaan segala wawasannya, tetapi kepekaan masyarakat masih berada di tahap yang jauh. Ideologi-ideologi ciptaan manusia telah menunjukkan kegagalan satu demi satu. Ideologi komunis yang diwujudkan semata-mata untuk menyelesaikan masalah benda, mereka berjuang lebih dari 70 tahun untuk menghapuskan kemiskinan, akhirnya bukan kemiskinan yang terhapus, tetapi ideologi komunis itu yang terhapus.

Di dalam Islam, Allah mengajar kita mengakui bentuk semula jadi kejadian alam. Ada tinggi, ada rendah, ada putih, ada hitam, ada miskin, ada kaya, ada fakir, ada hartawan, ada mustakbirin, ada mustadafin. Untuk menolong orang miskin, Islam meletakkan falsafah yang paling tegas. Dalam Al-Quran diulang-ulang yang bermaksud, "sembahyang dan tunaikan zakat", bahkan dalam sejarah tamadun Islam, mereka yang tidak membayar zakat diperangi oleh Khalifah Islam. Tidak membantu orang miskin dianggap menderhakai Allah. Walaupun tidak ada slogan membasmi kemiskinan, tetapi di zaman Khalifah Omar Abdul Aziz kemiskinan terhapus dengan sistem Islam yang dijalankan oleh Khalifah tersebut.

Slogan membasmi kemiskinan adalah mainan mulut Barisan Nasional dalam usaha mereka untuk memperkayakan pemimpin-pemimpin politik dan birokrat yang dekat dengan mereka seperti yang didedahkan oleh Ketua Pembangkang semalam. Untuk melaksanakan keadilan ekonomi mestilah diwujudkan falsafah kepimpinan seperti tawaduk, zuhud, terutama di kalangan orang-orang yang berkuasa Perdana Menteri dan Menteri-menteri. Di zaman Khalifah, Menteri-menteri tidak mempunyai istana. Di zaman itulah mereka menguasai separuh daripada dunia ini. Di zaman pemimpin-pemimpin umat Islam mempunyai istana

yang besar-besar sama ada di Morocco, di Mesir, di Brunei atau di Malaysia, di waktu inilah negara umat Islam ditelan satu demi satu oleh orang-orang ataupun kuasa-kuasa imperialis dunia.

Sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dari tahun 1971 hingga 1990, hampir kesemua negeri dikuasai oleh Barisan Nasional. PAS sertai Barisan Nasional dalam tahun 1973 dan pada tahun 1990 baru Pembangkang kuasai Kelantan. Dalam keadaan hampir semua negeri dikuasai oleh Barisan Nasional pencapaian untuk bumiputera dalam DEB hanyalah 20%. Sekarang Kelantan dan Sabah yang mejoriti penduduknya adalah bumiputera berada di bawah Pembangkang. Penduduk Kelantan yang berjumlah 1,200,000 orang akan tertinggal jauh kebelakang apabila Kerajaan Pusat mendiskriminasi mereka. Dasar RRJP2 dan matlamatnya akan menghasilkan pencapaian yang lebih buruk dari DEB apabila Kelantan dianaktirikan. Diskriminasi bermula dengan penafian baja kepada petani, penarikan Pengerusi Keselamatan kepada Menteri Besar, pembatalan pembinaan pusat belia di Kelantan dan entah apa lagi yang akan diterima oleh bumiputera Kelantan dan sudah tentu bumiputera Sabah akan menerima nasib yang sama.

Untuk mencapai RRJP2, kepekaan mesti ditingkatkan. Rakyat hendaklah dijadikan pressure group kepada pemerintah. Persatuan-persatuan pengguna, persatuan sosial dan alam sekitar hendaklah meningkatkan peranan mereka dan pemerintah hendaklah memberi galakan kepada mereka. Apabila pencinta alam sekitar mengkritik sistem pembalakan di Malaysia, Persatuan Pengguna mengkritik pencemaran di Malaysia, Perdana Menteri yang kita kasihi Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed melabelkan mereka sebagai agen Yahudi—ucapan Dato' Seri Dr Mahathir ketika melancarkan SEMARAK di Pulau Pinang.

Kritikan ini hanya diakui apabila Melaka ditimpa krisis air, Bright Sparklers memuntahkan peluru mautnya dan apabila pelajar di Kampar mati akibat keracunan makanan. SAM dimaki seranah sebelum Timbalan Perdana Menteri mengisytiharkan pemotongan 25% pembalakan di Malaysia. Rakyat tidak peka kerana media diarahkan melindungi Kerajaan. Kes penganiayaan wanita dapat dilindungi sebab ia dilakukan oleh pembesar negara sehingga rakyat menganggap sebarang perbuatan salah pembesar negara terlepas dari gigitan mahkamah. Kes Josephine di Melaka, kes Mustakizah, kes Mary Anne Arokiadas akan lenyap begitu sahaja kerana ia dilindungi oleh pemerintah sebaliknya kes Aishah diperbesarkan oleh media.

Walaupun kilang mercun membunuh berpuluh nyawa, pihak berkuasa tidak merasa malu apalagi untuk meletak jawatan. Rakyat pula tidak berarak di jalan raya untuk menuntut keadilan, rakyat ditakutkan dengan ISA dan Akta Polis. Bagaimana negara boleh maju jikalau pemerintah bebas melakukan jenayah dan penyelewengan dan dianggap oleh rakyat sebagai perkara biasa. Kita tidak mahu sampai ke peringkat seperti yang berlaku di Korea di mana pelajar memaling tepung ke muka Perdana Menteri sehingga tepung itu cukup untuk dibuat kueh, tetapi kita mahu rakyat menjadi peka menyokong kebaikan dan menentang segala penyelewengan, tidak kira dilakukan oleh siapa sahaja sama ada oleh parti Pembangkang atau pun oleh parti pemerintah.

Saya bersetuju dengan gagasan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen dari Marang iaitu untuk membentuk Islamic World Economic Order menjelang 30 tahun yang akan datang. Kerajaan dan rakyat hendaklah memandang ke hadapan tentang bentuk penjelmaan era baru di dunia Islam. Penolakan terhadap ideologi timur atau barat sedang berlaku di negara-negara umat Islam. Menjadi

kenyataan kemenangan Islam di Iran, bukan ada titik noktah, desakan hukum syariah di Pakistan dan kebangkitan rakyat Algeria menampakkan ideologi ciptaan manusia semakin usang. Oleh itu Kerajaan dan rakyat hendaklah juga melihat apa akan terjadi 30 tahun akan datang dari segi ideologi yang akan dianut oleh rakyat—kalau perancangannya salah, Wawasan 2020 akan hanya menjadi was-was 2020.

Untuk mencapai cita-cita Perdana Menteri yang mengemukakan Wawasan 2020, maka saya menarik perhatian Dewan supaya soal keselamatan negara diambil berat, melihat scenario politik di rantau ini. Kita tidak mahu kemajuan seperti di Kuwait dan Iraq di mana ketahanan rakyat dari segi spiritual tidak ada, selepas perang tamat kedua-dua negara hidup di atas belas ihsan kuasa-kuasa besar khasnya Amerika. Walaupun KDNK kedua-dua negara tersebut jauh melebihi Malaysia, tetapi rakyat perlu diberi ketahanan spiritual, kerohanian untuk menghadapi scenario politik pada masa yang akan datang.

Negara rantau ini tidak dapat elak daripada era kebangkitan Islam yang melanda di seluruh dunia sekarang ini. Wawasan 2020 juga sudah pasti akan gagal jikalau Islam tidak dijadikan tunjang untuk melahirkan insan berakhlak mulia. Kita tidak mahu bangunan pencakar langit memenuhi Malaysia tetapi wanita malas memakai baju seperti yang berlaku baru-baru ini di Jakarta, dan orang yang berakhlak buruk disanjung oleh masyarakat. Orang yang memiliki anak luar nikah dipuja sebagai pemimpin Islam. Orang yang menganiaya wanita menjadi pemimpin masyarakat, peristiwa berlaku dalam DEB dan kita berharap semua peristiwa ini tidak akan berulang dalam Dasar RRJP2 pada masa yang akan datang. Hanya sekian pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kuala Nerus.

5.25 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad (Kuala Nerus):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nastain.

Tuan Yang di-Pertua, saudara-saudara dan saudari-saudari sidang Ahli Parlimen yang dihormati sekalian. Saya terlebih dahulu sebagai mewakili rakyat kawasan di Kuala Nerus, Terengganu, ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengizinkan saya untuk turut sama berbahas di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17hb Jun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjalanan kita menuju ke tahun 2000 ini iklim ekonomi dan politik dunia antarabangsa menunjukkan, memaparkan satu keadaan yang serba mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi di tahun-tahun 80an dan krisis-krisis di rantau tertentu banyak meninggalkan kesan di atas penentuan dasar-dasar Kerajaan. Suasana yang lebih unik terdapat di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang bangsa, agama dan kebudayaan. Selama ini hakikat bahawa masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini sering dijadikan masalah di dalam pelaksanaan program-program pembangunan. Pengagihan kekayaan negara seringkali dilihat daripada perspektif satu bangsa menindas dan mengeksploitasi satu bangsa yang lain. Iklim ini telah kita warisi daripada zaman penjajahan dahulu lagi yang mengamalkan dasar pecah-pecah dan perintah. Setelah sekian lama kita merdeka di samping mewujudkan program ke arah integrasi nasional, sikap bangsa kita yang saling bersalah faham

ini masih diwujudkan oleh segelintir Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang seringkali mengungkit-ungkitkan isu-isu sensitif dengan tujuan untuk mencapai kepentingan peribadi dan politik dalam keadaan masyarakat yang kucar-kacir dan saling bertelingkah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, selagi Malaysia ini diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional yang bertunjangkan kepada UMNO maka selagi itulah program pembangunan untuk kepentingan rakyat akan terus digubal dan dilaksanakan.

Itu adalah tanggungjawab yang kita warisi daripada pejuang-pejuang kemerdekaan kita yang telah bermandikan darah dan air mata. Namun kejayaan dan pencapaian matlamat yang dirancangan itu bergantung di atas keupayaan kita untuk merealisasikan satu revolusi mental di mana masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dapat melupakan perbezaan yang remeh-temeh dan memiliki kesedaran bahawa masing-masing mempunyai kepentingan bersama dalam negara yang sedang membangun ini.

Mereka harus sedar bahawa kekayaan negara kita yang lumayan ini adalah untuk dikongsi oleh semua pihak. Kemakmuran dan peningkatan sesuatu kaum tidak semestinya melalui penindasan dan pengeksploitan ke atas kaum yang lain ataupun dengan menggunakan kaedah-kaedah tipu muslihat. Jika saranan ini dapat dipupuk, maka kemungkinan berulangnya Peristiwa 13 Mei akan dapat dielakkan dan visi 2020 seperti yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan dapat dicapai.

Dalam pelaksanaan revolusi mental ini selain daripada memberi sokongan kepada pelbagai program yang dianjurkan oleh Kerajaan, kita harus berwaspada kepada golongan-golongan

anti nasional yang tidak ingin kita bersatu atas sebab-sebab tersendiri, baik dari luar atau dalam negara.

Rakyat Malaysia yang prihatin di atas masalah negara dan masa hadapan generasi akan datang patut menolak dengan setegas-tegasnya kepemimpinan dan pemimpin-pemimpin politik yang sering membuka jalan ke arah perpecahan dengan mengungkit-ungkitkan isu-isu yang sensitif walaupun perkara-perkara itu telah dilindungi oleh Perlembagaan yang kita junjung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sosio-ekonomi dunia yang serba mencabar, Malaysia bertuah dan bersyukur alhamdulillah kerana mempunyai seorang Perdana Menteri yang berpandangan jauh dan terlalu prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat keseluruhannya. Sepanjang kepimpinan beliau, negara telah berupaya mengharungi zaman kemelesetan dan berupaya memperkemaskinikan struktur ekonomi negara seperti yang dirancang oleh Dasar Ekonomi Baru dahulu tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Hasilnya pembangunan ekonomi Malaysia menjadi sesuatu yang boleh dibanggakan dan dijadikan model oleh banyak negara-negara di dunia ketiga.

Pada amnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Yang Pertama iaitu pada tahun 1970-1990 dan Dasar Ekonomi Baru telah berupaya mencapai matlamatnya dengan peningkatan yang begitu menonjol semasa era pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini. RRJP2 dan Dasar Pembangunan Baru (DPB) seperti yang dibentangkan di Dewan ini adalah kesinambungan kepada dasar-dasar yang canggih. Matlamat dan dimensi dasar tetap sama. Begitu juga sasaran dan skop pembangunan yang ingin dicapai. Cuma yang berbeza ialah dari segi penekanan yang lebih meluas dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penelitian saya, nama Dasar Pembangunan Baru ataupun DPB yang diperkenalkan ini tidak begitu tepat. Adalah lebih tepat jika dinamakan dengan Dasar Pembangunan Nasional ataupun Dasar Pembangunan Kebangsaan seperti yang telah diutarakan cadangannya oleh saudara saya, wakil dari Pasir Mas semalam. Saya ulangi, cuma yang berbeza ialah dari segi penekanannya yang bersifat lebih meluas dan menyeluruh. Kalau dahulu melalui Dasar Ekonomi Baru, integrasi nasional cuba dicapai dengan memperbaiki taraf sosio-ekonomi kaum bumiputera yang jauh ketinggalan tetapi kini selain daripada melanjutkan usaha tersebut, penumpuan juga diberikan kepada kekurangan-kekurangan yang dialami oleh kaum-kaum minoriti bumiputera dan bukan bumiputera di dalam berbagai-bagai sektor dan juga ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan wilayah. Contohnya, antara Semenanjung dan Malaysia Timur dan juga antara Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung.

Target Wawasan 2020 yang diutarakan ini akan dapat dicapai melalui perkembangan di dalam sektor ekonomi tradisional seperti pertanian dan perusahaan kecil di kampung-kampung dan di desa-desa. Walau bagaimanapun, ke arah mencapai status negara ingin maju, penekanan yang lebih mestilah diberi kepada bidang perkilangan dan perusahaan. Untuk ini, infrastruktur-infrastruktur asas yang mencukupi hendaklah diadakan seperti sistem pengangkutan yang lebih canggih di seluruh Pantai Timur meliputi jalan raya yang kecil dan yang besar dan juga pelabuhan yang belum ada di Kelantan dan keretapi yang belum ada di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih. Dalam pengetahuan saya, cadangan bagi mengadakan perkhidmatan keretapi di Terengganu telah lama dibuat sehingga pelan tanah

laluannya telahpun disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Tinggal lagi hanyalah peruntukan kewangan dan pelaksanaannya sahaja yang ditunggu-tunggu. Saya sedih kerana rakyat negeri Terengganu sahajalah merupakan warganegara yang tidak pernah naik keretapi dan tidak pernah kenal keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Nasional ataupun Dasar Pembangunan Kebangsaan ini digubal ialah di atas kesedaran bahawa perbezaan yang begitu ketara di dalam struktur-struktur ekonomi dan pengagihan kekayaan negara antara kaum yang tidak seimbang tidak akan dapat menjamin sebuah masyarakat majmuk yang stabil dan bersatu. Ia diadakan untuk mengatasi kepincangan dalam masyarakat. Hasilnya akan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang lebih kukuh dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Kepentingan negara tidak lagi dilihat dari sudut etnik yang sempit tetapi masyarakat Malaysia yang lebih meluas.

Dasar ekonomi yang ingin diperkenalkan kali ini ialah untuk melengkapkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dahulu dan menjamin kesejahteraan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Dasar perlindungan sesuatu kaum akan dikurang sedikit demi sedikit. Begitu juga penglibatan terus sektor awam di dalam bidang ekonomi negara. Masyarakat Malaysia yang telah disusun semula itu akan digalakkan untuk bersaing di dalam pelbagai bidang kecuali beberapa sektor yang akan terus di bawah kawalan dan pengawasan Kerajaan.

Kita sedar bahawa sepanjang Dasar Ekonomi Baru terdapat banyak perkara yang perlu diperbetulkan terutama di dalam pelaksanaan program ke arah pencapaian matlamat dasar. Ini tidak dapat dielakkan kerana matlamat utama

ketika itu ialah menyusun semula masyarakat dan mengatasi kepincangan ekonomi antara kaum yang terdapat. Kewujudan strata masyarakat yang lebih adil akan membolehkan persaingan yang lebih sihat. Program-program integrasi nasional terus dijalankan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang saling menghormati dan percaya-mempercayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal dengan sikap segelintir anggota Pembangkang meninggalkan MPEN di saat-saat terakhir ketika hendak membuat rumusan dan cadangan kepada Jemaah Menteri untuk menggubal dasar pembangunan yang baru. Seolah-olah tidak ada satu pun kebaikan yang cuba diutarakan oleh Kerajaan. Dalam perbahasan di Dewan ini pula, anggota Pembangkang terutama sekali DAP telah membuat Usul pindaan supaya dibentuk Suruhanjaya DiRaja dan disokong oleh beberapa orang Pembangkang yang lain bagi tujuan mengawasi pelaksanaan dan pengimplementasian dasar. Terima kasihlah di atas Usul tersebut (*Ketawa*) kerana secara tidak langsung anggota Pembangkang itu menyatakan persetujuan di atas matlamat-matlamat pembangunan yang ingin dicapai oleh Kerajaan menerusi Dasar Pembangunan Nasional yang diutarakan ini.

Saranan supaya diwujudkan Suruhanjaya tersebut adalah satu langkah yang meragukan keupayaan masyarakat Malaysia sendiri untuk saling bekerjasama di samping mempersoalkan kebolehan dan kecekapan institusi pentadbiran Kerajaan Malaysia yang diakui sebagai antara yang lebih efficient, yang terbaik di dunia ini.

Ini boleh dianggap sebagai satu penghinaan yang tidak dapat diterima oleh kita kerana kita memiliki pengawal dan satu sistem perundangan yang mencukupi. Pengawal yang betul-betul paling cekap ialah kita sendiri. Semangat

kekitaan harus kita pupuk dan jika ada sesuatu yang patut dikikis ataupun diketepikan ataupun terus dibasmikan ialah anggota-anggota Pembangkang yang ekstrem yang sering meniupkan angin dan bibit-bibit perpecahan melalui sentimen-sentimen agama, kaum dan politik yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Nasional atau Dasar Pembangunan Kebangsaan yang diperkenalkan ini masih mengekalkan matlamat serampang dua mata sepertimana Dasar Ekonomi Baru juga, iaitu menyusun semula masyarakat mengikut fungsi ekonomi dan membasmi kemiskinan. Sepanjang pelaksanaan RRJP I dan DEB dahulu banyak perubahan ke arah ini telah dicapai, namun sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam akhbar utama pada 18 Jun 1991 dalam Dasar Pembangunan Nasional ini apa yang ditekankan ialah kualiti, bukan kuantiti dan matlamat ke arah integrasi nasional akan dapat dipercepatkan lagi. Lebih jelas atas saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dapat difahamkan oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 20 tahun pelaksanaan RRJP I dan Dasar Ekonomi Baru, pemilikan saham korporat bumiputera telah dapat dipertingkatkan sehingga mencapai 66.6% dari target 30% yang ditetapkan dan penglibatan bumiputera di dalam pelbagai struktur ekonomi dan perkhidmatan juga telah dapat ditambah. Memandangkan prestasi kaum bumiputera yang begitu merosot di dalam pelbagai bidang pada tahun 1970 telah dapat dicapai melalui penglibatan secara aktif oleh sektor awam di dalam bidang-bidang korporat dan perniagaan. Hasilnya ialah pengagihan kekayaan negara yang lebih saksama antara kaum-kaum di Malaysia. Matlamat yang serupa akan terus dikekalkan melalui Dasar Pembangunan Nasional ini, namun pengagihan yang lebih bermutu dan

berkesan akan diperolehi. Matlamat sekarang bukan lagi untuk mewujudkan beberapa orang ahli korporat bumiputera tetapi sebuah masyarakat perindustrian dan perdagangan bumiputera yang berdaya-tahan dan mampu bersaing dengan semua pihak.

Sistem pengagihan yang lebih saksama akan dibuat di kalangan bumiputera itu sendiri agar kekayaan akan dapat diagihkan dengan lebih meluas. Selain daripada itu, kekurangan dalam pelbagai sektor tertentu yang dialami oleh kaum minoriti dan bukan bumiputera akan dititikberatkan. Jika ini dapat dilaksanakan barulah kita dapat berbangga bahawa sesungguhnya Dasar Pembangunan Nasional ini adalah suatu dasar yang canggih yang mencerminkan inspirasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, melalui program bersepadu yang dijalankan oleh Kerajaan melalui RRJP I dan Dasar Ekonomi Baru dahulu kadar pengangguran dan inflasi telah dapat dikawal di tahap yang minima walaupun dunia amnya merasakan tekanan daripada kemelesetan ekonomi dunia. Paras kemiskinan yang agak tinggi pada tahun 1970 telah dapat diturunkan ke angka yang paling kecil walaupun kita menggunakan indeks pendapatan bulanan yang agak tinggi iaitu \$370 sebulan bagi menentukan paras kemiskinan. Meskipun pembasmian kemiskinan yang mutlak adalah tidak mungkin, namun matlamat kita seterusnya ialah, dengan izin, zero poverty dan zero unemployment. Kumpulan sasaran yang akan dititikberatkan seterusnya ialah kepada 145,000 isirumah yang dikenalpasti sebagai rakyat termiskin di samping mempertingkatkan pendapatan yang lainnya.

Dalam saat-saat usaha gigih kita ini untuk menolong rakyat jelata yang daif, ada pula segelintir pemimpin masyarakat yang mengaku dirinya tok

guru, yang mengaku bertaraf ulama, yang harus dipanggil tok guru mengeluarkan petua bahawa kemiskinan itu adalah suatu yang telah ditakdirkan oleh Allah Tuhan azzawajala, yang bermakna usaha membasmi kemiskinan ini tidaklah perlu dan dianggap serupa dengan menidakkan qada' dan qadar. Kata Perdana Menteri kita adalah pandangan dari orang yang jahil. Saya berpendapat pun begitu juga, samalah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin bertanya kepada mereka yang berkenaan di manakah golongan ini meletakkan suruhan Allah s.w.t. yang suruh insan hambanya berusaha, berikhtiar dan bertawakal sebagaimana dalam firmannya yang bermaksud, "bahawa Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan sehingga kaum itu sendirilah yang mengubah". Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, segala kemudahan seperti bantuan, subsidi, biasiswa dan berbagai-bagai yang diberikan oleh Kerajaan semua mereka terima dan berterima kasih dan ada orang dalam Dewan ini dahulu kata-kata kepada Kerajaan tetapi minta juga baja, lalu baja dicapkan dacing. Apakala dihantar baja yang bercap dacing sampailah di sebelah Pantai Timur maka pihak pemimpin Pembangkang, terutama sekali daripada Parti PAS telah memberitahu, mengajar kepada pengikut-pengikutnya ataupun tok cerik-tok ceriknya, katanya, "baja itu bukan dacing tetapi itu kandoran". Tuan Yang di-Pertua tahu "kandoran"? Kandoran ini kandor untuk mengandor beg baja itu, bukan dacing—kandor, pergilah cepat-cepat terima. Inilah arahan dari pemimpin-pemimpin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, amalan ini sentiasa dibuat secara putar-belit. Kalau dalam Dewan Parlimen kita dengar cakupnya bagus tetapi di luar Dewan kalau datang ke kawasan saya di Kuala Nerus bercakap dengan cara yang lain, salah satu yang tadilah. Yang kedua,

kalau bercakap di sana apa yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Pusat untuk menolong Kerajaan Negeri Kelantan diputarbelitkan. Misal katalah penguasaan pegawai-pegawai kaki-tangan Kerajaan di Kelantan sampai 240 lebih, hampir 300 orang penghulu, ketua kampung dan berbagai-bagai jawatan, saya baca surat-khabar sahaja tetapi betul ceritanya, telah dipecat dan diusahakan balik oleh Kerajaan Pusat untuk memberi pekerjaan kepada mereka yang telah menganggur tetapi diputarbelitkan manakala mereka sampai ke Kuala Terengganu ataupun di Kuala Nerus mengatakan Kerajaan Persekutuan yang memecatnya. Kita hendak tolong beri kerja sekarang, sudah diputarbelitkan.

Jadi inilah cara-cara permainan politik pandai kata kepada Perdana Menteri, sama ada parti Pembangkang daripada DAP ataupun parti PAS mengatakan kepada Perdana Menteri pandai bermain kata-kata. Sebenarnya pemimpin DAP dan parti PAS ini lebih pandai, lebih bijak memutarbelitkan kata-kata. Jadi, di sinilah mengelirukan rakyat di pendalaman, Tuan Yang di-Pertua.

Daripada kajian yang dibuat adalah dipersetujui bahawa golongan termiskin ini yang saya katakan tadi terus dibelenggu oleh kemiskinan atas faktor-faktor persekitaran dan warisan. Mereka dihalang oleh serba kekurangan untuk melepaskan diri dari rantai kemiskinan. Mereka ditekan oleh serba kekurangan untuk memajukan diri. Menyedari hakikat ini Kerajaan mengambil keputusan bahawa langkah seterusnya ialah melalui institusi pendidikan dan latihan disamping membuka lebih banyak ruang bagi golongan miskin mendapat pendapatan isirumah disamping juga menambah secara sepenuhnya kemudahan-kemudahan asas yang akan dapat mempertingkatkan mutu kehidupan seperti elektrik, bekalan air, jalanraya, kesihatan dan seterusnya. Jadi yang miskin terus terhimpit oleh, dengan izin, cycle of poverty terus

menerus. Keadaan yang serba kekurangan menyebabkan sukar bagi mereka untuk bertindak memajukan diri dan keluarga. Dalam hal ini, tindakan yang lebih bersepadu dari pihak Kerajaan adalah diperlukan untuk:

- (i) melegakan kesempitan hidup;
- (ii) menyediakan keperluan asas seperti tempat kediaman yang lebih selesa; seterusnya
- (iii) melengkapkan mereka dengan kebolehan yang mahir dan separuh mahir untuk membolehkan mereka bergerak meninggalkan kemiskinan itu.

Golongan miskin khasnya yang terdapat di luar bandar kekal di dalam kemiskinan kerana terpaksa oleh keadaan. Mereka mengalami kekurangan sumber pengeluaran seperti tanah untuk pertanian commercial, sistem kredit untuk perniagaan yang viable dan tenaga mahir untuk berkhidmat dalam sektor pembuatan dan perkilangan serta perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, hendak bertanah tidak ada tanah, yang hendak berniaga tidak bermodal, yang hendak bekerja tidak berkemahiran. Jadi ringkasnya, bagi menolong mereka ini perlulah pihak Kerajaan kita memberikan mereka tanah dan memudahkan dari segi mendapatkan modal dan memberikan latihan kemahiran yang cukup untuk diusahakan dalam menjadi pekerja yang maju dalam industri perkilangan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan masih belum diwajibkan di Malaysia, namun jarang sekali kedapatan kanak-kanak tidak mendapat sebarang pendidikan formal. Walau bagaimanapun, masih banyak kes di mana kesempitan keluarga menyebabkan kanak-kanak berhenti sekolah terlebih awal untuk membantu menambah pendapatan keluarga. Walaupun sudah banyak kemudahan diberi oleh Kerajaan,

namun dalam beberapa keadaan menanggung anak melalui alam persekolahan masih merupakan suatu beban kepada sesetengah keluarga yang miskin.

Sudah sampailah masa dan ketikanya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan harus melaksanakan program ke arah pendidikan percuma secara berperingkat-peringkat bermulalah daripada kelas tadika lagi, kelas Taman Bimbingan ataupun Taman Didikan Kanak-kanak lagi sehinggalah sampai ke peringkat yang tinggi. Tetapi ini tidak, keadaan sekarang tidak, bahkan kena bayar bayaran yang lebih tinggi sampai ke peringkat universiti sekali ganda hatta dua kali ganda. Ini patutlah dielakkan.

Faktor kesihatan juga biasanya dikait sealiran dengan perkembangan bidang pendidikan. Kanak-kanak yang sihat biasanya merupakan penuntut yang lebih cerdas dan cerdik. Kanak-kanak bumiputera yang sihat di luar bandar adalah diperlukan untuk membolehkan mereka bersaing dengan keadaan yang serba kekurangan. Bidang kesihatan memerlukan peruntukan kewangan tahunan yang banyak. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan terus memberi pertimbangan yang wajar dan peruntukan yang besar kepada Menteri Kesihatan.

Walau bagaimanapun, faktor kewangan ini tidaklah boleh dijadikan alasan untuk menafikan rakyat kebanyakan untuk mendapatkan kemudahan perubatan yang sebaik-baiknya. Dalam mencapai matlamat kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000, perkhidmatan perubatan secara percuma untuk semua rakyat haruslah dipertimbangkan. Dalam Parlimen yang baru lalu telahpun diseru oleh seorang Ahli Parlimen supaya diberikan pertimbangan percuma kepada pesakit-pesakit di Wad Tiga. Jumlah kewangan yang terpaksa dibelanjakan akan dapat diimbalkan oleh pembentukan anak bangsa yang sihat dan mampu menjadi

aset untuk meningkatkan produktiviti negara.

Untuk mengurangkan beban Kerajaan, satu konsep perkhidmatan yang selaras dengan National Health Service seperti yang dijalankan di United Kingdom dan di Singapura dapat dipraktikkan di mana kos kewangan dapat dikongsi bersama oleh Kerajaan dan sektor swasta melalui institusi insurans dan rakyat kebanyakan hanya membayar caruman yang minimum sahaja.

Tuan yang di-Pertua, dari segi latihan peringkat yang lebih tinggi, latihan iktisas secara terkawal hendaklah dijalankan oleh Kerajaan bagi membekalkan anak bangsa dengan kebolehan mahir dan separuh mahir. Visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Wawasan 2020 ialah menjadikan Malaysia sebuah negara maju melalui penekanan dalam sektor perindustrian, pembuatan dan perkilangan. Ini akan dapat dilaksana dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan iklim yang sesuai yang dapat menarik minat pelabur-pelabur asing.

Walau bagaimanapun, dalam keghairahan kita menarik minat pelabur-pelabur asing tadi, kita jangan lupa untuk membuat persiapan sampingan bagi membolehkan anak bangsa kita merasai nikmat pembangunan. Seringkali kita dengar sebuah syarikat yang membuka kilang tetapi terpaksa mengimport tenaga mahir dari luar kerana kita tiada atau kekurangan jurukimpal yang mahir, tukang kayu yang mahir, juruelektrik yang mahir dan sebagainya. Kekurangan pekerja-pekerja mahir seperti di Johor tidak seimbang dengan perindustrian pesat yang berlaku. Mereka terpaksa mencari tenaga di negeri-negeri lain. Dalam jangkamasa panjang ini bukanlah satu penyelesaian yang mutlak kerana yang menyebabkan kekurangan kerana ini menyebabkan kekurangan di tempat yang lain pula.

Satu contoh yang lebih baik inilah saya menyatakan iaitu tindakan Kerajaan Negeri Terengganu boleh diambil contoh melalui kerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri untuk mengeluarkan 500 orang pekerja mahir bagi tiap-tiap 6 bulan melalui Pusat Latihan Perindustrian. Pelatih-pelatih ini diberi segala kemudahan dan jaminan untuk ditempatkan di dalam pelbagai industri yang akan dibuka nanti. Cara ini patutlah diselaraskan di tiap-tiap negeri atau oleh Kementerian Sumber Manusia.

Saya rasa itulah sedikit sebanyak yang dapat saya perkatakan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kapit.

6.01 ptg.

Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17hb Jun yang lepas.

Bagi pihak rakyat di kawasan Kapit, saya merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya membentangkan usul yang bersejarah, pengakuan yang berani dan liberal serta jelas menggariskan matlamat pembangunan dalam tahun akan datang sebagai asas ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk terus mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat supaya dapat diperbaiki ketidak seimbangan sosio dan ekonomi antara kaum dan dengan itu akan menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. Dalam perkataan lain, tanpa perpaduan negara segala yang dirancang dalam DPB akan gagal. Oleh demikian, Kerajaan harus mengambil tindakan yang tegas untuk mengawal dan membendung keadaan dan perkembangan yang tidak sihat yang akan menggugat perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsur yang boleh menggugat perpaduan negara kita ialah kewujudan kumpulan pelampau-pelampau kaum atau agama. Pelampau-pelampau dari 'any other extremism', dengan izin, akan terus menggugat perpaduan antara kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lepas ada wujud kumpulan pelampau-pelampau kaum yang sentiasa meronda di kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Gerakan mereka ini makin merebak apabila demam pilihanraya negeri Sarawak di rasai. Oleh yang demikian, saya menyeru bahawa pihak berkenaan mengambil tindakan yang tegas dan berkesan untuk membendung kegiatan mereka sebelum ianya mengakibatkan peristiwa yang lebih buruk.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih malang dan bahaya ialah mereka ini menggunakan jentera dan kemudahan Kerajaan kadang-kadang berselindung di belakang Barisan Nasional untuk mereka terus bergerak di luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan DEB telah membawa perubahan dan kemajuan yang dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di seluruh negara. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh

sesiapa pun. Masalah yang timbul ialah ketidak seimbangan pengagihan peluang di antara wilayah, kawasan dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ketidak seimbangan pengagihan peluang ini diakui dengan ikhlas, jelas dan berani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau. Ini adalah sikap pemimpin yang tulus ikhlas mencari cara menyelesaikan masalah rakyat tidak mengira keturunan, bangsa dan asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suku-suku kaum bumiputera di negeri Sarawak termasuk kaum Iban serba sedikit sama menikmati hasil dan kejayaan DEB. Kalau kita bandingkan dengan keadaan kaum Iban 20 tahun lalu memang jelas hasilnya nyata. Bagaimanapun, tidak juga dapat dinafikan suku-suku kaum khususnya kaum Iban, Bidayah dan Orang Ulu masih tertinggal dalam berbagai bidang, termasuk perniagaan, sektor awam dan profesional; ramai juga masih terjerumus dalam cengkaman kemiskinan.

Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan dasar yang menjadikan mereka ini sebagai sasaran khas supaya mereka dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan masyarakat Malaysia yang lain. Ini juga meyakinkan mereka bahawa walaupun mereka minoriti di Malaysia, nasib mereka terus dibela, kepentingan mereka terus dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, dasar telah digubal. Saya berharap pihak pelaksana menerima, memahami dan bersedia melaksanakan dasar ini dengan jujur, ikhlas dan bersungguh-sungguh selaras dengan semangat DPB. Misalnya usaha berkesan harus diambil untuk mengimbangkan antara suku kaum bumiputera jumlah pegawai tinggi di Perkhidmatan Awam di negeri Sarawak khususnya di peringkat Persekutuan amnya. Saya percaya hanya dengan cara inilah kita dapat memastikan bahawa matlamat DPB dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, atas kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional maka rakyat memberi mandat yang penuh—segenap lapisan masyarakat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Menggunakan kuasa dan mandat yang diberi oleh rakyat Kerajaan Barisan Nasional merangka DPB untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan harus mengawasi bahawa tidak ada sesiapa pun menjadi batu penghalang, mengkhianati dan sabotaj DPB.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Malaysia di Sarawak akan terus memainkan tugas kami untuk memastikan kejayaan DPB. Kami bersedia berkorban apa sahaja, menempuh cabaran sepuluh tahun akan datang. Kami berharap sumbangan kami diiktiraf sepenuhnya, dan harapan serta inspirasi rakyat Malaysia di Sarawak difahami dan dihormati oleh semua pihak di semua peringkat Kerajaan. Dengan harapan itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padas.

6.08 ptg.

Tuan Radin Malleh (Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dan berbahas atas usul ini pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya juga tidak terkecuali untuk membahas usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17hb Jun lalu iaitu usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). Ini penting bukan sahaja untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Rakyat tetapi juga disebabkan usul ini adalah mustahak bagi menentukan arah mana masyarakat kita yang majmuk ini hendak dibawa di samping memberi gambaran yang

sebenarnya apa yang berlaku di seluruh pelusuk desa khususnya di kawasan saya iaitu Padas. Ini memandangkan bahawa kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah berbahas telah menyentuh perkara-perkara yang menyeluruh.

Seperti yang kita semua maklum bahawa Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini telah digubal berasaskan Dasar Baru yang diberi nama Dasar Pembangunan Baru (DPB). Dasar ini adalah ekoran daripada Dasar Ekonomi Baru yang telah berakhir pada tahun lepas. Dasar ini juga adalah satu kesinambungan kepada strategi asas Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya dapat diperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum, dan dengan itu akan menyumbang ke arah memperkukuhkan perpaduan negara. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi bahawa Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini dan Dasar Pembangunan Baru ini dirancang dan digubal berasaskan Rukunegara.

Kita tidak boleh lari daripada hakikat ini memandangkan Rukunegara adalah ideologi negara yang dianuti oleh masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan keturunan. Kita yakin dan percaya Dasar Pembangunan Baru ini akan dapat menunaikan semangat dan cita-cita serta prinsip-prinsip Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menghuraikan kejayaan pencapaian yang besar di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di bidang pertumbuhan ekonomi serta pengagihan yang saksama dalam proses pembangunan. Di samping itu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengakui terdapatnya kelemahan dan kekurangan dalam pencapaian tersebut. Oleh itu, kita

berharap benar supaya para pakar dan bijak-pandai sebelum menggubal Dasar Pembangunan Baru ini telahpun mengambilkira dan perhatian yang berat terhadap kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Kerajaan tidak payahlah mengubah atau menukar nama Dasar Pembangunan Baru kepada Dasar Pembangunan Kebangsaan ataupun Dasar Pembangunan Nasional seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Saranan beliau itu memang baik dan kita tahu dan faham mengapa beliau membuat saranan itu memandangkan beliau baru melompat masuk ke dalam UMNO, dengan menggunakan nama Dasar Pembangunan Baru bukan bererti kita kurang patriotik dan tidak taat setia kepada negara Malaysia kerana ianya berpandu dan berasaskan Rukunegara, apa yang lebih penting ialah pelaksanaannya.

Saya tidaklah bertujuan untuk pergi kepada mikro dan seterusnya ke mikro pelaksanaan dasar ini kerana saya menaruh keyakinan dan harapan bahawa para bijak pandai kita sudahpun menghalusi cara pelaksanaannya berpandukan kepada pengalaman dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dengan keyakinan dan harapan yang tebal dan kental ini, mudah-mudahan kita akan dapat merealisasikan pendekatan serampang dua mata dasar ini, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya berasa senang sekali kerana para pemimpin Persekutuan sudah sedar dan berprihatin terhadap keadaan dan kedudukan rakyat Malaysia di Sabah, terutama sekali mereka yang tinggal di

luar-luar bandar. Ini jelas sekali sepertimana di dalam petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

“Di samping itu pertimbangan akan terus diberi kepada kemiskinan relatif yang dijangka menjadi isu yang besar di masa hadapan. Apabila golongan-golongan tertentu di dalam sesuatu masyarakat itu merasai mereka lebih rendah taraf ekonominya berbanding dengan golongan lain, walaupun pada hakikat sebenarnya pendapatan mereka telah menjadi bertambah baik, besar kemungkinan mereka merasa tersisih dan hampa. Dengan itu, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbanyakkan peluang-peluang peningkatan pendapatan bagi golongan-golongan berpendapatan rendah bagi semua kaum dengan cara mempertingkatkan peluang untuk mereka menikmati perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Secara khususnya usaha-usaha yang lebih gigih akan diambil untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang luas di antara wilayah terutamanya ketidakseimbangan di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain di negara ini. Oleh kerana kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi di negeri-negeri kurang maju masih tinggi, kita akan mengatasi masalah ini dengan seberapa segera di bawah Dasar Pembangunan Baru.

Tuan Yang di-Pertua, ini selaras dengan pendapat saya apabila saya berucap di Dewan yang mulia ini di sidang yang lalu, di mana saya menganggap kemiskinan sebagai satu corak ataupun bentuk keganasan yang paling buruk atupun dengan izin, poverty is the worst form of violence.

Data-data kemiskinan sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak begitu mencerminkan keadaan dan kedudukan sebenarnya. Misalnya tidak perlu saya pergi ke merata ceruk rantau negara ini, yang paling dekat di hati sanubari saya ialah penduduk-penduduk kampung di kawasan saya sendiri iaitu di Padas, terutama sekali mereka yang duduk tinggal jauh daripada pekan, kebanyakan daripada mereka, kalau tidak pun kesemua mereka hidup di bawah paras kemiskinan. Kaum-kaum yang dilanda kemiskinan ini terdiri daripada kaum saya sendiri iaitu kaum Murut dan kaum lain seperti Lundayo, Kadazan, Dusun dan tidak kurang juga kaum Kadayan, Brunei juga kaum-kaum yang lain. Kebanyakan daripada mereka ini tidak berpeluang menikmati hasil dan manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru. Mereka ini tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas apatah lagi pembangunan infrastruktur seperti perhubungan, jalanraya, lampu elektrik, dan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya merayulah kepada Kerajaan Persekutuan supaya memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk yang tinggal jauh di kampung-kampung di negeri Sabah, dengan memberi kemudahan-kemudahan asas dan seterusnya pembangunan infrastruktur yang lain supaya mereka tidak terus ketinggalan daripada arus dan proses pembangunan.

Saya fikir rayuan saya ini tidaklah terlalu berat untuk ditunaikan oleh Kerajaan Persekutuan, kerana saya bukan meminta supaya penduduk-penduduk kampung tadi diberi tempat atau kemudahan di bidang-bidang penting seperti bidang pengurusan dan pemilikan syarikat-syarikat perniagaan dan perdagangan dan juga dalam bidang profesional. Ini perkara mustahil kerana sebahagian besar daripada mereka belum pun pandai membaca A, B, C, apatah lagi merevolusi mental mereka.

Sehubungan dengan itu di samping memberi kemudahan-kemudahan asas mereka sepatutnya diberi bangunan-bangunan sekolah dan klinik-klinik memandangkan sebahagian besar daripada mereka terpencil jauh daripada kemudahan-kemudahan ini dan belumpun pernah menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa sebahagian besar daripada penduduk-penduduk kampung yang tinggal jauh terpencil dari pekan belumpun menikmati manfaat Dasar Ekonomi Baru. Maka kali ini saya berharap benar bahawa mereka tidak akan ketinggalan lagi untuk mengecap manfaat hasil daripada Dasar Pembangunan Baru.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui bahawa kemiskinan di Sabah dan Sarawak masih tinggi berbanding dengan di Semenanjung Malaysia. Ini terbukti dalam ucapannya yang berbunyi:

“Oleh itu kemiskinan tidak lagi merupakan satu masalah yang serius di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang wujud pada tahun-tahun 1970an dahulu, tetapi di Sabah dan Sarawak walaupun kadar kemiskinan telah berkurangan dengan banyaknya, ianya masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar di Semenanjung Malaysia.”

Saya berpendapat kalau rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di luar-luar bandar terus menderita kerana tekanan kemiskinan dan tertinggal daripada arus pembangunan, maka ini bukan sahaja menunjukkan keadaan dan kedudukan yang amat menyedihkan, tetapi sama sekali tidak akan mengecapi tamaddun dunia. Kalau ini berlaku maka lambat-laun mereka akan memberontak kepada Kerajaan, kerana bak kata pepatah “berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”. Dan kalaulah ini harus berlaku, maka saya khuatir

matlamat Kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan negara tidak akan tercapai dan Wawasan 2020 yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin tidak menjadi kenyataan, tetapi tinggal sebagai impian semata. Oleh yang demikian, saya dengan rendah diri suka memberi ingatan kepada Kerajaan Persekutuan supaya responsif dan peka kepada aspirasi dan kehendak rakyat yang betul-betul memerlukan pembangunan dan kemajuan sejajar dengan semangat dan cita-cita serta prinsip-prinsip Rukunegara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Tasek Chenderoh.

6.20 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk berucap menyokong Usul supaya Dewan ini melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991–2000 dan Dasar Pembangunan Baru yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada hari Isnin, 17hb Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaannya, izinkan saya menggunakan kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad yang dengan kepekaannya amat tinggi kepada kehendak dan keperluan rakyat telah berjaya menghasilkan satu Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua beserta sekali dengan satu Dasar Baru Pembangunan Negara yang akan memandu kita semua, para pemimpin politik, para pegawai dan seluruh jentera Kerajaan serta rakyat jelata untuk bangun serta membangunkan negara kita dalam tempoh 1991–2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan satu rasional yang cukup jitu Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua digubal untuk satu jangka waktu yang menasabah dan tidak terlalu panjang seperti yang telah dilakukan dalam RRJP1. Kita telah menyaksikan betapa tempoh yang terlalu panjang dalam sesuatu perancangan RRJP terpaksa menghadapi risiko ketidaktentuan ekonomi dunia tahun 80an yang menjejaskan sebahagian daripada perancangan asal Dasar Ekonomi Baru. Pelajaran yang kita perolehi itu amat berguna untuk menghadapi rancangan baru yang sedang kita bincangkan ini. Dengan mempunyai tempoh masa yang lebih singkat iaitu selama 10 tahun, Kerajaan akan dapat mengawal dan meramalkan kemungkinan-kemungkinan jangka pendek yang lebih berketentuan. Sebagai sebuah Rangka Rancangan Jangka Panjang, Dasar Pembangunan Baru, pada anggapan saya mempunyai dua kekuatan saling berkaitan yang cukup meyakinkan.

Pertama, rancangan ini merupakan sambungan daripada Dasar Ekonomi Baru yang telah terangkum di bawah RRJP1. Yang kedua, seperti yang disebut dalam Kertas Perintah No. 8/91 rancangan ini merupakan permulaan kepada satu Wawasan yang lebih jauh ke hadapan iaitu apa yang kini dikenali oleh rakyat Malaysia sebagai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat ulasan lebih lanjut tentang kedua-dua perkara ini. Yang pertama, RRJP2 nampaknya dirangka dengan penuh kesedaran bahawa pembangunan harus bersifat homolatif. Tamaddun baru tidak boleh dibangunkan di atas keruntuhan tamaddun lama, kerana jika demikian kita akan sentiasa terpaksa bermula dari kosong. Apa yang telah dilakukan tidak perlu dilakukan semula. Dasar yang sedia ada perlu diteruskan mungkin dengan beberapa pindaan berasaskan pengalaman masa lalu

kemajuan yang telah dicapai menjadi permulaan pula kepada usaha-usaha pembangunan yang lebih baru. Di sinilah saya melihat kekuatan RRJP2. RRJP2 tidak bermula daripada tiada. Ia bergerak dari satu asas yang telah diletakkan dengan kukuh dalam satu lagi Wawasan jitu 20 tahun yang lalu. Dengan cara ini banyak yang boleh dipelajari daripada kejayaan dan kegagalan kita pada masa lalu supaya dengan lebih berhati-hati dapat pula kita melaksanakan program raksaksa yang sedang menunggu di hadapan kita sekarang ini.

Kedua, RRJP2 digubal untuk satu masa yang singkat, tetapi bagi memenuhi kehendak Wawasan yang lebih panjang, Wawasan 2020. Ini adalah dasar 10 tahun yang mengisi hanya sebahagian daripada pandangan jauh 30 tahun ke hadapan. Pada hemat saya ini adalah satu kekuatan, kerana dengan cara ini kita akan dapat mengawasi satu perjalanan yang panjang dengan menyediakan hentian-hentian di sepanjang perjalanan itu. Pada setiap hentian kita akan dapat melihat balik ke belakang mengingat apa yang tertinggal bahkan kembali ke pangkal jika diperlukan. Pada setiap hentian pendeknya kita mendapat maklumbalas terhadap apa yang telah kita capai sebelumnya seperti yang dirangka oleh RRJP2 pada tahun 2000 misalnya. Strategi seperti ini mengingatkan kita semua Ahli-ahli politik yang menggubal dasar, pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan dasar dan rakyat terbanyak yang menjadi penerima dasar itu bahawa Wawasan 2020 bukan bermakna apa yang patut dibuat pada tahun 2020. Ia sebaliknya ialah apa yang hendak dicapai pada tahun 2020. Ini bermakna Wawasan 2020 bermula sekarang. Kerja-kerja masa lalu harus disambungkan sekarang. Kerja-kerja yang belum bermula harus bermula sekarang.

Oleh kerana Wawasan 2020 tidak terpisah daripada Wawasan negara dan Kerajaan seperti yang telah dilaksanakan pada masa lalu dan yang sedang

dilaksanakan sekarang. RRJP2 merupakan jambatan penghubung yang harmoni kepada cita-cita dan impian yang telah dilaksanakan melalui RRJP1 dengan Wawasan dan harapan yang ingin dicapai pada tahun 2020. Tugas kita untuk tempoh 30 tahun berikut ini ialah menterjemahkan Wawasan baru ini ke dalam realiti sama seperti kita menterjemahkan Wawasan Dasar Ekonomi Baru 20 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut fasal 1.03 RRJP2, perpaduan negara kekal menjadi matlamat terakhir pembangunan sosio-ekonomi dalam Dasar Pembangunan Baru sama seperti yang ditetapkan dalam DEB sebelum ini. Ini sesungguhnya patut diberi pujian. Negara kita adalah nusa dalam pembentukan atau, dengan izin, a nation in the making. Kita telah memulakan kehidupan sebagai satu nusa 34 tahun yang lalu sebaik sahaja kita mencapai kemerdekaan. Tidak seperti kebanyakan negara lain, negara kita memulakan kehidupannya dengan memiliki rakyat daripada berbagai keturunan dan puak. Kepelbagaian kaum boleh dilihat sebagai satu aset yang kaya atau ancaman yang merbahaya, bergantung kepada sudut mana seseorang membuat pengamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum merupakan satu realiti yang pelik. Di satu pihak setiap hari kita melihat orang Melayu menjual-beli dengan orang Cina, orang India duduk bersebelahan dengan orang Melayu. Dua kaum yang berbeza bertikam lidah di Parlimen dalam suasana yang panas dan mesra. Gadis-gadis dari kaum yang berbeza-beza memberi layanan mesra kepada kaum yang berbeza di tempat-tempat hiburan. Penjual-penjual permaidani dari kaum India Utara menunggungu pelanggan Melayu lebih daripada pelanggan Cina atau India. Semua ini adalah pemandangan biasa kehidupan rakyat Malaysia dari semua kaum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, boleh sambung esok, masa sudah cukup untuk hari ini.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Projek Polis Di Raja Malaysia di Kampung Chim Lee, Kepong

6.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari pasukan polis telah mengadakan banyak projek di kebanyakan negeri termasuk Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Dan ini satu contoh bagi pihak polis untuk menguruskan semua ini dengan adil dan saksama. Seramai 445 isirumah iaitu termasuk 335 keluarga setinggan dan industri kecil di Kampong Chim Lee, Batu 7, Kepong telah menerima notis berpindah keluar bertarikh 26hb Mac, 1991 daripada Jabatan Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan pada awal bulan April lalu. Mereka diberi setakat 26hb Jun 1991 untuk berpindah keluar.

Difahamkan bahawa tapak berkenaan akan diguna untuk diguna membina berek polis hutan serta FRU dan sekolah memandu polis. Projek dijangka bermula dalam bulan Ogos atau September tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menerima aduan daripada para penduduk bahawa mereka diugut supaya menerima notis tertentu, kalau tidak mereka akan didenda \$10,000. Sekiranya ini benar, maka penduduk yang telah menandatangani borang-borang tersebut berbuat demikian atas paksaan dan bukan secara sukarela. Adalah besar kemungkinan bahawa apabila kebanyakan penduduk enggan menerima notis berpindah keluar, pihak polis telah menggunakan cara tertentu untuk menggalakkan para penduduk supaya menerima notis berkenaan. Seseengah penduduk mungkin telah membuat tuntutan keterlaluan atau segelintir orang sedang menanggung dalam air keruh. Tetapi ini tidak bererti bahawa pihak polis harus bertindak menggunakan cara-cara paksaan atau menakut-nakutkan para penduduk supaya berpindah keluar secara 'police state'.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini bertambah-tambah tidak adil mahu pun menunjukkan pihak polis telah bertindak dengan penuh perikemanusiaan kerana sejak notis dikeluarkan, pihak polis bukan sahaja tidak pernah memberitahu penduduk sama ada mereka akan diberi perumahan alternatif atau sebarang pampasan. Apatah lagi mengadakan perwakilan penduduk yang benar-benar dipilih secara demokratik untuk berunding dengan pihak berkuasa yang disah dan didokong oleh pihak polis, orang-orang seperti Pengerusi Jawatankuasa tidak tinggal di situ sama sekali.

Alternatif yang diminta oleh pihak para penduduk ialah rumah panjang dan pemberian priority untuk membeli

rumah kos rendah di kawasan Kepong. Pertolongan hendaklah diberi kepada kilang-kilang yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, bahkan juga kepada Ketua Polis Negara mengenai kejadian-kejadian yang tidak sihat ini di Kampung Chim Lee, mengecewakan sekali ialah kedua-dua pihak nampaknya bersikap acuh tidak acuh, enggan membalas surat atau memberi perhatian kepada projek ini.

Maka di Dewan yang mulia pada hari ini saya meminta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan sebaik-baiknya mengenai projek Polis DiRaja Malaysia di Kampung Chim Lee khususnya berkaitan dengan kebajikan serta kepentingan para penduduk dan pengusaha industri kecil dan mengesyorkan pengesyoran Kerajaan yang pihak polis tidak akan dibiar bermaharajalela menggunakan cara-cara yang luar biasa secara 'police state' dan saya berharap ucapan saya hari ini dapat memastikan semua projek di seluruh negara yang dianjurkan oleh pihak polis akan dijalankan secara adil dan saksama dan penuh dengan perikemanusiaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, sila jawab.

6.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, penduduk setinggan di Kampung Chim Lee, Kepong telah diberi masa selama tiga bulan untuk berpindah keluar iaitu mulai daripada 20hb Mac, 1991. Notis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan ini adalah mengikut Seksyen 42 (5) Kanun Tanah Negara.

Untuk makluman, tanah yang diduduki oleh para setinggan itu sebenarnya adalah untuk membangunkan projek bagi Unit Pengesan, Unit Berkuda dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU), PDRM.

Dari segi sejarah, rancangan untuk membangunkan kawasan ini telah bermula semenjak tahun 1979 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada tahun 1980 peruntukan telah diberikan bagi kerja-kerja ukur tanah. Tetapi oleh kerana adanya rumah setinggan dan telah mendapat tentangan dan halangan daripada setinggan maka projek ini telah tergendala selama 10 tahun. Walau bagaimanapun sudah sampai masanya tanah ini dimajukan dan oleh itu tapak ini diperlukan segera bagi menjalankan kerja-kerja ujian tanah dan penyediaan tapak.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang menyatakan setinggan telah diugut untuk mengisi borang tertentu adalah tidak benar. Sebenarnya borang yang dimaksudkan adalah borang akuan penerimaan notis, di mana para penerima notis perlu menurunkan tandatangan.

Walaupun bagaimanapun jika penerima notis tiada pada masa notis diberi, notis boleh ditampal sahaja di rumah mereka. Peraturan-peraturan mengenai notis ini adalah selaras dengan Seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan soal paksaan atau rela menandatangani borang tersebut tidak timbul.

Sebenarnya sebelum notis dikeluarkan, pihak PDRM sendiri telah menemui Jawatankuasa Penduduk Kampung untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai perpindahan setinggan dari kawasan tanah tersebut. Dalam perbincangan itu pihak Jawatankuasa Kampung telah diberitahu mengenai projek tersebut untuk disebarkan kepada semua para setinggan dan dengan itu peras ugut,

paksaan atau cara menakut-nakutkan para penduduk agar berpindah keluar adalah tidak timbul.

Usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk memindahkan para setinggan ke suatu kawasan yang berhampiran.

Pihak Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan telah memberi tanah T.O.L. kepada Kementerian Dalam Negeri untuk memindahkan mereka. Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah sebelum para setinggan dapat dipindahkan, masalah itu adalah termasuk:

- (a) Oleh kerana cuaca yang kurang baik maka pembinaan rumah panjang telah tergendala kerana pecahnya tasik-tasik di sekitar tapak pembinaan menyebabkan air melimpah masuk ke tanah pembinaan;
- (b) Pengambilan tanah pasir secara haram tanpa lesen menyebabkan banyak tanah yang berlubang dan menyebabkan kerja-kerja menimbus lubang-lubang berkenaan dibuat terlebih dahulu sebelum alternatif perumahan dapat didirikan.

Para setinggan memanglah telah disediakan alternatif perumahan untuk mereka berpindah, manakala bagi kilang-kilang terbabit pula, terpulang kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menentukannya. Pihak PDRM telah bersabar sejak tahun 1979 lagi. PDRM memang bersimpati dengan para setinggan dalam soal ini dan jika tidak kerana simpati ini maka sejak tahun 1979 lagi para penduduk setinggan itu telah diarahkan untuk keluar dari tanah yang mereka duduki tersebut.

Kepentingan penduduk setinggan jelas diutamakan bilamana penyediaan alternatif perumahan sebagai ganti diuruskan oleh Kerajaan.

Bayaran Perkhidmatan Kepada Institusi Kewangan

6.40 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Bank Negara telah meluluskan cadangan Association of Banks in Malaysia, dengan izin, atau ABM untuk mengenakan bayaran perkhidmatan yang berikut kepada semua pengguna-pengguna bank:

- (1) Di antara \$4 ke \$10 sebulan ke atas semua pengguna akaun semasa.
- (2) \$2 untuk setiap balance enquiry, dengan izin, untuk semua akaun.
- (3) \$1 atau \$2 untuk setiap cek yang dikeluarkan selepas 10 haribulan dalam sesuatu bulan.
- (4) Pelanggan-pelanggan bank dikenakan menanggung kos percetakan cek biasa dan khas.
- (5) Bayaran penyelenggaraan atau maintenance cost sebanyak \$2 sebulan untuk akaun simpanan.
- (6) \$12 sebagai bayaran tahunan untuk setiap pengguna ATM atau Automated Teller Machine.
- (7) Satu bayaran untuk setiap urusan menerusi setiap urusan ATM yang masih belum ditetapkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada cadangan bayaran masih dalam bentuk serupa ini. Kalau tidak, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah cadangan bayaran perkhidmatan yang disyorkan oleh ABM.

Saya ingin mendesak Kerajaan menolak sebarang permintaan dari institusi-institusi kewangan ini yang ingin mengenakan bayaran per-

khidmatan. Sebaliknya yang sedia ada harus dibatalkan kerana:

- (1) Keuntungan mereka kian meningkat khususnya dari keuntungan rahsia secara muslihat dari manipulasi faedah asas harian dan bulanan;
- (2) bayaran perkhidmatan kalau dibenarkan akan menambahkan lagi beban kepada pengguna-pengguna.
- (3) keuntungan harus berhasil dari peningkatan produktiviti; dan
- (4) institusi kewangan bertanggungjawab memberikan perkhidmatan percuma sebagai sumbangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pengguna yang menyimpan wang di bank adalah dianggap sebagai meminjamkan wang kepada bank. Adalah aneh sungguh kalau peminjam wang dikenakan bayaran perkhidmatan kerana meminjamkan wang itu dan bukan sebaliknya. Cadangan-cadangan oleh ABM ini adalah sungguh tidak munasabah malah dianggap keterlaluan oleh pengguna-pengguna.

Cuba bayangkan kalau seorang pengguna menyimpan \$20 dalam akaun simpanannya dan tidak membuat apa-apa pengeluaran wang, wangnya akan menjadi kosong selepas 10 bulan selepas dikenakan \$2 bayaran untuk akaun simpanan. Wang \$20 ini ditelan begitu sahaja. Adakah ini munasabah? Malah pada akhir bulan kesebelas, kalau akaun simpanannya tidak ditutup, pelanggan tersebut akan berhutang bank \$2 iaitu dari \$20 pada awalnya akan hutang bank \$2.

Bayaran untuk akaun semasa adalah tidak adil juga kerana wang yang disimpan dalam akaun tersebut tidak menerima faedah wang bunga yang bermakna bank berpeluang menggunakan wang secara percuma di pasaran

money market operations, dengan izin. Lagi pun, bank-bank sekarang sudah membuat keuntungan yang besar yang boleh dicerminkan dengan prestasi sistem pengurusan bank tahun ini.

Pada tahun ini keuntungan sektor urusan bank mempunyai prestasi yang dikatakan dan dianggap membanggakan oleh Bank Negara dengan untung sebelum cukai sebanyak \$1,827 juta iaitu satu peningkatan lebih dari 50% dari jumlah tahun lepas yang sebanyak \$1,217 juta. Pencapaian ini juga merupakan satu rekod ketinggian dalam sejarah sistem urusan bank kita. Jelas sekali, bank-bank kita dari sudut holistic tidak memerlukan pertambahan pendapatan yang datang dari titik peluh pengguna-pengguna khususnya dari peringkat bawahan. Kalau sumber pendapatan yang baru ini dibenarkan, ini hanya akan menegaskan sikap tamak haloba bank-bank kita yang tidak akan berbeza dari chettiar.

Urusan dan keuntungan bank selalunya dijalankan berasaskan cost plus iaitu dengan membuat perubahan atau adjustment dengan sewajarnya untuk memastikan keuntungan tanpa menghiraukan kos operasi. Justeru itu, ini bermakna bahawa bank akan dijamin keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan selalu menegaskan bahawa rakyat dan negara harus meningkatkan produktiviti dan kini menjalankan satu kempen bahawa kualiti adalah teras kejayaan. Kalau begitu, prinsip yang sama harus dikenakan ke atas bank-bank. Keuntungan harus datang dari peningkatan produktiviti dan juga kekurangan kos atau overhead dan bukan daripada mengenakan bayaran-bayaran perkhidmatan yang tidak wajar dan tidak munasabah.

Mengikut laporan Bank Negara, tahun ini produktiviti di kalangan bank telah menurun tetapi overhead telah

meningkat. Justeru itu, pihak Bank Negara harus menggalakkan bank-bank supaya mengkaji bagaimana hendak mengurangkan overhead mereka untuk menambah keuntungan dan bukan daripada mengenakan bayaran-bayaran yang tidak sewajarnya ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada, seperti yang saya pernah menimbulkan berkali-kali pada mesyuarat yang lepas, bahawa bank-bank memperoleh keuntungan secara muslihat menerusi manipulasi faedah asas harian dan bulanan. Saya tidak ingin menjelaskan dengan lebih lanjut apakah perbezaannya kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pakar dalam hal kewangan sendiri tahu bagaimana bank mengambil kesempatan dari kejahilan pengguna-pengguna bank yang tidak tahu hal kewangan untuk mendapat atau memperoleh keuntungan yang lebih daripada pengguna-pengguna. Justeru itu, saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh mengambil kira masalah dan pendapat rakyat umum dan bukan dari satu sektor yang mendapat keuntungan yang maha besar sekali. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita maklum bahawa setiap perkhidmatan yang disediakan untuk orang ramai sama ada oleh pihak awam ataupun swasta pada amnya melibatkan kos. Bagi badan-badan perniagaan termasuk institusi-institusi kewangan, pengenaan bayaran ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh mereka adalah merupakan satu amalan biasa kerana ia merupakan sebahagian daripada aktiviti perniagaan mereka.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan pada kebiasaannya memberi kemudahan dan keselesaan kepada pihak-pihak yang menggunakannya. Dengan demikian, adalah wajar sekiranya pengguna-pengguna dikenakan bayaran ke atas apa-apa perkhidmatan yang memberi kemudahan yang lebih baik kepada mereka.

Sekiranya institusi-institusi kewangan dihalang daripada mengenakan bayaran perkhidmatan, ia boleh menyekat daya usaha mereka untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang baru, yang sesuai dengan peredaran masa dan ini boleh menjejaskan proses pemodenan dan kemajuan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa bayaran yang dikenakan adalah berpatutan dan setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan. Di samping itu juga, Kerajaan akan memastikan bahawa bayaran perkhidmatan hanya dikenakan kepada mereka yang memilih untuk menggunakan perkhidmatan berkenaan sahaja dan perkhidmatan pilihan akan disediakan kepada mereka yang tidak sanggup menggunakan perkhidmatan yang mengenakan bayaran.

Mengenai cadangan institusi-institusi kewangan untuk mengenakan bayaran perkhidmatan baru kepada pelanggan-pelanggan mereka, sukacita dijelaskan bahawa cadangan itu bertujuan untuk mewujudkan peraturan-peraturan mengenai bayaran perkhidmatan dan amalan-amalan yang seragam bagi bank-bank di Malaysia. Cadangan itu telah dikemukakan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia untuk dipertimbangkan oleh Bank Negara sampai pada hari ini.

Pihak Bank Negara sedang mengkaji dengan teliti cadangan-cadangan yang dikemukakan itu bagi memastikan kesesuaiannya. Adalah tidak wajar jika sekiranya Bank Negara menolak cadangan-cadangan itu tanpa mengkaji

dan memberi pertimbangan yang sepatutnya ke atas cadangan-cadangan tersebut. Antara sebab-sebab yang dikemukakan oleh Persatuan Bank-bank dalam mencadangkan pindaan mereka ke atas bayaran-bayaran perkhidmatan bank adalah seperti berikut:

- (1) kenaikan kos-kos pentadbiran dan operasi yang mana kos tersebut kini ditanggung oleh bank;
- (2) pelaburan yang banyak dalam menyediakan perkhidmatan bank secara elektronik yang moden; dan
- (3) bagi mengurangkan dan menghapuskan subsidi bersilang, atau dengan izin, cross subsidisation.

Dalam mengkaji cadangan-cadangan persatuan bank-bank tersebut asas yang digunakan oleh Bank Negara adalah seperti berikut:

- (i) memastikan bahawa pelanggan tidak dikenakan bayaran yang terlalu tinggi dan mewujudkan suasana persaingan dan inovasi di kalangan bank dengan menetapkan kadar bayaran maksimum;
- (ii) mewujudkan keadaan di mana kos yang dikenakan oleh bank-bank akan disertakan dengan pulangan tertentu kepada pelanggan-pelanggannya;
- (iii) mengurang ataupun menghapuskan subsidi bersilang yang wujud di antara perkhidmatan bank, iaitu aktiviti pemindahan wang dengan perkhidmatan berian pinjaman, iaitu aktiviti perantaraan kewangan dan di antara pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan berlebihan dengan pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan secara biasa;

- (iv) sekiranya perlu, bayaran dendaan akan dikenakan untuk mengurangkan pengguna yang berlebihan atau penyalahgunaan oleh pelanggan bank. Pada masa ini bentuk pengenaan bayaran-bayaran perkhidmatan bank adalah sama ke atas semua golongan pengguna sama ada pengguna yang menggunakan perkhidmatan bank secara berlebihan ataupun pengguna yang kurang menggunakan perkhidmatan bank.

Dengan struktur baru bayaran-bayaran perkhidmatan bank yang dicadangkan itu adalah diharapkan satu kaedah yang lebih cekap dapat diwujudkan untuk memastikan pengguna-pengguna perkhidmatan bank dikenakan bayaran yang lebih adil dan saksama mengikut kekerapan penggunaan masing-masing. Bank juga dikehendaki untuk menetapkan bilangan urusan bank yang percuma supaya hanya pengguna-pengguna yang berlebihan sahaja, pengguna-pengguna bank yang secara besar-besaran yang perlu membayar untuk penggunaan perkhidmatan bank yang tertentu. Setakat yang mungkin pelanggan-pelanggan juga akan diberi pilihan di dalam menggunakan perkhidmatan bank itu supaya pelanggan yang tidak mahu menggunakan perkhidmatan yang baru tidak akan dikenakan bayaran perkhidmatan baru itu.

Struktur bayaran-bayaran perkhidmatan bank yang dicadangkan itu juga akan cuba mengurangkan ataupun menghapuskan subsidi bersilang dalam kos yang kini ditanggung oleh peminjam-peminjam dalam bentuk kadar pinjaman yang dikenakan. Dengan cadangan itu peminjam-peminjam dijangka akan menikmati kadar pinjaman yang lebih rendah apabila mereka tidak perlu lagi membayar ataupun menyerap kos yang dipindahkan itu. Selain daripada itu, bank perdagangan mungkin akan dibenarkan

untuk mengenakan bayaran yang berpatutan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan runcit, contohnya urusan yang melibatkan cek tetapi Bank Negara akan memastikan bahawa bank perdagangan tidak hanya memperolehi sesuatu daripada pelanggan melalui bayaran-bayaran yang dikenakan tetapi juga memberi balasan kepada pelanggan dalam bentuk-bentuk tertentu seperti pulangan dalam bentuk bayaran faedah di atas baki dalam akaun semasa.

Dalam mencadangkan bayaran-bayaran yang baru ini persatuan bank-bank juga adalah dikehendaki untuk menentukan bagaimana pengguna-pengguna boleh mendapat manfaat daripada cadangan tersebut. Misalnya mereka mungkin boleh menerima faedah ke atas akaun-akaun semasa. Kesan keseluruhan kenaikan bayaran ini akan membawa kepada pertambahan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai.

Secara amnya sebarang kenaikan yang mungkin dilaksanakan dalam bayaran perkhidmatan bank akan melibatkan bayaran yang sederhana sahaja di mana kadar maksimum yang boleh dikenakan oleh bank-bank akan ditetapkan dan bank-bank juga mungkin akan dibenarkan mengenakan bayaran di bawah kadar maksimum yang ditetapkan bagi mewujudkan persaingan di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai untung secara muslihat. Secara khususnya saya ingin menyebut di sini bahawa jika sekiranya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai kira-kira bayaran berdasarkan kepada apa yang wujud pada satu-satu tahun ataupun apa yang dirujuk sebagai sama ada ianya dikira berdasarkan kepada yearly rest ataupun monthly rest, dengan izin. Seterusnya, jika sekiranya untung secara muslihat juga dikesan melalui

sama ada faedah itu adalah faedah yang nominal berbeza dengan faedah yang efektif. Maka pada hari ini Bank Negara sedang pun berunding dengan pihak persatuan bank-bank untuk memastikan bahawa akan tiba masanya bahawa asas kiraan pada masa-masa yang akan datang secara uniform di antara bank-bank dalam negara kita ini adalah berdasarkan kepada monthly rest. Seterusnya, kita hendak menegaskan kepada pihak bank-bank bahawa kiraan kadar faedah bukan berdasarkan kepada nominal, tetapi kita akan mengiranya berdasarkan kepada yang efektif.

Seterusnya mengenai untung muslihat yang mungkin didapatkan daripada sumber insurans rebet yang dinikmati oleh pihak bank. Ada dakwaan mengatakan bahawa rebet itu tidak disampaikan kepada pelanggan 100%. Ingin saya menegaskan di sini bahawa insurans rebet yang diterima oleh pihak bank sebahagian daripadanya adalah merupakan komisyen yang sewajarnya dinikmati oleh pihak bank kerana bank bertindak sebagai agen kepada pelanggan-pelanggan yang menggunakan kemudahan insurans itu. Pada hari ini hanya 1/3 daripada bayaran rebet ataupun komisyen ini disampaikan kepada pihak pelanggan untuk dinikmati oleh pelanggan dan sekarang ini sedang dibincangkan supaya rebet ini juga dinikmati oleh pelanggan tidak kurang daripada separuh daripada rebet yang diberikan oleh pihak insurans. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini amat disedari oleh pihak Bank Negara. Selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, amalan-amalan yang berbeza-beza di antara bank akan dipastikan supaya ianya merupakan amalan-amalan yang uniform.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya tegaskan di sini bahawa apa juga bayaran-bayaran yang dikenakan oleh pihak bank pada masa-masa yang akan datang maka masyarakat sewajarnya memahami perkara-perkara tersebut melalui proses pendidikan mengenai amalan-amalan industri bank dan jika sekiranya kefahaman masyarakat agak lebih meluas lagi dan dalam keadaan di mana industri itu terdedah kepada suasana bersaing (competition), kita mengharapkan bahawa masyarakat keseluruhannya akan dapat menikmati perkhidmatan bank yang lebih baik lagi sama ada dari segi kualiti perkhidmatan ataupun dari segi bayaran-bayaran perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Maka proses persaingan yang digalakkan dalam industri bank melalui tindakan liberalisation dan deregularisation, dengan izin, dalam sistem bank membawa kepada arah amalan-amalan yang lebih sihat dalam industri bank itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.59 petang.